

TARTIB NUZUL AL-QURAN: KAJIAN PERBANDINGAN
ANTARA MA'ARIJ AL-**TAFAKKUR WA DAQA'IQ**
AL-TADABBUR DENGAN FAHM AL-QURAN AL-HAKIM

MUHAMMAD IBRAHIM BIN MOHD NAIM

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2019

**TARTIB NUZUL AL-QURAN: KAJIAN PERBANDINGAN
ANTARA *MA'ARIJ AL-TAFAKKUR WA DAQA'IQ*
AL-TADABBUR DENGAN *FAHM AL-QURAN AL-HAKIM***

MUHAMMAD IBRAHIM BIN MOHD NAIM

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
SARJANA USULUDDIN**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2019

TARTIB NUZUL AL-QURAN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA *MA'ARIJ AL-TAFAKKUR WA DAQA'IQ AL-TADABBUR* DENGAN *FAHM AL-QURAN AL-HAKIM*

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan metodologi *tartīb al-Nuzūl* yang digunakan oleh ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah (1927-2004) dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī(1936-2010) dalam mentafsirkan al-Quran menerusi karya utama iaitu *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqāiq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*. Permasalahan utama kajian ini ialah sejauh mana kepentingan penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl* dalam memahami al-Quran. Justeru, kajian ini bertujuan membandingkan metodologi yang digunakan oleh kedua-dua ilmuan al-Quran moden ini dalam menerangkan metode *tartīb al-Nuzūl* serta kesan kepada pentafsiran al-Quran. Objektif kajian ini juga ialah memperkenalkan tokoh kajian dan perkembangan ilmu mereka serta sumbangan kedua-dua tokoh kajian. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan metode dokumentasi dalam proses pengumpulan data dan merujuk kepada sumber primer dan sekunder. Metode perbandingan digunakan dalam menganalisis karya dan rangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl*. Di peringkat awal, kajian ini memberi perhatian khusus kepada perbahasan *tartīb al-Nuzūl* dari segi definisi, sejarah kemunculan, wacana perbincangan dalam kalangan ilmuan Islam dan kritikan terhadap *tartīb al-Nuzūl*. Di antara hasilnya, pendekatan tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan suatu usaha baru dalam memahami al-Quran dan merupakan suatu bentuk tawaran semula kepada generasi hari ini dengan tahap yang boleh dicapai dan sesuai dengan kemampuan umat Islam pada masa ini. Usaha tafsir ini bertujuan mengangkat pemahaman al-Quran melihat kepada perjalanan sirah dan dakwah Nabi SAW sepanjang penurunan al-Quran. Hasil penelitian, pengkaji mendapati bahawa terdapat perbahasan panjang berkaitan penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, serta terdapat perbezaan pada penyusunan surah al-Quran dan pendekatan kedua tokoh ini.

Kata kunci: Ḥabannakah, al-Jābirī, *tartīb al-Nuzūl*, tafsir, sīrah.

Universiti Malaya

**TARTIB NUZUL AL-QURAN: A COMPARATIVE STUDY BETWEEN MA'ARIJ
AL-TAFAKKUR WA DAQA'IQ AL-TADABBUR AND FAHM AL-QURAN AL-
HAKIM**

ABSTRACT

This study discusses the methodology of *tartīb al-Nuzūl* used by 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah (1927-2004) and Muhammad 'Ābid al-Jābirī (1936-2010) in interpreting the Qur'an through the main writings of *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqāiq al-Tadabbur* and *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*. The study aims to compare the methodology used by both Quran modern scholars in describing the method of *tartīb al-Nuzūl* and the effect of the interpretation of the Qur'an. The objective of this study was to introduce their research and development characters as well as the contributions of both research figures. This is a qualitative study that uses documentation methods in the data collection process and refers to primary and secondary sources. Comparative methods are used in analyzing the work and the framework of *tartīb al-Nuzūl*'s thinking. In the early stages, this study paid special attention to *tartīb al-Nuzūl*'s debate in terms of definition, history of emergence, discussion discourse among Islamic scholars and criticism of *tartīb al-Nuzūl*. Among the outcome, the *tartīb al-Nuzūl* interpretation approach is a new effort in understanding the Qur'an and is a form of offering back to today's generation with the level that can be attained and suitable according to the ability of Muslims today. The effort of interpretation is aimed at elevating the understanding of the Qur'an towards the journey of the history and preaching of the Holy Prophet throughout the Quran revelation. The results of the study found that there was a difference in the arrangement of the Qur'anic verses and the approach of these two figures.

Keywords: Ḥabannakah, al-Jābirī, *tartīb al-Nuzūl*, interpretation, *ṣīrah*.

PENGHARGAAN

ب
الرحمن الرحيم

Selayaknya segala puji-pujian bagi Allah SWT di atas segala nikmat dan izinNya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Baginda Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat Baginda dan orang-orang soleh yang sentiasa meneruskan legasi kebenaran. Alhamdulillah, setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas segala nikmat yang diberikan dan keizinan yang dikurniakan sehingga dapat menyempurnakan kajian ini dengan jayanya.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga diberikan kepada al-Fadhil Profesor Madya Dr Mustaffa bin Abdullah selaku penyelia yang telah banyak memberikan bimbingan dan panduan, yang sentiasa memberikan sokongan motivasi kepada pengkaji mendepani segala cabaran dan mehnah di sepanjang kajian ini dilakukan serta sabar dalam mendidik pelajarinya. Sekalung apresiasi buat semua kakitangan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM) khususnya kepada pensyarah Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Dr Khader Ahmad, Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman, Dr Faisal Ahmad Shah, Dr Sedek Ariffin, Dr Munirah @ Monika Abd Razzak, Dr Selamat Amir, Dr Alihanafiah, Dr Thabit al-Hajj, Puan Norlina Istar, kakitangan Bahagian Ijazah Tinggi, Puan Norazah Ithnin, para pensyarah, pembantu penyelidik serta kakitangan sokongan.

Kesyukuran yang tidak terhingga kepada arwah ayahanda tercinta yang ingin melihat anaknya berjaya, Mohd Naim bin Ali dan ibunda tercinta Yasmin binti Hassan kerana sentiasa memberikan sokongan, dorongan dan iringan doa yang tidak henti sehingga dapat menyelesaikan pengkajian ini. Juga buat seluruh ahli keluarga Fatimah binti Mohd Naim, dan Ahmad Ismail bin Mohd Naim yang sentiasa mendoakan dan

memberikan sokongan dan tidak dilupakan kepada Raihan Adila binti Ramzi, Ahmad Fathi bin Adam dan Muhammad Fathi bin Mohd Nasir kerana banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada pengkaji sepanjang proses penulisan. Semoga Allah SWT membalas jasa kalian.

Akhir kata, sekali lagi pengkaji mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan kajian ini, tanpa iringan doa, sokongan, dorongan serta kerjasama yang diberikan, mustahil bagi pengkaji untuk menyempurnakan kajian yang terhad ini. Semoga Allah SWT memberkati setiap usaha yang diberikan dan mengganjari dengan sebaik-baik ganjaran.

MUHAMMAD IBRAHIM BIN MOHD NAIM

LOT 55, KAMPUNG HUDA

JALAN SULTAN YAHYA PETRA

15200 KOTA BHARU

KELANTAN

alfaridarabiy@gmail.com

18 Mac 2019

JADUAL TRANSLITERASI

a. Huruf-huruf

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ا	-
ء	'
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	ḥ
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	ṣ

HURUF ARAB	HURUF RUMI
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h,t

b) Vokal Pendek

Vokal Pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَـ	a	قَنَاتَ	<i>qanata</i>
ـِـ	i	سَلِيمَ	<i>salima</i>
ـُـ	u	جَعَلَ	<i>ju'ila</i>

c) Vokal Panjang

Vokal Panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا، ي	a	كُبْرَى	<i>kubrā</i>
ي	i	وَكَيْلَ	<i>wakīl</i>
و	u	سُورَةَ	<i>sūrah</i>

d) Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ـَـو	aw	قَوْلَ	<i>qawl</i>
ـِـي	ay	خَيْرَ	<i>khayr</i>
و	uww	قُوَّةَ	<i>quwwah</i>
ي	iy/ī	عَرَبِيَّ	<i>'arabiyy</i>

SENARAI KEPENDEKAN

AS :	‘alayhissalam
bil. :	bilangan
cet. :	cetakan
Dr. :	Doktor
ed. :	edisi/editor
et al. :	dan rakan-rakan
H :	Hijriyyah
Hj :	Haji
hlm. :	Halaman
Ibid:	Ibidem yakni rujukan bagi halaman
M :	Masihi
m. :	Meninggal dunia
no. :	Nombor
Prof. :	Profesor
RA :	radiyallahu ‘anh
SAW :	sallahu ’alayhi wa sallam
SWT :	Subhanahu wa Ta’ala
Sdn. Bhd :	Sendirian Berhad
Terj. :	terjemahan
t.p. :	Karya tanpa penerbit
t.t. :	Karya tanpa tarikh
t.tp. :	Karya tanpa tempat terbit
v. :	volume

DAFTAR KANDUNGAN

KANDUNGAN	HALAMAN
Abstrak	III
Abstract	V
Penghargaan	VI
Jadual Transliterasi	VIII
Senarai Kependekan	X
Daftar Kandungan	XI
Senarai Jadual	1
Bab Pendahuluan	
1. Pengenalan	1
2. Latar Belakang Masalah Kajian	4
3. Penyataan Masalah Kajian	7
4. Objektif Kajian	9
5. Persoalan Kajian	10
6. Kepentingan Kajian	10
	xi

7. Skop Kajian	11
8. Tinjauan Kajian-Kajian Lepas	12
9. Metodologi Kajian	19
10. Susunan Kajian	23

Bab Satu: Perbahasan Tafsir *Tartīb Al-Nuzūl*

1.1 Pengenalan	26
1.2 Definisi Tafsir <i>Tartīb Al-Nuzūl</i>	26
1.3 Kemunculan Awal Tafsir <i>Tartīb Al-Nuzūl</i>	27
1.4 Wacana <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Dalam Kalangan Ilmuan Islam	29
1.5 Wacana <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Dalam Kalangan Orientalis Barat	32
1.6 Faedah Manhaj <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Dalam Pentafsiran Al-Quran	34
1.7 Rujukan Susunan Surah Al-Quran	37
1.8 Riwayat Susunan Surah Al-Quran Mengikut Penurunan	39
1.9 Kritikan Terhadap Metodologi Tafsir <i>Tartīb Al-Nuzūl</i>	44
1.10 Fatwa Terhadap Manhaj <i>Tartīb Al-Nuzūl</i>	45
1.11 Kesimpulan	46

Bab Dua: Biodata ‘Abd Al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid Al-Jābirī Serta Pengenalan Karya *Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur* dan *Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm*

2.1 Pengenalan	48
2.2 Biodata ‘Abd Al-Raḥmān Ḥabannakah Al-Midānī	49
2.3 Karya Tafsir: <i>Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur</i>	61
2.3.1 Sebab Penulisan	62
2.3.2 Tempoh Penulisan	62
2.3.3 Rujukan Tafsir	63
2.3.4 Mukaddimah Kitab	66
2.3.5 Cetakan Kitab	68
2.4 Biodata Muhammad ‘Ābid Al-Jābirī	68
2.5 Karya <i>Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm</i>	78
2.5.1 Sebab Penulisan	78
2.5.2 Tempoh Penulisan	80
2.5.3 Rujukan Tafsir	80
2.5.4 Mukaddimah Kitab (<i>Madkhal Ilā Al-Qurān Al-Karīm</i>)	81
2.5.5 Cetakan Kitab	81
2.6 Kesimpulan	82

Bab Tiga: Kerangka Pemikiran *Tartīb Al-Nuzūl* Dalam *Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur* Dan *Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm*

3.1 Pengenalan	83
3.2 Bahagian Pertama: <i>Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur</i>	84
3.2.1 Signifikan Ilmu <i>Nuzūl</i> Al-Qurān Dan Konteks Individu, Masa Dan Lingkungan Persekitaran Ketika Penurunan Wahyu	84

3.2.2	Rahsia Tahap-Tahap Penurunan Al-Quran (<i>Marāḥil Al-Tanzīl</i>)	87
3.2.3	Hikmah Pengkategorian Ayat <i>Madaniyyah</i> Yang Diturunkan Dalam Surah <i>Makkiyyah</i> Dan Sebaliknya	91
3.2.4	Kekuatan Sumber <i>Asbāb Al-Nuzūl</i>	95
3.2.5	Memahami Integrasi Dan Terapi Rabbani Dalam Pendidikan Al-Quran	96
3.3	Bahagian Kedua: Pemikiran Tafsir <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Menurut Muhammad ‘Ābid Al-Jābirī	99
3.3.1	Definisi Al-Quran	100
3.3.2	Metode Pentafsiran <i>Al-Faṣl</i> , Dan <i>Al-Waṣl</i>	101
3.3.3	Kepentingan Manhaj <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Dalam Pentafsiran Al-Quran	103
	Pertama : Memahami Hubungkait Kisah-Kisah Al-Quran Dengan Perjalanan Dakwah Nabi	104
	Kedua: Memahami Al-Quran Dengan Sirah Dan Memahami Sirah Dengan Al-Quran (<i>Qirāāt al-Qurān bi al-Sīrah wa Qirāāt al-Sīrah bi al-Qurān</i>)	108
3.3	Kesimpulan	111

Bab Empat : Analisis Perbandingan *Tartib Al-Nuzūl* Antara Tafsir *Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daq‘iq Al-Tadabbur* Dan *Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm*

4.1	Pengenalan	113
4.2	Perbandingan Faktor Pendorong Penulisan Tafsir <i>Tartib Al-Nuzūl</i>	114
4.3	Perbandingan Kandungan Kitab	115
4.4	Perbandingan Perbahasan ‘ <i>Ulūm Al-Qurān</i> Dan Sirah	116
4.4.1	<i>Asbāb Al-Nuzūl</i>	116
4.4.2	<i>Isrā‘iliyyāt</i>	120

4.4.3 Ilmu <i>Qirāāt</i>	122
4.4.4 <i>Al-Sīrah Al-Nabawiyah</i>	123
4.5. Perbandingan Metodologi Penyusunan Surah <i>Makkiyyah</i> Dan <i>Madaniyyah</i>	125
4.5.1.(A) Susunan Surah <i>Makkiyyah</i>	127
4.5.1.(B) Susunan Surah <i>Madaniyyah</i>	129
4.6 Perbandingan Persembahan Karya	134
A) Tafsir <i>Ma'ārij Al-Tafakkur Wa Daqā'iq Al-Tadabbur</i>	134
B) Tafsir <i>Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm</i>	137
4.7 Kesan <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Terhadap Pentafsiran Al-Quran	145
4.7.1.(A) <i>Ma'ārij Al-Tafakkur Wa Daqā'iq Al-Tadabbur</i>	145
4.7.1.(B) <i>Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm</i>	150
4.8 Kesimpulan	

Bab Lima: Rumusan dan Cadangan

5.1 Pengenalan	154
5.2 Rumusan	154
5.3 Kekuatan Manhaj Tafsir <i>Tartīb Al-Nuzūl</i> Dalam Tafsir <i>Ma'ārij Al-Tafakkur Wa Daqā'iq Al-Tadabbur</i> Dan <i>Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm</i>	157
5.4 Kelemahan Tafsir <i>Ma'ārij Al-Tafakkur Wa Daqā'iq Al-Tadabbur</i> Dan <i>Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm</i>	158
5.5 Saranan	159
5.6 Rujukan	160

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Peringkat Sirah dan Penurunan Al-Quran Menurut Al-Jābirī	109
Jadual 4.1	Perbandingan Faktor Pendorong Penulisan Tafsir	112
Jadual 4.2	Perbezaan Susunan Surah <i>Makkiyyah</i>	123
Jadual 4.3	Susunan Surah <i>Madaniyyah</i>	127
Jadual 4.4	Tema Peringkat Penurunan Surah Al-Quran Al-Jabiri	129

Universiti Malaysia

BAB PENDAHULUAN

1. Pengenalan

Allah SWT telah memuliakan umat Islam dengan penurunan al-Quran dan al-Quran merupakan kitab suci yang penuh kebesaran dan bukti keesaan Allah SWT. Kandungan setiap ayat al-Quran menjadi petunjuk dan pedoman kepada manusia hingga ke hari kiamat. Kemuliaan al-Quran bukan sekadar perhiasan bahkan kandungannya adalah untuk dihayati dan dipraktikkan agar benar-benar menjadi petunjuk dalam kehidupan.

Apabila disoroti sejarah penurunan al-Quran, al-Quran diturunkan pada bulan yang mulia iaitu pada bulan Ramadhan dan dibawa turun oleh sebaik-baik malaikat iaitu Jibril AS kepada sebaik-baik manusia iaitu Nabi Muhammad SAW dan al-Quran diturunkan secara berperingkat¹, seperti mana firman Allah SWT menerusi ayat :

شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَاتٍ مِّنَ الْهُدَىٰ وَالْفُرْقَانِ

al-Baqarah 2: 188

Terjemahan: Bulan Ramadhan yang padanya diturunkan al-Quran, menjadi petunjuk bagi sekalian manusia, dan menjadi keterangan-keterangan yang menjelaskan petunjuk dan (menjelaskan) perbezaan antara yang benar dengan yang salah.²

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿١﴾

al-Qadr 97:1

Terjemahan : Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada malam al-Qadar.³

¹ Lihat Mannā' Qaṭṭān, *Mabāhith Fi Ulūm al-Qurān*, Maktabah Wahbah, Kaherah, Cet.7, 95.

² Surah al-Baqarah ayat 185

³ Surah al-Qadr ayat 1.

Hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat⁴ ialah bagi menetapkan hati-hati umat Islam, memudahkan untuk memahami isi kandungan al-Quran serta menghafalnya dengan baik, memberi penyelesaian ke atas pelbagai persoalan yang sering berkembang, memberi penilaian atas pelbagai peristiwa, dan memberi keringanan ke atas beban yang ditanggung oleh Rasulullah SAW. Natiujahnya, para sahabat Rasulullah SAW dapat memahami al-Quran dengan baik sekaligus menguasai pemahaman syariat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan baik. Hubungan para sahabat Rasulullah SAW dengan al-Quran sangat baik, malahan hari-hari mereka bersama al-Quran, tidak menjadikan mereka berasa jemu dengan al-Quran seperti mana diungkapkan oleh seorang sahabat yang bernama ‘Abdullah bin Mas’ud “kami tidak pernah kenyang dengan al-Quran” dan ini membuktikan bahawa mutiara kandungan al-Quran terus-menerus menyuburkan iman para sahabat. Para sahabat Rasulullah SAW, pada ketika zaman Rasulullah SAW masih hidup, mereka memanfaatkan sepenuhnya masa mereka untuk memahami al-Quran dengan sebaiknya dan seterusnya mengajar para tābi’īn mengenai makna-makna kalimah al-Quran dan tafsirannya.

Tafsir dari sudut bahasa ialah keterangan dan kenyataan. Manakala dari segi istilah ialah ilmu yang membicarakan perihal al-Quran berdasarkan dalil-dalil terhadap maksud dan tujuan Allah sekadar yang termampu oleh daya pemikiran manusia. Sebahagian ulama memberikan pengertian tafsir sebagai perkara-perkara yang berhubung dengan kedudukan kalam Allah SWT yang dimulai dari sudut sanad atau sandaran lafaz dan pengertian makna yang berhubung dengan sesuatu hukum. Menjadi keperluan kepada umat Islam untuk mendalami, mentadabbur al-Quran, memerhati dengan teliti kalimah-kalimah al-Quran kerana al-Quran diturunkan untuk manusia sepanjang zaman dan tempat. Oleh itu, umat dituntut berinteraksi memahami al-Quran

⁴ Rujuk Mannā’ Qaṭṭān, *Mabāhith Fī Ulūm al-Qurān*, Cet. 7, (Kaherah, Maktabah Wahbah), 95, 100-111.

sebagaimana tuntutan yang pernah ditujukan kepada masyarakat yang menyaksikan turunnya al-Quran. Memahami dan mentafsirkan al-Quran merupakan tuntutan dan perintah al-Quran sendiri selama mana pentafsiran tersebut dilakukan secara sedar dan bertanggungjawab. Walaupun Islam memberi kebebasan untuk mentafsirkan al-Quran, namun ia mempunyai batas-batas yang perlu dipatuhi sebagaimana dalam setiap disiplin ilmu. Mengabaikan pembatasan-pembatasan tersebut akan menimbulkan pemikiran yang songsang dalam kehidupan.

Secara umumnya, manhaj pentafsiran dan penulisan kitab-kitab tafsir al-Quran berbeza mengikut penulis kitab tafsir dan setiap manhaj memainkan peranan penting dalam memahami al-Quran dengan lebih mendalam dan tepat. Untuk mengetahui manhaj seseorang mufassir, pengkaji hendaklah mengkaji pengantar bagi tafsir tersebut yang ditulis oleh penulis tafsir tersebut dan mengkaji tafsir mereka dengan teliti supaya dapat mengetahui penjelasan mengenai kaedah-kaedah yang telah diisyaratkan oleh penulis dalam tulisan pengantar tafsir mereka.⁵

Manhaj *tartīb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Quran merupakan suatu pentafsiran baru dipelopori oleh Muhammad ‘Izzat Darwazah menerusi karya tafsir beliau *al-Tafsīr al-Ḥadīth*. Fokus utama manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* adalah untuk meneliti dan mengkaji proses penurunan al-Quran perkaitan antara wahyu al-Quran dengan konteks masyarakat, sirah dan dakwah baginda Nabi SAW. Dalam masa yang sama, memberi perspektif baru dalam manhaj pentafsiran al-Quran sesuai dengan perkembangan zaman.

Usaha memahami teks-teks al-Quran dan merealisasikan pesan moral dalam al-Quran dengan melihat kronologi penurunan al-Quran ataupun *asbāb al-Nuzūl* telah diteruskan oleh tokoh ilmuan seperti Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī.

⁵ Ṣolāh ‘Abd al-Fattāh al-Khālidīy, *Ta’rīf al-Dārisin bi Manāḥij al-Mufasssīrīn*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2008), Cet.3, 20.

Kedua tokoh ini menekankan pendekatan sejarah (*tartīb al-Nuzūl*) dalam penulisan karya tafsir mereka, kerana menurut mereka kajian sejarah merupakan kajian bagi menemukan keterkaitan antara realiti dengan teks, dengan bertujuan untuk menghubungkan teks dengan konteks sejarah, budaya, ideologi politik, dimensi sosial yang menaungi teks.⁶

Justeru itu, kajian ini akan mengkaji manhaj *tartīb al-Nuzūl* yang ditulis oleh ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī berdasarkan karya tafsir mereka iaitu *Ma ‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Hakīm*. Pengkaji berhasrat ingin mengkaji perbandingan metodologi *tartīb al-Nuzūl* kedua-dua tokoh tersebut serta kepentingan dan kesan *al-Tafsīr al-Nuzūl* terhadap pentafsiran al-Quran.

2. Latar Belakang Masalah Kajian

Kini, banyak pendekatan yang telah diusahakan oleh para sarjana Islam di dalam mendidik masyarakat ke arah memahami ajaran al-Quran secara menyeluruh seterusnya menjadikan al-Quran sebagai panduan kepada perjalanan kehidupan manusia.

Bidang tafsir al-Quran merupakan salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh para ulama’ untuk menyumbang khidmat padanya, ini adalah kerana para ulama’ menganggap bahawa pentafsiran al-Quran tidak terhenti pada sesebuah zaman sahaja.⁷ Perkembangan pentafsiran al-Quran ini berlaku berdasarkan kecenderungan para mufassir dalam memahami dan mentafsirkan maksud al-Quran. Antara pendekatan memahami isi al-Quran ialah pendekatan tafsir al-Quran berasaskan tema-tema khusus dalam al-Quran dan pendekatan ini sangat positif⁸. Pada akhir ke-19 dan permulaan

⁶ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Kritik Kotemporer atas Filsafat Arab Islam*, terj. M. Nur Ikhwan, (Yogyakarta: Islamika, 2003), 38-39.

⁷ Muhammad Rumaizuddin Ghazali, *Tafsir Tematik Fi Zilal al-Rahman*, (Kuala Lumpur, Penerbitan Ilham Baru, 2010), 30.

⁸ Ibid.

abad ke-20⁹, sejarah telah mencatatkan kemunculan pembaharuan dalam ilmu tafsir dengan kemunculan tafsir Muhammad ‘Abduh dan Rāshid Ridā. Pembaharuan yang dibawa oleh mereka ialah melalui pembentangan manhaj, uslub dan topik dalam tafsir al-Mannār yang berbeza dengan metode ikutan dalam tafsir sebelumnya. Mengkaji karya-karya tafsir moden menjadi satu keperluan kepada para pengkaji ilmu tafsir al-Quran kerana metodologi dan pendekatan seseorang mufassir itu berbeza mengikut perkembangan zaman dan ilmu. Oleh yang demikian, kajian mengenai karya tafsir moden pasti akan membuahkan faedah-faedah yang baru dan dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Antara bentuk pentafsiran yang dicetuskan oleh ilmuan al-Quran zaman moden ialah tafsir al-Quran dengan melihat kepada tertib penurunan al-Quran.

‘Abd al-Raḥmān bin Ḥasan bin Marzūq bin ‘Arabiy bin Ghunaym Ḥabannakah al-Midāniy merupakan seorang tokoh ulama’ yang berasal dari *Hayy al-Mīdan*, Dimashq Syiria¹⁰. Beliau merupakan anak kepada tokoh ulama’ Shām iaitu Sheikh Hasan Habannakah al-Midāniy. Kebanyakan karya beliau adalah berkaitan dengan al-Quran, usūl al-Dīn, ‘ulūm al-Lughah, fiqh, dakwah dan lain-lain. Di atas keprihatinan dan penghormatan yang tinggi beliau terhadap al-Quran, beliau berusaha gigih untuk berkhidmat kepada al-Quran, maka beliau telah berjaya menghasilkan dua buah karya beliau yang masyhur berkaitan al-Quran iaitu *Qawā’id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allah ‘Azzawajalla* dan tafsir beliau bertajuk *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*.

Karya tafsir ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* merupakan karya pentafsiran surah-surah dalam al-Quran berdasarkan tertib penurunan al-Quran. Ḥabannakah berusaha mempraktikkan kaedah-

⁹ Ibid.

¹⁰ Majd Makkiy (2006), *al-Ta’rīf bi Kitāb Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, Dār al-Qalam Dimashq, Cet.1, 7.
Jihād Muhammad al-Nusairat & ‘Ubaidah ‘Abd Hakim As’ad (2013), *Manhaj ‘Abd al-Al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Midāniy fi Tafsihi Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, 475.

kaedah tadabbur al-Quran, yang beliau karang dalam *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li al-Qurān al-Karīm*, dalam tafsir beliau. Antara kaedah tadabbur beliau ialah tadabbur al-Quran dengan mengkaji peringkat-peringkat penurunan al-Quran, dan beliau berpendapat bahawa kaedah ini perlu diberi tumpuan oleh para ahli tafsir kerana dapat mengelakkan daripada tersalah memahami al-Quran dengan baik¹¹.

Seterusnya, Muhammad Ābid al-Jābirī seorang tokoh intelektual kontemporari berasal dari Morocco. Beliau membesar dalam kalangan keluarga yang aktif memperjuangkan kemerdekaan negara Morocco dan beliau juga merupakan salah seorang tokoh kontemporari yang terlibat secara langsung dalam usaha meneliti kembali proses memahami al-Quran. Idea al-Jābirī terhadap al-Quran, beliau curahkan ke dalam dua buah karya beliau iaitu *Madkhal ilā al-Qurān al-Karīm* dan *Fahm al-Qurān al-Hakīm: al-Tafsīr al-Waḍīh Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*. Karya tafsir *al-Jābirī* merupakan salah satu tafsir yang mempunyai peranan penting dalam dunia tafsir kontemporari. Di samping itu, karya tafsir al-Jābirī juga telah berjaya menarik perhatian para pengkaji tafsir al-Quran untuk mengkaji kandungan tafsir beliau, baik dari segi metodologi pentafsiran, pemikiran tafsir, dan beberapa lagi isu yang telah dibangkit oleh al-Jābirī.¹²

Melalui pembacaan awal, pengkaji mendapati susunan surah-surah al-Quran dengan melihat kepada sejarah penurunan al-Quran yang diperkenalkan oleh 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad 'Ābid al-Jābirī berbeza dengan susunan surah berdasarkan susunan mushaf *Uthmāniy*. Oleh yang demikian, pengkaji merasakan kajian perbandingan antara *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān*

¹¹ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allāh 'Azzawajalla*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 1980), Cet.1, 55.

¹² Rujuk kajian akademik tentang al-Jābirī, Salman Fariz, *Penafsiran Muhammad 'Abid al-Jabiri Atas Surah al-Ikhlās Dalam Kitab Fahm al-Quran al-Hakim: al-Tafsir al-Wadīh Hasb al-Tartīb al-Nuzul*, Mulyazir, *Tartīb al-Nuzul dan Implikasinya Terhadap Penafsiran Al-Quran (perspektif Muhammad 'Abid al-Jabiri)*, Muhammad Barir, *Hermeneutika Abid al-Jabiri (al-Fasl, al-Wasl, dan Ashalah al-Nash)*

al-Hakīm serta kesan pentafsiran al-Quran melihat kepada kronologi penurunan al-Quran wajar dikaji.

3. Penyataan Masalah Kajian

Pada ayat-ayat al-Quran itu, terdapat ikatan hubungan yang kuat di antara al-Quran dan suasana keadaan semasa ketika berlakunya penurunan al-Quran.¹³ Menurut Muhammad al-Ghazāli,¹⁴ di antara perlakuan zalim yang berat terhadap al-Quran ialah apabila seseorang berusaha untuk mentafsirkan al-Quran akan tetapi mengabaikan tentang keadaan persekitaran sekitar penurunan al-Quran (keadaan kaum Musyrik Makkah). Oleh hal yang demikian, sejarah penurunan al-Quran, sebab penurunan al-Quran dan sirah Nabi SAW merupakan subjek penting perlu diambil berat dan tidak boleh jahil tentangnya dalam mendidik manusia kepada al-Quran.

Menurut Mansor Bin Sulaiman¹⁵, terdapat suatu keselarian antara ayat-ayat al-Quran yang diturunkan dengan tahap pemikiran dan keperibadian masyarakat ketika ia diturunkan. Walaupun tidak semua manusia ketika itu berada dalam landasan keselarian ini tetapi terdapat golongan yang termasuk dalam landasan ini. Menerusi pengamatan beliau, golongan inilah selepas itu menjadi pendokong kepada dakwah yang digerakkan oleh Rasulullah SAW seterusnya menjadi perintis kepada pembangunan tamadun Islam.

Menurut kajian sarjana Islam, terdapat perbahasan besar yang berlaku antara tokoh ulama' *ulūm al-Qurān* dalam masalah *tartīb al-Uthmāniy*, samada susunan surah-surah al-Quran itu bersifat *tawqīfiy* atau *ijtihādiy*¹⁶. Dalam permasalahan ini, khilaf

¹³ Muhammad al-Ghazāli, *Nazarāt fi al-Qurān*, (Kaherah, Nahḍah Miṣr li al-Tibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', 2005), Cet.6, 15.

¹⁴ Ibid., 15.

¹⁵ Mansor, Sulaiman. "Panduan Strategi Pembinaan Akhlak Imani Menerusi Al-Quran: Kajian Berdasarkan Perbezaan Ayat-Ayat Makkiyah dan Madaniyah yang Berkenaan." artikel Seminar on Revelation As Source of Civilization (SWAT 2011) 'Quran: The Origin of Knowledge and Innovation 1-22.

¹⁶ Musā'ad Sulaiman al-Ṭayyār, *al-Muḥarrar fi 'Ulūm al-Qurān*, (Riyāḍ, Markaz al-Dirāsah wa al-Ma'lūmah al-Qur'āniyyah bi Maa'had al-Imām al-Shatibiy, 2008), Cet.2, 197.

terbahagi kepada tiga mazhab utama. Sebahagian mereka berpandangan bahawa susunan setiap surah adalah *tawqifīy*, pandangan kedua mengatakan keseluruhan susunan surah di dalam al-Quran merupakan *ijtihādīy*, manakala pandangan ketiga mengatakan sebahagian surah merupakan *tawqifīy* dan sebahagian surah dalam al-Quran merupakan ijtihad dan susunan para sahabat. Walaupun al-Quran pada penyusunannya disusun secara *tawqifīy*¹⁷ akan tetapi kandungan wahyu tetap tidak dapat dipisahkan dari konteks peristiwa dan kondisi masyarakat pada ketika itu¹⁸ dan juga fasa-fasa *makkiyy* dan *madaniy*

Karya tafsir al-Quran yang ditulis dan disusun mengikut kronologi turun al-Quran adalah sedikit dan pendekatan memahami konteks al-Quran selaras dengan perkembangan terkini ini adalah cetusan idea ilmuan tafsir zaman moden. Antara karya tafsir yang menonjol ialah *al-Tafsīr al-Hadīth*¹⁹ oleh Muhammad ‘Izzat Darwazah, kitab *Bayān al-Ma‘ānī* oleh ‘Abd Qadir Mala Hawish, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* karya ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan juga Muhammad ‘Ābid al-Jābirī menerusi karya beliau *Fahm al-Qurān: Tafsīr al-Wāḍiḥ Ḥasb tartīb al-Nuzūl*.

Metode tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan satu metode pemahaman al-Qur’an yang disesuaikan dengan susunan turunnya al-Quran. Pentafsiran seperti ini menurut al-Jābirī²⁰, perlu dilakukan kerana al-Quran (walaupun tidak semuanya) banyak diturunkan kerana adanya peristiwa yang terjadi pada zaman Nabi SAW. Menurut al-Jābirī²¹, untuk memahami dan berinteraksi dengan baik terhadap teks al-Qur’an maka harus berpegang

¹⁷ Pandangan yang terpilih mengenai susunan mushaf al-Quran ialah *tawqifīy* bukan ijtihad para sahabat.

¹⁸ Rujuk pandangan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Al-Madkhal Ilā Al-Qur’ān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2006), Cet.1, 243.

¹⁹ Rujuk ‘Abd al-Majid ‘Abd al-Salam al-Muhtasib, *Ittijāhāt al-Tafsīr fi ‘Aṣr al-Rāhin*, (Amman, Manshurat Maktabah al-Nahdah al-Islamiyyah, 1982), 54-71.

²⁰ Rujuk kesimpulan Heriyanto, S.Sy, *Tartib Al-Nuzuli Dalam Penafsiran Abid Al-Jabiri (Aplikasi Metode Dalam Pembacaan Surat Al-Kafirun)*, 13.

Rujuk Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Al-Madkhal Ilā Al-Qur’ān*, (Beirut, Lubnan, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2006), Cet.1, 243.

²¹ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qur’ān-Tafsīr al-Wāḍiḥ Ḥasb al-Tartīb al-Nuzūl*, (Beirut: Markaz Dirāsāt Al-Wiḥdah Al-‘Arabiyyah, 2008), 1:10.

bahawa al-Quran bukan semata-mata lembaran teks yang terjilid dalam satu mushaf, tapi ia adalah teks yang sudah melalui fasa pembentukan teks dalam rangka waktu lebih dari 20 tahun.

Justeru, memandangkan ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī menelusuri manhaj pentafsiran *tartīb al-Nuzūl* dan dua tokoh ini memiliki latarbelakang pendidikan yang berbeza, di mana Ḥabannakah lebih menjurus kepada pengajian Islam tradisional dan moden, manakala al-Jābirī lebih menjurus kepada pengajian sejarah dan falsafah. Maka kajian ini akan membandingkan metodologi tafsir kedua-dua tokoh tersebut menerusi karya mereka. Selain itu, kajian ini juga menekankan mengenai kepentingan untuk mentafsir al-Quran melihat kepada tahap-tahap penurunan wahyu dan kesannya kepada pentafsiran al-Quran menurut Ḥabannakah dan al-Jābirī dengan memfokuskan kepada karya tafsir mereka di bawah tajuk kajian berjudul *Tartīb Nuzūl Al-Qurān: Kajian Perbandingan Antara Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur Dengan Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm*. Akhirnya, dijangkakan hasil kajian ini dapat memperolehi kerangka teori pentafsiran *tartīb al-Nuzūl*.

4. Objektif Kajian

Objektif kajian ini dapat dinyatakan seperti berikut:

1. Membincangkan perbincangan tafsir *tartīb al-Nuzūl*
2. Membincangkan latar belakang kehidupan ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, ketokohan mereka dalam bidang tafsir dan memperkenalkan karya *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm: al-Tafsīr al-Wāḍiḥ Ḥasb tartīb al-Nuzūl*.
3. Mengkaji signifikasi tafsir al-Quran berdasarkan *tartīb al-Nuzūl* antara tafsir ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muḥammad ‘Ābid al-Jābirī.

4. Menganalisis perbandingan antara metodologi *tartīb al-Nuzūl* diaplikasikan oleh ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, menerusi karya tafsir *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*.

5. Persoalan Kajian

Berdasarkan isu dan permasalahan yang timbul, kajian ini cuba menjawab persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah isi perbincangan berkaitan tafsir *tartīb al-Nuzūl*?
2. Siapakah ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī?
3. Adakah tafsir *tartīb al-Nuzūl* mempunyai signifikan dengan tafsir yang dikemukakan oleh ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī?
4. Bagaimanakah metodologi tafsir *tartīb al-Nuzūl* menurut ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah berbanding Muhammad ‘Ābid al-Jābirī?

6. Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dapat diperincikan sebagai berikut:

1. Kajian ini akan memperkenalkan dua tokoh tafsir moden iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī serta menonjolkan sudut keilmuan mereka dalam bidang al-Quran dan juga hasil karya mereka yang telah menjadi rujukan di beberapa institusi pengajian tinggi.
2. Kajian ini akan menonjolkan susunan surah al-Quran berdasarkan susunan penurunan al-Quran pada zaman Nabi SAW berdasarkan perbincangan para ulama’ dan membicarakan sebahagian riwayat-riwayat masyhur berkaitan susunan surah al-Quran berdasarkan *tartīb al-Nuzūl* serta beberapa permasalahan yang berlaku terhadap susunan *tartīb al-Nuzūl*.

3. Kajian ini akan membahaskan sisi pentafsiran al-Quran berasaskan manhaj *tartīb al-Nuzūl* secara mendalam dari aspek teori dan pengenalan bersama kerangka manhaj dengan lebih menyeluruh.
4. Kajian ini juga memperjelaskan kepentingan mentafsirkan dan memahami al-Quran dengan melihat kepada latar sirah Nabi SAW dan *asbāb al-Nuzūl*. Disamping itu, kajian ini juga penting bagi tujuan mengkaji kesan kepada pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan melihat kepada sirah Nabi SAW dan suasana persekitaran ketika penurunan al-Quran.
5. Kajian ini penting bagi memahami *munāsabāt* dan *siyāq al-Ayat* dalam ilmu pentafsiran al-Quran. Hasil kajian ini juga penulis akan dapat menganalisis perbandingan metodologi antara ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan ‘Ābid al-Jābirī.

7. Skop Kajian

Penelitian ini akan membincangkan tentang biografi kehidupan ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī bermula dari kelahiran sehinggalah mereka meninggal. Fokus pengkajian ini adalah sumbangan ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī dalam bidang al-Quran dan karya-karya utama yang telah dihasilkan oleh mereka, khususnya *Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Qawā‘id Al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Hakīm*.

Seterusnya, pengkaji akan memfokuskan kepada analisis perbandingan antara *tartīb al-Nuzūl* yang diguna pakai oleh ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī dalam tafsir mereka dan sumber rujukan mereka dalam *tartīb nuzūl al-Qurān*. Selain itu, pengkaji akan meneliti beberapa pandangan ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī berkenaan kepentingan dan kesan *tartīb al-Nuzūl* dalam tafsir mereka.

8. Tinjauan Kajian-kajian Lepas

Sorotan literatur dalam satu penelitian sangat penting, agar penulis memiliki landasan teori dalam membuat kajian baru. Tinjauan kajian-kajian lepas juga dibuat supaya tidak mempunyai kesamaan dengan kajian yang lain, dan merupakan salah satu usaha memperbaiki kualiti penelitian yang sudah ada.

Kajian berkaitan susunan penurunan wahyu al-Quran sudah ada perbincangan mengenainya dibincangkan dalam buku-buku *'ulūm al-Qurān* dan buku-buku berkaitan. Dalam pada itu, berdasarkan penyelidikan yang penulis lakukan, kajian berkaitan perbandingan antara metodologi tafsir *tartīb al-Nuzūl* antara 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad 'Ābid al-Jābirī masih belum ditemui pengkaji. Oleh yang demikian, tinjauan kajian lepas penulis susun mengikut beberapa tema utama iaitu:

- a) Kajian berkaitan penurunan al-Quran
- b) Kajian berkenaan biografi Ḥabannakah dan al-Jābirī
- c) Kajian berkenaan tafsir *tartīb al-Nuzūl*
- d) Kajian berkaitan metodologi penulisan

a. Kajian Berkaitan Penurunan al-Quran

Tulisan berkaitan penurunan al-Quran telah dibincangkan oleh para sarjana Islam seperti al-Suyūṭī²², al-Zarkāshiy²³, Mannā' Qaṭṭān²⁴ dan lain-lain, dalam perbincangan *'ulūm al-Qurān*. Perbincangan tentang penurunan al-Quran melibatkan perbincangan tentang wahyu pertama dan terakhir diturunkan, bahasa al-Quran diturunkan, bagaimana al-Quran diturunkan, *asbāb al-Nuzūl*, ilmu *al-Makkiy al-Madaniy* dan susunan

²² Al-Suyūṭī, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Beirut, Muassasah al-Risālah, 2008), 129.

²³ Al-Zarkashī, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Kaherah, Dār al-Hadīth, 2006), 132-144.

²⁴ Mannā' Qaṭṭān, *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qurān*, (Kaherah, Maktabah Wahbah, 1995), 61-69.

penurunan al-Quran.²⁵ Dalam pada itu, perbincangan yang menjadi tumpuan pengkaji ialah dalam hal berkaitan susunan al-Quran, adakah ianya bersifat *tawqīfīy* atau *ijtihādīy*. Menerusi perbincangan ilmuan al-Quran, pendapat berkaitan ini terdapat tiga pandangan utama.²⁶ Seterusnya, dalam meneliti susunan surah yang diturunkan di Makkah, al-Zarkashiy²⁷ menggariskan bahawa jumlah surah yang diturunkan sebelum hijrah Nabi SAW ke Madinah adalah sebanyak 85 surah, malah beliau turut menyebutkan bahawa riwayat susunan surah *makkiyyah* ini diambil daripada perawi dipercayai. Manakala jumlah surah *madaniyyah* menurutnya adalah sebanyak 29 surah. Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati bahawa perbincangan ilmu penurunan al-Quran berkait rapat kepada sumber periwayatan, justeru kajian pengkaji akan diluaskan dalam meneliti sumber periwayatan bagi riwayat susunan surah al-Quran. Selain itu juga, makalah yang bertajuk *Tārikh Nuzūl al-Qurān* (sejarah penurunan al-Quran) tulisan Muhammad Ra'fat Sa'id²⁸, turut membincangkan tentang perkara yang berkaitan dengan wahyu, hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat, susunan surah-surah al-Quran dan lain-lain. Namun demikian, tidak diluaskan perbincangan tentang tafsir Ḥabannakah dan al-Jābirī. Walaubagaimanapun, sumber rujukan dalam ilmu *'ulūm al-Qurān* ini membantu penulis untuk menghuraikan sejarah penurunan al-Quran dan disesuaikan dengan susunan surah-surah mengikut *tartīb al-Nuzūl*.

b. Kajian biografi 'Abd Al-Raḥmān Ḥabannakah dan 'Ābid al-Jābirī

Buku *al-Ta'rif bi Kitāb Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur* tulisan Majd al-Makkiy merupakan buku yang ditulis sebagai pengenalan kepada karya tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, penulis buku ini tidak menghuraikan dengan

²⁵ Rujuk al-Zarkashī, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Kaherah, Dār al-Hadīth, 2006), al-Suyuti, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Beirut, Muassasah al-Risalah, 2008).

²⁶ Rujuk al-Zarkashiy, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, al-Suyūṭiy, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, dan al-Zarqaniy, *Manāhil al-'Irfān*. Muhammad al-Zarqānī, *Manāhil al-'Irfān Fī 'Ulūm al-Qurān*, 29-35.

²⁷ Rujuk al-Zarkashī, *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Kaherah, Dar al-Hadīth, 2006), al-Suyuti, *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, (Beirut, Muassasah al-Risalah, 2008), 136.

²⁸ Muhammad Ra'fat Sa'id, *Tārikh Nuzūl al-Qurān*, (Kaherah, 2001), 56.

terperinci biografi ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, beliau hanya mengisytarkan kepada karya yang telah ditulis oleh isteri kepada ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah. Seterusnya, buku ini akan membantu pengkaji dengan beberapa maklumat penting berkaitan metodologi Ḥabannakah dalam tafsirnya, sumbangan pembaharuan Ḥabannakah dalam dunia tafsir al-Quran. Fokus buku ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji memfokuskan perbandingan antara Ḥabannakah dan al-Jābirī.

Selain itu, terdapat juga artikel yang bertajuk *Contribution of ‘Abd al-Rahman Hasan Ḥabannakah in the Field of Tafsir: Background Studies on the Principles of Tadabbur in the Qawā‘id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allah*²⁹ tulisan Nurul Zakirah Mat Sin yang ditemui dalam laman sesawang *globalilluminators.org*. Tulisan ini merupakan pengenalan biografi ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan sumbangan Ḥabannakah khusus bidang tafsir menerusi karya kaedah tadabbur Ḥabannakah. Penulis artikel ini juga telah mengklasifikasikan 40 kaedah tafsir Ḥabannakah kepada topik-topik kecil³⁰ dan ini memudahkan pengkaji dalam memfokuskan pengkajian terhadap perbincangan *nuzūl al-Qurān* yang dikemukakan oleh Ḥabannakah. Selanjutnya, pengkaji merujuk kepada penulisan tesis doktor falsafah(PhD) yang juga dikaji oleh Nurul Zakirah Mat Sin, iaitu kajian bertajuk *Analisis Prinsip Tadabbur: Qawā‘id al-Tadabbur al-Amthal dan Aplikasinya dalam Tafsir Ma‘arij al-Tafakkur wa Daqa‘iq al-Tadabbur*.³¹ Kajian tersebut menyelidik latar belakang ‘Abd al-Rahman Ḥabannakah, menumpukan konsep tadabbur menurut Ḥabannakah dengan memfokuskan pada kitab *Qawā‘id al-Tadabbur al-Amthal* dan menilai keserasian dengan kitab tafsir *Ma‘arij al-Tafakkur*. Menerusi kajian ini, ianya membantu pengkaji dapat meneliti konsep

²⁹ Sin, Nurul Zakirah Mat. "*Contribution Of ‘Abd Al-Rahman Hasan Habannakah In The Field Of Tafsir: Background Studies On The Principles Of Tadabbur In The Qawā‘id Al-Tadabbur Al-Amthal Li Kitāb Allah.*"

³⁰ Ibid., 9.

³¹ Nurul Zakirah Mat Sin, *Analisis Prinsip Tadabbur: Qawā‘id al-Tadabbur al-Amthal dan Aplikasinya dalam Tafsir Ma‘arij al-Tafakkur wa Daqa‘iq al-Tadabbur*, (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2018).

tadabbur Ḥabannakah dan aplikasinya dalam tafsirnya. Namun, artikel ini hanya memfokuskan kepada prinsip tadabbur Ḥabannakah, berbeza dengan kajian pengkaji yang mengkaji perbandingan *tartīb al-Nuzūl* antara Ḥabannakah dan al-Jābirī. Manakala untuk biografi Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, pengkaji merujuk kepada tulisan al-Jābirī sendiri iaitu karya *Ḥuḥrayāt fī al-Zākīrah min Ba’īd*, tulisan yang menjelaskan perkembangan ilmu beliau sepanjang kehidupan beliau.

c. Tafsir Melihat Kepada Sejarah Penurunan al-Quran

Kajian *al-Suwar al-Qurāniyyah baina tartīb al-Tawqīfī wa tartīb al-Nuzūliyy wa Athar Zālika fi al-Wiḥdah al-Mawḍu’iyyah wa al-Munāsabah al-Qurāniyyah* merupakan kajian tesis doktor falsafah(PhD) di Universiti Islam Antarabangsa, pengkaji tersebut meletakkan permasalahan bagi kajian beliau ialah mengkaji tertib surah-surah dan ayat-ayat samada *tauqīfī* ataupun *ijtihādiyy* serta membincangkan dalil-dalil perbahasan dan permasalahan kajian ini berlainan dengan permasalahan kajian penulis kerana penulis mengkaji tertib surah-surah al-Quran menurut ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah. Seterusnya, kajian tersebut membahaskan hubungkait antara tertib surah-surah dengan *al-Wiḥdah al-Mawḍu’iyyah* (kesatuan tema-tema al-Quran) dan ilmu *munasabāt al-Quran*. Selain itu, kajian ini juga membicarakan tentang tujuan ilmuan Islam menulis karya tafsir al-Quran yang di susun berdasarkan tertib turun al-Quran.

Seterusnya, tesis Doktor Falsafah yang dikaji oleh Ṭaha Muhammad Fāris yang berjudul *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasb al-Tartīb al-Nuzūl* memfokuskan kajian tersebut kepada perbincangan *‘ulūm al-Qurān* yang berkait rapat dengan tafsir *tartīb al-Nuzul*, dan sejarah kemunculan tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Kajian ini juga menghuraikan beberapa pendirian tokoh-tokoh tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Namun, kajian Ṭaha Muhammad Fāris masih lagi tidak memasukkan al-Jabiri sebagai salah seorang penulis tafsir *tartīb*

al-Nuzūl, dan tidak ada perbandingan manhaj *tartīb al-Nuzūl* antara Ḥabannakah dan al-Jābirī.

Disamping itu, kajian ijazah sarjana bertajuk *Tartīb Nuzuli Dalam Penafsiran Al-Quran (Studi Atas Tafsir Al-Quran Al-Karim: Tafsir Atas Surah-surah Pendek Berdasarkan Urutan Turunnya Wahyu Karya M.Quraish Shihab)* oleh Abu Syamsuddin³² meneliti dan menganalisis karya tafsir M.Quraish Shihab. Kajian ini memfokuskan kepada tujuan dan sebab penulisan tafsir tersebut, dan juga kaedah penyusunan ayat dan surah-surah al-Quran dalam karya M.Quraish Shihab. Seterusnya, kajian ini juga meneliti implikasi terhadap penafsiran M.Quraish Shihab, dan juga implikasi terhadap munasabah ayat al-Quran dan surahnya. Kajian yang dihasilkan berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji memfokuskan karya tafsir Ḥabannakah.

d. Metodologi Pentafsiran ‘Abd Al-Raḥmān Ḥabannakah dan al-Jābirī

Pertama, sebuah kajian sarjana oleh Syarifuddin yang bertajuk Konsep Tadabbur Perspektif ‘Abd Al-Raḥmān Ḥabannakah : Kajian Tematik Tafsir *Ma ‘ārij Al Tafakkur Wa Daqā’iq Al-Tadabbur*, kajian ini memfokuskan kepada konsep tadabbur menurut perspektif ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, dan juga penerapan kaedah-kaedah tadabbur pada tafsir Ḥabannakah, berbeza dengan fokus permasalahan pengkaji iaitu *tartīb nuzūl al-Quran*. Selain itu, metode kajian Syarifuddin merupakan kajian perpustakaan. Teknik kajian ialah deskriptif dan analisis, kemudian dihimpun dengan metodologi tafsir mawdu'iy. Oleh yang demikian, kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji kerana sudut perbandingan antara Ḥabannakah dan al-Jābirī tidak dibincangkan secara terperinci.

Selanjutnya, artikel berjudul *Manhaj ‘Abd al -Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Midāniy fi Tafsīrih Ma ‘ārij al-Tafakur Wa Daqā’iq al-Tadabbur* yang telah ditulis oleh

³² Tesis sarjana daripada Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta Indonesia (2008), rujuk abstrak di pautan <http://digilib.uin-suka.ac.id/795/> dicapai pada 5 September 2016.

Jihād Muhammad al-Naṣirat ‘Ābidah dan ‘Abd al-Ḥakim As’ad menerangkan berkenaan kajian mereka terhadap manhaj ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dalam tafsir dan dimulai dengan pengenalan kepada tokoh tafsir iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah. Seterusnya, pengenalan kitab tafsir Ḥabannakah dan kitab beliau *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal* yang merupakan tunjang utama kepada penulisan tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur*. Hasil kajian tersebut membuktikan bahawa karya tafsir Ḥabannakah tidak terlepas dari kritikan dan bermanfaat. Menurut artikel tersebut, tafsir Ḥabannakah merupakan tafsir al-Quran yang mengandungi pelbagai mutiara ilmu dan bersifat ensiklopedik. Meskipun begitu, kajian tersebut hanya mengkaji metodologi tafsir Ḥabannakah, manakala penulis memilih untuk mengkaji perbandingan manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* menurut ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī.

Selain daripada itu, terdapat juga kajian Penafsiran Muhammad ‘Abid al-Jabiri Atas Surah Al-Ikhlās Dalam Kitab Fahm Al-Quran Al-Ḥakīm: Al-Tafsīr Al-Wādīḥ Ḥasb Tartīb al-Nuzūl hasil kajian Salman Fariz. Kajian tersebut meneliti pemikiran tafsir al-Jābirī secara umum dan aplikasi pada surah al-Ikhlās. Selanjutnya, terdapat juga kajian Penafsiran Muhammad ‘Ābid Al-Jābirī Terhadap Surat Al-Ma’un ditulis oleh Imam Rahman, dan Tartib al-Nuzul Dan Implikasinya Terhadap Penafsiran Al-Quran dikaji oleh Mulyazir bagi kajian sarjana Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta. Kajian Mulyazir meneliti kesan *tartīb al-Nuzūl* dalam pentasiran al-Quran, dan menurut beliau antara kelemahan al-Jābirī ialah beliau tidak menekankan dalam hal berkaitan riwayat hadith, namun begitu Mulyazir tidak membahaskan secara terperinci riwayat-riwayat susunan surah yang digunakan oleh al-Jābirī.

Berdasarkan sorotan literatur ini, penulis mendapati kajian mengenai perbandingan antara metode Ḥabannakah dan al-Jābirī belum ditulis secara terperinci. Setakat pembacaan penulis, penulisan kajian hanya membincangkan metodologi tafsir,

sumbangan Ḥabannakah dan al-Jābirī, kaedah tadabbur Ḥabannakah manakala analisis perbandingan manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan ‘Ābid al-Jābirī belum lagi dikaji secara terperinci.

Universiti Malaya

9. Metodologi Kajian

Pengenalan Reka Bentuk Kajian

Penggunaan metodologi yang tepat merupakan aspek terpenting untuk proses pengumpulan dan analisis data. Oleh itu, dua metodologi utama akan digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini, iaitu Metodologi Pengumpulan Data dan Metodologi Analisis Data. Secara asasnya, reka bentuk metodologi kajian ini adalah kajian berbentuk kualitatif sesuai ciri kajian sebagai penyelidikan empirikal yang datanya bukan dalam bentuk nombor.

Metode Pengumpulan Data

Metode Pengumpulan Data ini adalah satu usaha untuk mengumpul semua maklumat atau sumber-sumber rujukan bagi kajian. Dalam usaha mengumpul bahan bagi penyusunan kajian ini, penyelidik telah menggunakan beberapa metode untuk mendapatkan bahan yang diperlukan. Sumber-sumber bahan umumnya merupakan sumber pertama di samping menggunakan juga bahan dari sumber kedua. Penyelidik berusaha mengumpul dan mendapatkan bahan seterusnya membuat penelitian ke atas bahan-bahan yang dikumpul. Untuk mendapatkan bahan-bahan yang relevan dengan tajuk kajian, beberapa metode lain telah digunakan seperti Metode Dokumentasi, Metode Sejarah dan Metode Penyelidikan Perpustakaan.

- a) Dokumentasi
- b) Sejarah
- c) Perpustakaan

Metode Dokumentasi

Metode dokumentasi merupakan salah satu cara pengumpulan data iaitu dengan mengkaji dokumen berkaitan dengan skop kajian pengkaji. Pengkaji merekodkan data-data dengan kajian yang telah siap direkodkan dan dibukukan. Seterusnya pengkaji

meneliti maklumat yang telah dihasilkan oleh penyelidik terdahulu untuk mendapatkan maklumat terkini. Data-data yang diperoleh digunakan dalam perincian kajian pengkaji mengenai latar belakang tokoh dan perbahasan ‘ulum al-Quran. Selain itu juga data diperoleh diproseskan bagi mendapatkan pemikiran tafsir kedua-dua tokoh kajian pengkaji.

Metode Sejarah

Penggunaan metode ini diaplikasikan dalam menghimpunkan dan meneliti peristiwa yang telah berlaku pada masa dahulu bagi membuat generalisasi bagi memahami kenyataan sejarah. Pengkaji mengaplikasikan metode ini dalam mendapatkan data-data sejarah berkenaan kemunculan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, wacana *tartīb al-Nuzūl* dalam kalangan ilmuan al-Quran yang terdahulu, dan khususnya berkaitan dengan perbahasan pada bab pertama dan bab kedua kajian.

Metode Penyelidikan Perpustakaan

Kajian perpustakaan adalah merujuk penggunaan bahan-bahan dalam perpustakaan berbentuk dokumen yang berautoriti dan terpilih. Di antara bahan-bahan rujukan adalah seperti buku-buku, thesis, latihan ilmiah, jurnal dan sebagainya. Pengkaji mengkaji karya-karya yang telah dihasilkan oleh penyelidik terdahulu untuk mendapatkan maklumat semasa daripada bahan bacaan. Selain itu, ia turut meliputi al-Quran dan terjemahannya, kitab-kitab tafsir, hadith daripada rujukan berbahasa Melayu, Arab, dan Inggeris. Pengkaji akan mengaplikasikannya untuk membentuk rangka kajian dengan melihat kajian-kajian lepas khususnya berhubung tajuk kajian. Melalui metode ini, pengkaji akan mendapat data kajian lepas di samping menilai kelebihan dan kekurangan kajian-kajian tersebut serta mendedahkan maklumat tentang kajian yang belum dijalankan. Pengkaji menggunakan metode ini pada bab pendahuluan, bab satu dan seterusnya membentuk rangka kajian penuh. Melalui metode ini juga, pengkaji

menggunakan kemudahan-kemudahan di beberapa buah perpustakaan untuk mendapat maklumat iaitu:

1. Perpustakaan Utama Universti Malaya.
2. Perpustakaan Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
3. Perpustakaan Negara Malaysia.
4. Perpustakaan Tun Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Metode Analisis Data

Setelah semua data dikumpulkan, pengkaji beralih kepada metodologi analisis data. Metode analisis data adalah proses meneliti data yang diperoleh bagi mewujudkan kesimpulan-kesimpulan tertentu dan ini memerlukan keupayaan pengkaji menaakul maklumat-maklumat yang diperoleh. Hal ini kerana metode ini menggunakan pola pemikiran dari bersifat khusus kepada lebih umum. Dalam istilah penyelidikan, kedua-dua proses ini dikenali sebagai metode induktif (terperinci) dan metode deduktif (khusus kepada umum). Oleh itu, metode analisis yang akan digunakan dalam kajian ini melibatkan tiga metode yang berkaitan iaitu :

1. Metode Induktif
2. Metode Deduktif
3. Metode Komparatif

Metode Induktif

Metode Induktif ditakrifkan sebagai cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dari hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil yang

bersifat umum.³³ Ini bermakna hujah induktif mempunyai premis yang khusus dan kesimpulan yang umum.³⁴

Sebagai kaedah umum dalam proses penelitian data³⁵, metode ini diaplikasikan dalam keseluruhan kajian terutama meneliti metode pentafsiran al-Quran oleh ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī serta melihat kaedah penyusunan surah-surah al-Quran dan hubungkaitnya dengan karya tafsir *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Hakīm*.

Metode Deduktif

Metode deduktif diinterpretasikan sebagai cara menganalisis data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian terhadap hal-hal yang khusus dengan berpijak kepada dalil-dalil umum. Oleh itu, hujah deduktif mempunyai premis yang umum dan kesimpulan yang khusus. Sebagai kaedah umum dalam proses penelitian data juga, metode ini diaplikasikan dalam kajian terutama ketika meneliti susunan tafsir. Premis umum yang diperolehi daripada data-data yang dicatatkan akan diteliti bagi mendapatkan kesimpulan khusus berkenaan pemikirannya dalam rangka menjelaskan pemikirannya terhadap penafsiran al-Quran. Hasil dari metode ini, pengkaji telah muatkan pada bab analisis iaitu pada bab keempat kajian.

Metode Komparatif

Metode komparatif adalah proses membuat kesimpulan melalui perbandingan data yang diperolehi. Metode ini bertujuan untuk mencari persamaan dan perbezaan dua unsur atau lebih yang serupa dengan cara membandingkannya. Metode ini juga adalah pendekatan yang bersifat khusus dalam proses penelitian data.

³³ Koentjaraningrat, *Method-method Penelitian Masyarakat* (Jakarta: P.T Gramedia, 1991), 16.

³⁴ Mohd Michael Abdullah, *Pemikiran Kritis* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995), 103.

³⁵ Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Publication, 2001), 82.

Metode ini digunakan dalam menilai perbezaan susunan mengikut kronologi penurunan al-Quran dan metode ini juga digunakan untuk menilai perbezaan susunan al-Quran mengikut susunan *muṣḥafiy* dan *nuzūliy*. Berdasarkan perbandingan ke atas sumber-sumber tersebut, seterusnya suatu rumusan akan dibuat hasil analisis serta kombinasi terhadap data-data yang diperoleh.

10. Susunan Kajian

Disertasi ini dibahagikan kepada enam bahagian dan pecahan beberapa tajuk kecil, ianya mengandungi bab-bab seperti berikut:

PENDAHULUAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji dimulai dengan penjelasan dasar secara terperinci yang merangkumi beberapa sudut pandang permasalahan kajian metodologi kajian, kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, dan sorotan literatur serta beberapa aspek lain menjelaskan lagi kajian ini. Bab ini penting bagi menjelaskan latar belakang permasalahan kajian, reka bentuk kajian serta metodologi yang digunakan bagi menjalankan kajian ini.

Bab Satu

Pada bab ini, penulis mulakan perbincangan berkenaan perbahasan tafsir *tartīb al-Nuzūl* merangkumi huraian definisi tafsir *tartīb al-Nuzūl*, sejarah tafsir *tartīb al-Nuzūl*, ilmuan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, faedah pentafsiran al-Quran menggunakan metodologi *tartīb al-Nuzūl* dan kritikan terhadap metodologi *tartīb al-Nuzūl*.

Bab Dua

Bab kedua kajian ini menumpukan kepada biodata tokoh kajian iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī dan juga melihat kepada sumbangan ilmu

yang telah dilakukan oleh mereka. Selain itu juga, bab ini memfokuskan kajian pada penulisan karya tafsir mereka.

Bab Tiga

Dalam bab ini, penulis memfokuskan dan membahagikan kepada dua bahagian utama; Pertama, kerangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl* yang terkandung dalam tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*. Bahagian kedua adalah kerangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl* dalam karya tafsir *Fahm al-Qurān al-Hakīm*. Pengkaji akan mendedahkan pendekatan kedua-dua tokoh *tartīb al-Nuzūl* dalam mentafsirkan al-Quran dengan melihat kepada kepentingan dan keistimewaan manhaj *tartīb al-Nuzūl*.

Bab Empat

Dalam bab ini, pengkaji melakukan analisa perbandingan metode *tartīb al-Nuzūl* antara kitab *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Hakīm* secara terperinci. Perbandingan terhadap kedua-dua kitab ini akan dilihat dari faktor pendorong menghasilkan tafsir, isi kandungan, metodologi penyusunan surah, riwayat *tartīb al-Nuzūl*, aplikasi metode *asbāb al-Nuzūl* dan *sīrah al-Nabawiyah*, serta tafsiran kedua-dua tokoh.

Bab Kelima

Bab lima merupakan bab terakhir kajian, dan pengkaji melakukan rumusan kepada keseluruhan pengkajian ini. Selanjutnya pengkaji melontarkan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam mendalami bidang pengkajian al-Quran.

KESIMPULAN

Memahami al-Quran dengan melihat kepada penurunan al-Quran membantu umat Islam mentadabbur al-Quran dengan lebih mendalam dan membantu meningkatkan keimanan. Idea menulis sebuah kitab tafsir yang disusun mengikut tertib penurunan al-Quran adalah merupakan langkah untuk mendekatkan masyarakat kepada al-Quran dan membantu masyarakat Islam memahami al-Quran dengan lebih baik serta menghayati sirah Nabi SAW.

Setelah melakukan penelitian dan pengamatan yang bertahun-tahun terhadap al-Quran, Ḥabannakah berusaha untuk membentuk karya tafsir aplikasi daripada kaedah-kaedah tadabbur ideal beliau dan Ḥabannakah juga mengemukakan hujjah-hujjah yang menguatkan lagi pendapat beliau berkaitan manhaj susunan tafsir beliau. Manakala al-Jābirī, seorang pemikir Islam yang berasal dari Morocco pula berusaha menghidupkan fungsi al-Quran dengan konsep *al-Faṣl* dan *al-Waṣl*. Menerusi dua karya utama beliau iaitu *Madkhal ilā al-Qurān* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*, al-Jabiri membahaskan pemikiran *tartīb al-Nuzūl*.

Justeru, manhaj tafsir Ḥabannakah dan ‘Ābid al-Jābirī dalam karya tafsir *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* merupakan usaha islah dan pembaharuan mereka dalam menerapkan metode yang terbaik dalam berinteraksi dengan al-Quran dan merealisasikan risalah al-Quran sebagai risalah yang memberi petunjuk kepada manusia sepanjang zaman.

BAB SATU: PERBAHASAN TAFSIR *TARTĪB AL-NUZŪL*

1.1 Pengenalan

Tafsir *tartīb al-Nuzūl* memainkan peranan yang penting dalam memahami dan menghargai suasana penurunan nas³⁶ dari sudut keadaan individu dan masyarakat. Hal ini kerana pemahaman *sīrah al-Nabawiyyah* mestilah dirujuk secara langsung kepada ayat-ayat al-Quran. Pengkaji cenderung untuk memperkenalkan tafsir *tartīb al-Nuzūl* dan kepentingannya agar hala tuju perbincangan kajian ini lebih fokus dan lancar. Bab satu ini, perbincangan dikhususkan berkaitan perbincangan *tartīb al-Nuzūl* merangkumi definisi, sejarah perkembangan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, ilmuan al-Quran yang menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl*, kritikan terhadap manhaj *tartīb al-Nuzūl*, fatwa, dan faedah umum pentafsiran *tartīb al-Nuzūl*. Topik-topik perbincangan yang akan dikemukakan ialah bertujuan memberi gambaran lebih jelas berkaitan perbincangan *tartīb al-Nuzūl*.

1.2 Definisi Tafsir *Tartīb al-Nuzūl*

Tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan satu istilah moden yang terbentuk daripada dua perkataan iaitu *tartīb* dan *nuzūl*.³⁷ Dari sudut bahasa *tartīb* adalah kata terbitan kepada kata kerja *rattaba* (رَتَّبَ تَرْتِيبًا: أَي نَبَّهَهُ) yang memberi maksud menyusun.³⁸ *Tartīb* dari segi bahasa juga berasal daripada perkataan ra-ta-ba (رَتَّبَ يَرْتَبُ رُتْبًا) *rataba yartubu rutūban*³⁹ Oleh yang demikian, *tartīb* menurut istilah pula membawa maksud والترتيب iaitu meletakkan sesuatu pada tempatnya mengikut susunan yang tetap dan tidak berubah-ubah.

³⁶Kaedah keempat tadabbur al-Quran yang diasaskan oleh Ḥabannakah, rujuk ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allah*, 53.

³⁷ Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*, (Beirut, Dār Ṣādir) cet 1, 1:409.

³⁸ Ibid.

³⁹ al-Fayruz Abadiy: Muhammad bin Ya'qub, *al-Qāmus al-Muḥīṭ* 1:113, Ibn Manzūr, *Lisān al-Arab*, (Beirut, Dār Sadir), cet 1, 1:409.

Manakala, perkataan *nuzūl* merupakan kata terbitan kepada kata kerja *na-za-la* yang bermaksud sesuatu yang turun dari tempat tinggi ke bawah (penurunan al-Quran). Seterusnya, dari segi istilah *nuzūl al-Qurān* bermaksud penurunan Jibril AS membawa kalam Allah SWT kepada Nabi SAW dan memperdengarkan kalam Allah kepada Nabi SAW sepertimana Jibril AS mendengar daripada Allah SWT.⁴⁰

Justeru, tafsir *tartīb al-Nuzūl* dalam kajian ini diertikan sebagai tafsir yang menggunakan metodologi pentafsiran al-Quran berdasarkan tertib penyusunan surah-surah al-Quran mengikut kronologi penurunan wahyu al-Quran pada zaman Nabi SAW.⁴¹ Secara umumnya, penyusunan surah berdasarkan penurunan wahyu ini hanya bersandarkan pada riwayat-riwayat yang menyebutkan penurunan bahagian awal surah sahaja, akan tetapi bukannya pada keseluruhan surah tersebut. Sebagai contoh, bahagian awal surah al-Baqarah telah diturunkan pada permulaan tahun baginda Nabi SAW di Madinah, manakala bahagian yang lain turun berlanjutan sehingga ke akhir penurunan wahyu. Namun demikian, surah al-Baqarah tetap disusun sebagai surah *al-Madaniyyah* yang pertama.⁴² Menurut ‘Ābid al-Jābirī pendekatan tafsir *tartīb al-Nuzūl* bertujuan untuk mengkaji dan memanifestasikan perjalanan sirah dakwah dan jiwa Rasulullah SAW.⁴³

1.3 Kemunculan Awal Tafsir *Tartīb al-Nuzūl*

Menurut Ṭaha Muhammad Fāris, sejarah awal kemunculan idea bagi menyusun al-Quran mengikut kronologi penurunan al-Quran bermula dengan Syiah Rāfiḍah⁴⁴. Golongan Rāfiḍah mendakwa bahawa Nabi SAW telah mewasiatkan Ali RA untuk

⁴⁰ Ṭaha Abidin Ṭaha, *al-Muntaqā fi Ulūm al-Qurān*, (Arab Saudi, Dār al-Andalus li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1429 H) cet ke-2, 2:70.

⁴¹ Nādi Ḥasan Ali Sabra, *Manhaj ‘Abd al-Rahman Habannakah al-Midaniyy fi al-Tafsir*, tesis sarjana (Amman, Universiti Jordan, 2006), 45.

⁴² Rujuk Ṭaha Muhammad Fāris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 109.

⁴³ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Al-Madkhāl Ilā Al-Qur’ān Al-Karīm fi Ta’rif bi Al-Qur’ān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt Al-Wiḥdah Al-‘Arabiyyah, 2007), 257.

⁴⁴ Ibid., 23.

menghimpunkan al-Quran dan Ali RA merupakan orang pertama menghimpunkan al-Quran. Selain itu, mereka juga mendakwa bahawa mushaf yang dimiliki oleh Ali RA berbeza dengan mushaf lain, ini kerana mushaf Ali RA disusun mengikut susunan penurunan al-Quran dan mengandungi tafsiran ayat serta penjelasan *asbāb al-Nuzūl* dan tempat turun ayat al-Quran. Namun yang demikian, Taha Muhammad Fāris menyatakan bahawa perkara yang jelas diketahui ialah dakwaan mushaf Ali oleh Syiah Rāfiḍah tidak wujud bahkan dakwaan itu hanyalah semata-mata dakwaan yang tidak ada bukti.⁴⁵

Setelah itu, pada tahun 1962 M seorang tokoh berasal dari Palestin telah berjaya menghasilkan sebuah karya tafsir berasaskan manhaj *tartīb al-Nuzūl* yang pertama dalam sejarah penulisan karya tafsir. Tokoh tersebut ialah Muhammad ‘Izzat Darwazah, di mana beliau mendapat ilham untuk menulis sebuah kitab tafsir moden ketika beliau di tahanan penjara. Sepanjang Darwazah dipenjarakan, beliau banyak menghabiskan masanya dengan membaca bacaan berkaitan al-Quran. Lantas, beliau berjaya menghasilkan tiga karya utama iaitu ‘*Asr al-Nabiy, Sīrah al-Rasūl Ṣalallāhu ‘Alayhi Wasallam Min al-Qurān, al-Dustūr al-Qur’āniy Fi Shu’ūn al-Ḥayāh*.⁴⁶ Karya tafsir Darwazah diberi judul *al-Tafsīr al-Hadīth Tartīb al-Suwar Hasb al-Nuzūl*⁴⁷.

Seterusnya, ‘Abd al-Qādir Malā Hawīsh Āli Ghāzhī al-‘Ānī juga telah menyempurnakan sebuah karya tafsir di atas metode *tartīb al-Nuzūl*, iaitu tafsir yang diberi judul *Bayān al-Ma‘āniy*. Kemudian, muncul karya berjudul *Tafsīr al-Qurān al-Murattab Manhaj li al-Yusr al-Tarbawiy*, ditulis oleh Dr As’ad Ahmad Ali, beliau menyatakan bahawa beliau berpandukan pada susunan mengikut riwayat Ibn ‘Abbās dan beberapa riwayat yang lain. Seterusnya, tokoh yang telah menulis tafsir

⁴⁵ Ibid., 25.

⁴⁶ Ulasan Darwazah pada mukaddimah cetakan pertama tafsir beliau. Lihat : Muhammad ‘Izzat Darwazah, *al-Tafsīr al-Hadīth Tartīb al-Suwar Hasb al-Nuzūl*, (Kaherah, Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyah, 1961), 1:5.

⁴⁷ Cetakan pertama diterbitkan oleh syarikat terbitan *Dār Ihyā’ al-Kutub al-Arabiyyah bi al-Qāhirah*, diterbitkan dalam dua belas jilid dan merangkumi sebanyak 3571 halaman mukasurat.

menggunakan metode *tartīb al-Nuzūl* ialah tokoh kajian pengkaji iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī. Pengkaji akan menghuraikan dengan lebih lanjut pada topik seterusnya.

1.4 Wacana *Tartīb al-Nuzūl* Dalam Kalangan Ilmuan Islam

Wacana perbahasan ulama’ terdahulu adalah memfokuskan kepada perbahasan berkaitan hukum ke atas susunan surah-surah al-Quran samada bersifat *tawqīfīy* atau *ijtihādīy*⁴⁸. Dalam permasalahan ini, terdapat tiga pendapat ulama’.

Pendapat yang pertama, ulama’ berpandangan bahawa susunan surah-surah al-Quran merupakan ijihad para sahabat, maka meneurut mereka susunan surah al-Quran adalah merupakan perkara *ijtihādīy*. Pendapat ini telah dipegang oleh sebilangan ulama’ antaranya ialah Ahmad bin Fāris, Abu Bakr bin Ṭayyib, Makkiy bin Abī Ṭālib al-Qaysiy dan lain-lain⁴⁹. Dalil pandangan pertama antaranya ialah hadith riwayat Muslim daripada Huzaifah *Raḍiyallahu ‘anhu* yang menceritakan bahawa Nabi SAW dalam solat malam, baginda membaca surah al-Baqarah dan dilanjutkan dengan surah al-Nisā’ dan surah Āli Imran dan baginda SAW tidak mengikut *tartīb al-Mushaf*⁵⁰ dan beberapa dalil yang lain beserta hujjah-hujjah mereka.

Manakala, sebahagian ulama’ lain seperti Abu Bakr al-Anbāriy, Abu Ja’afar al-Nuḥās, Abu Bakr al-Bāqilāniy, Ibn al-Ḥaṣṣār, al-Kirmāniy, al-Baghawiy, al-Ṭibbiy⁵¹, al-Alūsiy, ‘Abd al-Ḥamīd al-Farāhī dan Abdullah Diraz⁵² berpandangan bahawa susunan surah al-Quran bersifat *tawqīfīy* iaitu susunan surah al-Quran merupakan wahyu daripada Allah SWT. Pandangan tersebut bersandarkan pada beberapa dalil naqlī

⁴⁸ Rujuk al-*Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, al-*Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, *Manāhil al-‘Irfān*. Muhammad al-Zarqānī, *Manāhil al-‘Irfān Fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, 29-35.

⁴⁹ Ṭāha Ābid bin Ṭaha, *Tartīb Suwar al-Qurān Dirāsah Tahlīliyah li Aqwāl al-‘Ulamā’*, Majallah al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Qurāniyyah, 41.

⁵⁰ *Ibid.*, 43.

⁵¹ Ṭāha Muhammad Faris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Ḥasb Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 166.

⁵² *Ibid.*, 176.

dan ‘aqlī dan antara hujjah aqliyyah ialah surah *al-Hawāmīm*⁵³, ijma’ para sahabat terhadap susunan ini pada zaman penyusunan mushaf Uthmān bin Affān dan terzahirnya kesinambungan pada setiap awal surah dengan akhir surah yang lain ataupun disebut sebagai *munāsabah suwar al-Qurān*.⁵⁴

Di zaman pertumbuhan ilmu yang pelbagai, ilmu tafsir juga turut berkembang mengikut peredaran zaman. Namun, tidak ada karya tafsir berasaskan manhaj *tartīb al-Nuzūl* telah dihasilkan secara lengkap oleh ahli tafsir pada kurun-kurun sebelum, sehinggalah muncul karya tafsir yang pertama menggunakan manhaj pentafsiran *tartīb al-Nuzūl*, iaitu pada awal 60-an kurun yang lalu, dihasilkan oleh Muhammad ‘Izzat Darwazah menerusi karya *al-Tafsīr al-Hadīth*.⁵⁵

Seterusnya, setelah kemunculan karya tafsir Darwazah, para ilmuan al-Quran mula menghasilkan tafsir seperti beliau, maka terbit lagi sebuah karya tafsir al-Quran yang dihasilkan oleh Abd al-Qadir Malā Hawish ‘Āli Ghāziy al-‘Āniy iaitu *Bayān al-Ma‘āniy*. Abd al-Qadir turut menyelusuri manhaj pentafsiran yang sama dengan Darwazah. Selain itu juga, terdapat sebuah karya tafsir yang telah dihasilkan oleh Dr As’ad Ahmad ‘Ali diberi judul *Tafsīr al-Qurān al-Murattab Manhaj li al-Yusr al-Tarbawiy*. Penulis tafsir ini sendiri mengisytarkan bahawa manhaj yang diterapkan pada tafsir beliau adalah manhaj pentafsiran berdasarkan sejarah penurunan al-Quran. Meskipun begitu, Dr As’ad Ahmad tidak ada menyebutkan faedah daripada pentafsiran mereka sebelum beliau. Dr As’ad Ahmad turut menyatakan bahawa beliau bersandarkan riwayat susunan surah Ibn ‘Abbās dan lain-lain.

⁵³ Surah al-Hawāmīm ialah surah *ghāfir*, *fuṣṣilat*, *al-Syura*, *al-Zukhruf*, *al-Dukhān*, *al-Jāthiyah*, *al-Ahqāf*.

⁵⁴ Ṭāha Muhammad Faris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Ḥasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 173.

⁵⁵ Ibid., 202.

Selanjutnya, muncul karya tafsir Muhammad ‘Ābid al-Jābirī⁵⁶ yang berjudul *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*. Menurut al-Jābirī, al-Quran perlu difahami sesuai dengan tuntutan zaman iaitu dengan membuka ruang komunikasi antara teks dan realiti sesebuah zaman. Usaha al-Jābirī adalah untuk memperkasakan istilah *waṣl al-Qārī bi al-Maqrū*⁵⁷ iaitu interaksi dengan baik terhadap teks al-Quran. Malahan, al-Jābirī turut menegaskan keperluan melihat al-Quran sebagai teks yang hidup dan terus berkembang seiring dengan tuntutan zaman.⁵⁸

Terakhir, karya tafsir *Ma‘ārij al-Tadabbur wa Daqāiq al-Tadabbur* yang ditulis oleh ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah⁵⁹ dan disebutkan pada penerangan judul tafsir, bahawasanya tafsir ini merupakan tafsir tadabbur al-Quran mengikut susunan penurunan al-Quran, bertepatan dengan manhaj tadabbur al-Quran pada kitab *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allāh ‘Azzawajalla*.

Namun yang demikian, terdapat juga beberapa orang tokoh Islam yang telah menghasilkan karya tafsir yang bercorak tematik dan dibahaskan pentafsiran sesebuah tema menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl*. Antaranya ialah Sayyid Quṭb (1324 H-1387 H) salah seorang tokoh tafsir yang terkenal daripada Mesir juga turut menghasilkan sebuah karya yang berjudul *Mashāhid al-Qiyāmah fi al-Qurān*. Penulis karya ini menggambarkan keadaan hari kiamat berdasarkan surah-surah al-Quran menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl*.

⁵⁶ Dilahirkan pada 27 Disember 1935 dan meninggal dunia pada 3 Mei 2010 Rabat. Beliau adalah seorang pengkritik berasal dari negara Maghribi dan profesor falsafah dan pemikiran Islam di Mohammed V University di Rabat. Beliau juga adalah seorang pakar dalam kesusasteraan Arab dan Bahasa Arab. Beliau dianggap sebagai salah seorang tokoh intelektual yang utama di dunia Arab kontemporari. Beliau juga terkenal dengan projek akademik beliau "kritikan terhadap pemikiran bangsa Arab". Lihat laman sesawang Wikipedia dicapai pada 6 Mac 2017, https://en.wikipedia.org/wiki/Mohammed_Abed_al-Jabri. Rujuk juga Muhammad Julkarnain, *Fragmentasi Tafsir Surah Al-‘Alaq Berbasis Kronologi (Studi atas Fahm al-Qur’ān al-Ḥakīm: al-Tafsīr al-Wādhīh Hasb Tartīb al-Nuzūl Karya Muhammad ‘Ābid al-Jābirī*, RELIGIA vol.18 no.2, Oktober 2015, 131.

⁵⁷ Muhammad Julkarnain, *Fragmentasi Tafsir Surah Al-‘Alaq Berbasis Kronologi (Studi atas Fahm al-Qur’ān al-Ḥakīm: al-Tafsīr al-Wādhīh Hasb Tartīb al-Nuzūl Karya Muhammad ‘Ābid al-Jābirī*, RELIGIA vol.18 no.2, Oktober 2015, 133.

⁵⁸ Heriyanto, S.Sy, *Tartib al-Nuzuli Dalam Penafsiran Abid al-Jabiri (Aplikasi Metode Dalam Pembacaan Surah al-Kafirun)*, 7.

⁵⁹ Tokoh tafsir dan karya tafsir yang dikaji oleh pengkaji.

Selanjutnya, ilmuan tafsir wanita moden, Dr. A'isyah 'Abd al-Rahman⁶⁰ atau lebih dikenali dengan nama Bint al-Shāṭi'. Bint al-Shāṭi' memperoleh ijazah kedoktoran dalam bidang Bahasa Arab dan Sastera Arab dari Universiti Kaherah di Mesir. Beliau telah menghasilkan karya tafsir yang berjudul *al-Tafsīr al-Bayāniy li al-Qurān al-Karīm*. Karya beliau setebal dua jilid mengandungi pentafsiran surah al-Duhā, al-Sharh, al-Zalzalah, al-'Ādiyāt, al-Nāzi'at, al-Balad, al-Takāthur pada jilid yang pertama. Manhaj Bint al-Shāṭi' dalam penulisan tafsir, diambil daripada Amin al-Khawliy. Selain itu juga, Bint al-Shāṭi' juga menyatakan susunan setiap surah, pada mushaf tersebut kecuali surah al-Balad. Namun, Bint al-Shāṭi' dalam karya beliau tidak menyebutkan tempat turun surah-surah yang ditafsirkan.⁶¹ Manakala, jilid kedua mengandungi pentafsiran surah al-'Alaq, al-Qalam, al-'Asr, al-Layl, al-Fajr, al-Humazah, al-Mā'ūn.

1.5 Wacana *Tartīb al-Nuzūl* Dalam Kalangan Orientalis Barat

Sejarah menunjukkan bahawa terdapat beberapa tokoh Orientalis yang memberikan perhatian yang tinggi terhadap kajian susunan surah al-Quran dan peringkat penurunan al-Quran berpandukan kepada sejarah penurunan al-Quran. Pendekatan Orientalis Barat, jelas berbeza dengan manhaj ilmuan Islam klasik dan mereka juga menganggap bahawa kajian mereka lebih bersifat objektif. Antara tokoh Orientalis tersebut ialah :

- a. Sir William Muir (1819-1905 M)⁶² Beliau telah mengkategorikan peringkat penurunan al-Quran kepada enam peringkat : lima peringkat penurunan berlaku di Mekah, manakala peringkat keenam di Madinah. Sir William banyak merujuk kepada riwayat-riwayat sejarah al-Quran. Setelah melakukan kajian yang kritis,

⁶⁰ Wahyuddin, *Corak dan Metode Bint al-Shāṭi' Studi atas al-Tafsīr al-Bayāniy li al-Qurān al-Karīm*, (Institut Agama Islam (IAIN) Antasari Banjarmasin, 2014), 120.

⁶¹ Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 390.

⁶² Sir William Muir dilahirkan di Glasgow dan beliau mendapat pendidikan di Akademi Kilmarnock, Glasgow, Universiti Edinburgh, dan Kolej Haileybury. William merupakan Orientalis yang mengkaji Islam. Bidang kepakaran beliau ialah sejarah Nabi Muhammad SAW dan khalifah Islam yang terawal.

beliau berjaya menghimpunkan sejumlah besar riwayat-riwayat berkenaan *sīrah al-Nabawiyah*. Namun, malangnya William telah melakukan kesalahan yang berat kerana beliau banyak mengambil riwayat-riwayat yang lemah.

- b. Theodore Noldeke (1836-1930 M)⁶³, beliau mengarang sebuah karya yang berjudul *Geschichte des Qorāns atau Tarikh al-Quran* (sejarah al-Quran). Karya Noldeke telah diterbitkan pada tahun 1860 dan menerusi kajian beliau, Noldeke mengklasifikasikan surah-surah *makkiyyah* kepada tiga peringkat penurunan. Peringkat pertama surah *makkiyyah* menurut Noldeke, membincangkan perihal aqidah⁶⁴, ayat-ayat yang pendek serta mengandungi perumpamaan dan analogi. Manakala peringkat kedua surah *makkiyyah*, menekankan sejarah umat terdahulu dan tanda-tanda kekuasaan Allah SWT dan peringkat ketiga surah *makkiyyah*, mengandungi ayat-ayat yang panjang. Noldeke menjadikan kitab Abu al-Qāsim ‘Umar bin Muhammad bin Abd al-Kafiy sebagai rujukan bagi susunan surah-surah al-Quran.⁶⁵
- c. Regis Blachere (1900-1973 M)⁶⁶, beliau menganggap bahawa manhaj *tartīb al-Nuzūl* merupakan satu-satu manhaj yang tepat dalam memahami al-Quran. Blachere juga telah menghasilkan sebuah karya terjemahan al-Quran dan disusun mengikut kronologi penurunan al-Quran. Selain itu, Blachere menjadikan dua perkara penting iaitu *isyārat tārīkhiyyah* (petunjuk sejarah wahyu) dan *khaṣāis al-Nas al-Qurāniy* (karakteristik teks al-Quran) sebagai rujukan kepada susunan surah al-Quran.

⁶³ Theodore Noldeke merupakan Orientalis berasal dari Jerman, mendapat pendidikan dalam bidang sejarah Islam dan telah berjaya menghasilkan tulisan seperti *Tārīkh al-Quran, Hayāt al-Nabī Muhammad, Dirāsah li Si’ri al-‘Arab al-Qudāmā*. Rujuk Abdurrahman Badawi, *Ensiklopedi Tokoh Orientalis*, terj. Amroeni Drajat, (Yogyakarta, Pustaka LKIS, 2003), 416.

⁶⁴ Theodore Nöldeke, *Tārīkh al-Qur’an* terj. Georges Tamer (Beirut: Auflage, 2004), 62.

⁶⁵ Ṭaha Muhammad Faris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 27.

⁶⁶ Rujuk Abdurrahman Badawi, *Ensiklopedi Tokoh Orientalis*, terj. Amroeni Drajat, (Yogyakarta, Pustaka LKIS, 2003), 93.

- d. Ignaz Goldziher (1850-1921 M) merupakan seorang tokoh Orientalis yang menonjol dan aktif menulis dalam pelbagai bidang ilmu termasuk karya aliran tafsir Islam⁶⁷. Goldziher telah menukulkan dakwaan Syiah bahawa mushaf yang dimiliki oleh Ali merupakan yang tertua dan menghimpunkan nas-nas al-Quran serta disusun mengikut tertib penurunan al-Quran.
- e. Jacques Berque (1910-1995 M) tokoh Orientalis yang berasal daripada Perancis dan beliau merupakan graduan dari Universiti Algeria. Berque juga merupakan bekas pakar UNESCO di timur tengah, dan pernah dihantar ke Mesir pada tahun 1953 M. Selain itu, Berque pernah dilantik sebagai Professor Sejarah Sosial Islam Kontemporari di Kolej Perancis pada tahun 1956 M dan beliau juga pernah menjadi penasihat Kementerian Penyelidikan dan Kementerian Pendidikan. Antara karya penting Berque ialah Bangsa Arab: Sejarah dan Masa Depan Mereka, Mesir: Imperialisme dan Revolusi, dan lain-lain. Berque juga pernah menulis surat kepada ‘Izzat Darwazah⁶⁸ dan memuji Darwazah atas penghasilan karya *al-Tafsīr al-Hadīth*, Berque juga telah menzahirkan rasa kagum beliau apabila beliau membaca tafsiran Darwazah. Selain itu, Berque telah menyebutkan bahawa beliau telah membaca tafsiran surah al-Nūr, dan Berque menganggap bahawa ulasan tafsir Darwazah merupakan yang terbaik dalam kalangan ahli tafsir moden.⁶⁹

1.6 Faedah Manhaj *Tartīb al-Nuzūl* Dalam Pentafsiran al-Quran

Penulis tafsir *tartīb al-Nuzūl* telah menyedari akan beberapa kelebihan manhaj *tartīb al-Nuzūl* dan kelebihan itu telah mendorong mereka untuk menghasilkan karya tafsir bermanhaj *al-Tatīb al-Nuzūl*. Antara faedah dan kelebihan pentafsiran al-Quran

⁶⁷ Abdurrahman Badawi, *Mausū'ah al-Mustashriqīn*, (Beirut, Lubnan, *Dar al-Ilm li al-Malayin*, 1993), 197.

⁶⁸ Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 32.

⁶⁹ *Ibid.*, 33.

menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl* seperti yang telah dijelaskan oleh Ali Adlawi dalam tesis ijazah kedoktoran beliau, artikel *Tafsīr al-Qurān al-Karīm ‘alā Tartīb al-Nuzūl (Manba’uhu wa Fawāiduhu)*⁷⁰ dan juga Nadiyah Hasan ‘Alī Ṣabran ialah⁷¹ :

a. Menghargai suasana penurunan al-Quran

Menerusi karya tafsir *tartīb al-Nuzūl*, ilmuan tafsir cuba menghargai dan memberi perhatian kepada suasana penurunan al-Quran (*jaw al-Nuzūl*) dan mereka menjadikan aspek ini sebagai usul pentafsiran mereka. Menghayati ayat-ayat yang mempunyai latar belakang *sīrah al-Nabawīyyah*, merupakan antara faedah terbesar dalam menafsirkan al-Quran menggunakan manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Situasi *al-Nuzūl* atau di dalam Bahasa Arabnya disebutkan sebagai *jaw al-Nuzūl*, amat penting dalam menyingkapi segala peristiwa yang berlaku di persekitaran turunnya sesuatu ayat al-Quran.⁷²

b. Mendapat gambaran jelas keadaan awal Islam pada zaman penurunan wahyu

Menjadi keperluan kepada ilmuan tafsir untuk mengharmonikan antara sirah dan surah al-Quran, kerana dengan itu mereka dapat menjiwai seni pendidikan wahyu yang bersifat *tadarruj* serta mendalami peringkat *sīrah* Nabi SAW sepanjang penurunan wahyu al-Quran. Disamping itu, rujukan utama sirah adalah al-Quran itu sendiri dan tidak dapat tidak perlu diketahui sirah yang sahih melalui al-Quran.

c. Mendapat gambaran perbezaan antara dua keadaan dan tempat turun al-Quran iaitu *al-Makkiy* dan *al-Madaniy*

⁷⁰ Muhammad Majālī Ahmad Rababi‘ah, *Tafsīr al-Qurān al-Karīm ‘alā Tartīb al-Nuzūl (Manba’uhu wa Fawāiduhu)*, (Dirāsāt, Ulūm al-Sharī‘ah wa al-Qānūn, jil. 37, no. 1, 2010), 261.

⁷¹ ‘Alī Adlawi, *Athar Tartīb Nuzūl al-Qurān al-Karīm fi Binā’ al-Aqā’idīy Wa al-Sulūk al-Haḍāriy li al-Ummah al-Islāmiyyah*, (Tilmisan Algeria, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Abu Bakr Balkeid, 2013), 114.

Nadiyah Hasan Ali Sabran, *Manhaj ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Midāniy fi al-Tafsīr*, disertasi sarjana (Amman, Universiti Jordan, 2006), 50.

⁷² Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff, *Memahami Situasi Al-Nuzul Dalam Konteks al-Taḥsīn Al-Haraki Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Surah Al-Fath*, Jurnal Usuluddin, (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 41.

Setiap ayat-ayat al-Quran mempunyai konteks penurunan ayat dan gaya bahasa, malah konteks ayat dan gaya bahasa al-Quran pada *marḥalah makkīyyah* berbeza dengan ayat pada *marḥalah madaniyyah*. Sebagai contoh, Nabi SAW di Mekah berhadapan dengan golongan kafir manakala di Madinah golongan Muslim, ahli kitab, munafik, Yahudi.

d. Mengelak daripada tersilap memahami konteks ayat *al-Makkiy* dan *al-Madaniy*

Kesalahan yang besar apabila tidak memahami al-Quran secara menyeluruh dan memahami al-Quran secara terpisah-pisah sedangkan keseluruhan surah al-Quran terkait antara satu sama lain. Antara kelebihan dan manfaat *tartīb al-Nuzūl* yang telah disebutkan oleh Ḥabannakah menerusi karya *Qawā'id Tadabbur al-Amthal*, adalah memelihara daripada tersilap memahami ayat hukum.

e. Panduan kepada pendakwah dalam menjiwai seni dakwah gaya al-Quran

Tumpuan dakwah Nabi SAW di Mekah adalah berbeza dengan dakwah Nabi SAW di Madinah kerana di Mekah, Nabi SAW mendidik para sahabat kepada *usūl al-'Aqidah* seperti beriman kepada Allah SWT, penghabaran hari akhirat, gambaran hari perhitungan, ciri ahli syurga, dan ciri ahli neraka. Muhammad Qutb menyebutkan bahawa “surah-surah *al-Makkiyyah* yang diturunkan selama tempoh tiga belas tahun, keseluruhannya dipenuhi dengan aqidah. Syariat tidak diturunkan pada surah-surah *makkiyyah* melainkan panduan umum sahaja. Manakala, surah-surah *madaniyyah* pula membicarakan berkenaan dengan syariat Islam”. Selain daripada itu, dakwah Nabi SAW di Mekah juga menekankan perihal akhlak mulia dan melakukan kebaikan⁷³. Malah gaya bahasa surah *al-Makkiyyah* lebih keras dan lebih tertumpu untuk membantah dan membatalkan aqidah *musyrik* Mekah. Oleh

⁷³ ‘Alī Adlawi, *Athar Tartīb Nuzūl al-Qurān al-Karīm fi Binā' al-Aqā'idīy Wa al-Sulūk al-Hadāriy li al-Ummah al-Islāmiyyah*, (Tilmisan Algeria, Fakulti Sains Kemanusiaan dan Kemasyarakatan, Jabatan Pengajian Islam, Universiti Abu Bakr Balkeid, 2013), 126.

yang demikian, menerusi tafsir *tartīb al-Nuzūl* para pendakwah dapat menghayati seni dakwah gaya al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan berdakwah.

f. Mendalami peringkat-peringkat perkembangan *sirah* Nabi SAW

Prinsip pentafsiran al-Jābirī dalam menjadikan *tartīb al-Nuzūl* sebagai manhaj utama adalah bertujuan menghargai peringkat-peringkat *sirah*. Oleh yang demikian, al-Jābirī menyebutkan *qirāah al-Sīrah bi al-Qurān wa qirāah al-Qurān bi al-Sīrah*. Menurut al-Jābirī, susunan penurunan mempunyai perkaitan yang kuat dengan *sirah* dan dakwah Nabi Muhammad SAW.

g. Mengetahui *asbāb al-Nuzūl* yang tepat

Asbāb al-Nuzūl bermaksud latar belakang sejarah yang menyebabkan sesuatu ayat atau surah diturunkan.⁷⁴ Menerusi kajian mengenai persekitaran semasa surah-surah al-Quran diturunkan dan juga riwayat-riwayat *tartīb al-Nuzūl* membantu untuk mengetahui *asbāb al-Nuzūl* yang tepat. Kefahaman mengenai *asbāb al-Nuzūl* merupakan faktor penting dalam memahami isi kandungan al-Quran kerana pengetahuan tentang *sabab*(sebab) akan memberikan kefahaman tentang *musabbab*.

Kesimpulannya, karya tafsir *tartīb al-Nuzūl* membantu untuk memahami konteks dan kronologi wahyu al-Quran kerana ianya merupakan keterangan surah al-Quran.

1.7 Rujukan Tartīb Sūrah al-Qurān

Dalam menentukan susunan surah-surah al-Quran, para ulama merujuk kepada sumber rujukan yang pelbagai. Rujukan tersebut merupakan himpunan perbincangan ilmu al-Quran dalam perihal yang berkait rapat dengan sejarah penurunan surah al-Quran, antaranya yang telah disebutkan oleh Nadiy Hasan Ali⁷⁵ ialah :

⁷⁴ Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff, *Memahami Situasi Al-Nuzul Dalam Konteks al-Tafsir Al-Haraki Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Surah Al-Fath*, Jurnal Usuluddin, (Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya), 42.

⁷⁵Nādi Ḥasan Ali Sabra, *Manhaj 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Mīdāniy fī al-Tafsīr*, tesis sarjana (Amman, Universiti Jordan, 2006), 36.
Al-Zarkashiy, *al-Burhān fī Ulūm al-Qurān*, 187.

- a. Riwayat-riwayat daripada hadith Nabi SAW yang menjelaskan waktu penurunan sebahagian surah dan susunan sebahagian surah-surah al-Quran.
- b. Ilmu *tartīb al-Nuzūl* iaitu ilmu yang menerangkan sebahagian riwayat-riwayat yang disebutkan daripada para sahabat, *tābi'īn* dan *tābi' tābi'īn* berhubungan dengan susunan surah-surah al-Quran seperti riwayat Ibn Mas'ūd, Ubay bin Ka'ab, Jābir bin Zayd, Ibn 'Abbās⁷⁶ dan juga beberapa mushaf khusus yang telah disusun dengan susunan yang khusus.
- c. Ilmu berkaitan wahyu awal dan akhir diturunkan, perbincangan mengenai riwayat-riwayat yang menerangkan wahyu yang terawal dan terakhir. Perbincangan ilmu ini turut dibincangkan oleh al-Suyūṭiy, al-Zarkashiy dan beberapa ilmuan lain menerusi karya *'ulūm al-Qurān* mereka.
- d. Ilmu *al-Makkiy* dan *al-Madaniy* merupakan salah satu rujukan yang penting dalam mengetahui *tartīb al-Nuzūl* malah kemampuan menguasai ilmu *al-Makkiy* dan *al-Madaniy* merupakan keperluan asas kepada seorang ahli tafsir. Oleh yang demikian, menerusi ilmu ini para ulama' berijtihad dalam menentukan beberapa susunan surah al-Quran pada tafsir *tartīb al-Nuzūl*.
- e. Ilmu *asbāb al-Nuzūl* merupakan antara rujukan utama dalam menjelaskan sejarah penurunan surah al-Quran dan membantu mengetahui tempat turun wahyu. Berdasarkan riwayat-riwayat sahih berkenaan *asbāb al-Nuzūl*, ulama berijtihad dalam memilih susunan penurunan al-Quran yang paling tepat di sisi mereka.
- f. Ilmu *al-Nāsikh* dan *al-Mansūkh* merupakan ilmu bagi mengetahui wahyu terdahulu dan terkemudian. Habannakah turut menyebutkan antara kepentingan tafsir *tartīb al-Nuzūl* ialah supaya tidak tersilap dalam memahami ilmu *al-Nāsikh* dan *al-Mansūkh*.

⁷⁶ Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasb al-Tartīb al-Nuzūl, (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 112.

g. Ilmu *munāsabah al-Qurān* merupakan ilmu yang membicarakan berkaitan hubung kait antara surah dan surah lain. Berdasarkan ilmu munasabah al-Quran, ulama' mengetahui susunan *tartīb al-Nuzūl*.

Di samping itu, Ḥabannakah menjelaskan bahawa susunan penurunan al-Quran diketahui menerusi dua perkara iaitu susunan yang dikemukakan oleh ulama' yang mempunyai kepakaran dalam ilmu *al-Tanzīl* (penurunan al-Quran) dan kedua ialah melalui jalan ijtihad.⁷⁷

1.8 Riwayat Susunan Surah Al-Quran Mengikut Penurunan

Beberapa riwayat-riwayat utama dalam masalah *tartīb al-Nuzūl*, antaranya periwayatan daripada sahabat, riwayat daripada tābi'in atau tābi' tābi'in. Selain itu, terdapat juga susunan yang disusun bersandarkan kepada ijtihad ulama' semata-mata seperti susunan yang disebutkan oleh al-Zarkashiy dalam kitab *al-Burhān*⁷⁸ (susunan ini merupakan susunan surah yang diturunkan di Mekah dan diambil riwayat ini daripada *thiqāt*).⁷⁹ Selanjutnya, riwayat-riwayat *tartīb al-Nuzūl* yang telah dikumpulkan oleh Ṭāha Muhammad Fāris adalah seperti berikut⁸⁰:

1. Riwayat Ibn al-Ḍurays, daripada Ibn Abbās melalui jalan 'Aṭā'

Muhammad bin Ayyūb bin Yaḥyā bin al-Ḍurays al-Bajaliy al-Rāziy (200-294H).

Susur jalur sanad: Ahmad bin Abdullah bin Yūnus al-Tamīmiy, Muhammad bin Talḥah al-Yāmiy, Muhammad bin Abdullah bin Abu Ja'afar al-Rāziy, Umar bin Harun, Uthmān bin Aṭā' Aṭā' bin Abu Muslim al-Khurasāniy, Abdullah bin Abbās.

⁷⁷ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 153.

⁷⁸ Al-Zarkashiy, *Al-Burhān fi Ulūm al-Qurān*.

⁷⁹ Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 112.

⁸⁰ Ibid., 113.

Hukum ke atas sanad : Riwayat ini *ḍa'if* lemah dan terputus kerana terdapat perawi bernama Umar bin Hārūn yang lemah ingatan, dan perawi Uthmān bin 'Aṭā', 'Aṭā' al-Khurasāniy tidak bertemu Abdullah bin 'Abbās maka sanad terputus.⁸¹

2. Riwayat Abu Bakr Muhammad bin al-Ḥārith bin Abyad daripada Jābir bin Zayd

Muhammad bin al-Ḥārith bin Abyaḍ al-Qurashiy al-Miṣriy (meninggal 348H).

Susur jalur sanad: Abu al-'Abbās Ubaydillah bin Muhammad bin A'yun al-Baghdādiy, Hassān bin Ibrahim al-Kirmāniy, Umayyah al-Azdiy, Jābir bin Zayd.

Hukum ke atas sanad: riwayat ini lemah kerana sanad terhenti di peringkat tabi'in.⁸² Selain itu, ianya merupakan perkataan tābi'in iaitu Jābir bin Zayd. Manakala, Hassan bin Ibrāhīm kurang *ḍābit*,⁸³ Umayyah. Terdapat juga perawi yang tidak dikenali (*majhul*)⁸⁴ seperti Abdullah bin Muhammad bin al-Ḥārith, Muhammad bin al-Ḥārith bin Abyaḍ.

3. Riwayat Abu al-Qāsim al-Ḥasan bin Muhammad al-Naysāburiy dengan sanad beliau daripada al-Ḥusayn bin Wāqid

Abu al-Qāsim al-Ḥasan bin Muhammad bin al-Ḥasan al-Naysāburiy (meninggal 406H).

Susur jalur sanad: Abu al-Ḥasan Muhammad bin al-Ḥusayn bin Muhammad al-Baghawī, Abu al-Naḍr Muhammad bin Ahmad al-Hilwāniy, Muṭahhir bin al-

⁸¹ *Hadīth ḍa'if* ialah hadith yang tidak terkumpul sifat hadith hasan. Hadith *munqaṭi'* ialah hadith yang sanad tidak bersambung, dan terputus di mana-mana. Hukum hadith *munqaṭi'* ialah lemah/*ḍa'if*. Jumhur ulama' berbeza pendapat dalam hal mengamalkan hadith lemah. Rujuk Mahmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, (Iskandariah, Mesir, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 51 dan 61.

⁸² *Hadīth al-Maqṭū'* ialah hadith yang disandarkan kepada generasi tābi'in atau selain mereka, merangkumi perkataan atau perbuatan, hadith yang sanadnya bersambung hingga ke tabi'in. *Hadīth al-Maqṭū'* tidak boleh dijadikan sebagai hujjah dalam hukum syara'. Ibid., 101-102. *Tābi'm* ialah orang yang bertemu sahabat, Muslim dan meninggal dalam keadaan Islam. Ibid., 155.

⁸³ Perawi yang *ḍābit* ialah perawi yang mempunyai ingatan yang jitu, kuat samada hafalan ingatan atau tulisan. Ibid., 31.

⁸⁴ *Majhūl* ialah orang yang tidak diketahui identiti ('*ain*) dan sifat-sifatnya, atau dikenali nama tapi tidak dikenali sifatnya. Jenis *majhūl* ada tiga jenis iaitu *majhūl al-'Ain*, *majhūl al-Hāl* dan *al-Mubham*. Rujuk Mahmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, (Iskandariah, Mesir, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 91-94.

Ḥakam bin Ḥissan al-Karabisiy, Ali bin Ḥusayn bin Wāqid, al-Ḥusayn bin Wāqid.

Hukum ke atas sanad: perawi bernama al-Ḥusayn bin Wāqid merupakan seorang yang thiqah dan *wahm* (melakukan kesilapan), Muṭahhar bin al-Ḥakam seorang yang *majhūl hāl*. Selain itu, Muhammad bin al-Ḥusayn al-Baghawiy, Muhammad bin Ahmad al-Ḥilwāniy juga merupakan perawi yang tidak dikenali. Oleh yang demikian, kesimpulan riwayat ini merupakan riwayat yang terputus dan terhenti pada tābi‘ al-Tābi‘īn.

4. Riwayat Abu Bakr al-Bayhaqī daripada ‘Ikrimah dan al-Hasan

Abu Bakr al-Bayhaqiy (meninggal 458 H)

Susur jalur sanad: Muhammad bin Abdullah bin Muhammad Hamdawiyyah al-Ḥakim al-Naysabur, Abu Muhammad bin Ziyad al-‘Adl, Muhammad bin Ishāq bin Khuzaymah al-Naysāburiy, Ya‘aqub bin Ibrahim al-Dawraqiy, Ahmad bin Naṣr bin Malik al-Khaza‘iy, ‘Ali bin al-Ḥusayn bin Waqid, Ḥusayn bin Waqid, Yazīd al-Nahwiyy al-Marwaziyy, ‘Ikrimah, al-Ḥasan bin Abu al-Ḥasan Yasar al-Baṣriyy.

Hukum ke atas sanad: Hadith *ḍa‘īf* kerana riwayat ini *mursal* riwayat tābi‘īn.⁸⁵

5. Riwayat kedua Abu Bakr al-Bayhaqī daripada Mujāhid bin Jabr daripada Ibn ‘Abbās

Susur jalur sanad: ‘Ali bin Ahmad bin ‘Abdān, Ahmad bin ‘Ubayd al-Ṣaffār, Muhammad bin al-Faḍl bin Jābir, Ismā‘il bin Abdullah bin Zurār al-Raqqiy, ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Rahmān al-Qurashiy, Ḥuṣayf bin ‘Abd al-Rahmān al-Jazariyy, Mujāhid bin Jabr al-Makkiyy, Ibn ‘Abbās.

⁸⁵ Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsīr al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fatḥ li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 131. *Hadīth mursal* ialah hadith yang gugur pada akhir sanad setelah *tābi‘īn* atau seorang *tabi‘īn* mengatakan Rasulullah bersabda sekian-sekian. Mahmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, (Iskandariah, Mesir, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 56.

Hukum ke atas sanad: riwayat yang sangat lemah kerana terdapat perawi bernama Ḥuṣayf yang mempunyai ingatan yang lemah, dan perawi bernama ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd al-Rahmān yang tersangat lemah.

6. Riwayat penulis kitab *Muqaddimah Kitāb al-Mabāni li Nazm al-Ma‘āniy* daripada Ibn ‘Abbās melalui jalan Abu Ṣālih

Penulis kitab tidak dikenali dan disebutkan bahawa penulis ialah Muḥammad Ḥāmid bin Ahmad bin Ja‘afar bin Baṣṭām

Susur jalur sanad: Muḥammad bin Marwan, Muhammad bin al-Sā ib bin Bishr al-Kalbiy, Abu Ṣālih Bāzām, Ibn ‘Abbās

Hukum ke atas sanad: sanad riwayat ini dipenuhi dengan perawi pendusta dan lemah iaitu Abu Ṣālih Bāzām dan Muḥammad bin al-Sā ib. Muḥammad bin Marwān dituduh sebagai seorang pendusta. Kesimpulan riwayat ini adalah palsu(*mawḍū‘*).⁸⁶

7. Riwayat penulis kitab *Muqaddimah Kitāb al-Mabāni li Nazm al-Ma‘āniy* daripada Ibn Abbas melalui jalan ‘Aṭa’

Susur galur sanad: Abu al-Nadr, Abu Sahl al-Anharī, Muhammad bn Ḥātim al-Juzjaniy, Ibrāhīm bin Yūsuf, Umar bin Ḥarun, Uthmān bin Aṭā’, Aṭā’, Ibn Abbās.

Hukum ke atas sanad: riwayat *mutāba‘ah*⁸⁷ kepada riwayat Ibn Durays, kedua-dua sanad bertemu pada perawi ‘Umar bin Ḥarun.

8. Riwayat penulis kitab *Muqaddimah Kitāb al-Mabāni li Nazm al-Ma‘āniy* daripada Ali bin Abu Talib

Susur jalur sanad: Abu Ṭalḥah Shurayh bin ‘Abd al-Karim al-Tamīmiy, Muḥabbar bin Muḥammad, Abu Ya‘aqub Yusuf bin ‘Ali, Muḥammad bin Firas, Ja‘afar bin Muhammad bin ‘Ali bin al-Ḥusayn bin Ali bin Abu Ṭalib, Sulayman

⁸⁶ Dusta yang dibuat-buat dan direka-reka kemudian disandarkan kepada Rasulullah SAW, hadith ini merupakan tingkatan *da‘if* paling rendah dan paling buruk, rujuk Mahmūd Ṭahḥān, *Taysīr Mustalah al-Hadīth*, (Iskandariah, Mesir, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 70.

⁸⁷ Seorang perawi bersama dengan perawi lain dalam meriwayatkan hadith(riwayat sokongan)

bin Ḥarb, Ḥammad bin Zayd, Ali bin Zayd bin Jud'an, Sa'īd al-Musayyib, 'Ali bin Abu Ṭalib

Hukum ke atas sanad: Terdapat banyak perawi yang *majhūl* dalam jalur sanad, dan sanad terlalu lemah.⁸⁸

9. Riwayat yang terdapat pada kitab *al-Nāsikh wa al-Mansūkh*, yang diriwayatkan daripada al-Zuhriy

Susur galur sanad: Ibrāhīm bin al-Ḥusayn, Abu Yazīd al-Huzaliy, al-Walīd bin Muhammad al-Muwaqqiriyy, Muhammad bin Muslim al-Zuhriy

Hukum ke atas sanad: al-Walīd bin Muhammad al-Muwaqqiriyy merupakan seorang perawi yang di hukum *matrūk*, *muttahaam bi al-Kazib*⁸⁹. Muhammad bin Yazīd al-Huzaliy merupakan perawi yang *majhūl*. Kesimpulan, riwayat ini terlalu lemah kerana hadith *matrūk*.⁹⁰

10. Riwayat Abu al-Faṭḥ al-Shahrātaniy

Muhammad bin 'Abd al-Karīm bin Ahmad Abu al-Faṭḥ al-Shahrātaniy (meninggal 548 H)

Susur galur sanad: tidak disebutkan sanad, Abu al-Faṭḥ hanya menyebutkan perawi dalam kalangan sahabat atau *tabi'in* atau *tabi' tabi'in* sahaja.

Hukum ke atas sanad: tidak mempunyai sanad atau tidak ada asal.⁹¹

Oleh yang demikian, berdasarkan taraf hadith yang dikemukakan oleh Ṭaha Muhammad Fāris, hadith-hadith susunan surah tersebut adalah bertaraf lemah. Namun, masih terdapat beberapa hadith lain yang kuat mengenai penurunan surah al-Quran dan

⁸⁸ Ṭaha Muhammad Fāris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasba al-Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 142.

⁸⁹ Hadith *matrūk* merupakan hadith yang di dalam sanadnya terdapat perawi yang dituduh berdusta, antara sebab seorang perawi dituduh berdusta ialah kerana hadith yang tersebut tidak diriwayatkan melainkan melalui jalur dia dan bertentangan dengan prinsip-prinsip umum, perawi dikenali sering berdusta pada kebiasaan ucapannya tetapi tidak zahir berdusta pada hadith Nabi SAW. Rujuk Mahmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, (Iskandariah, Mesir, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 73.

⁹⁰ Ṭaha Muhammad Fāris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasba al-Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 146. Tingkatan hadith yang sangat lemah. Lihat Mahmūd Ṭaḥḥān, *Taysīr Mustalah al-Ḥadīth*, (Iskandariah, Markaz li al-Dirāsāt, 1995), 116.

⁹¹ Ibid.

perkara tersebut diulas lebih lanjut oleh kedua-dua ilmuan tafsir *tartīb al-Nuzūl* dalam tafsir mereka.

1.9 Kritikan Terhadap Metodologi Tafsir *Tartīb al-Nuzūl*

Hujjah kritikan yang dikemukakan oleh pengkritik manhaj penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl* telah disebutkan secara ringkas oleh Nādiy Hasan⁹² dalam kajian sarjana beliau yang berjudul *Manhaj ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah al-Miydāniy fi al-Tafsīr*, antaranya ialah tidak ada satu riwayat yang kuat berkaitan dengan susunan surah al-Quran berdasarkan penurunan kerana kesemua riwayat yang berkaitan *tartīb al-Nuzūl* tidak terlepas daripada kritikan oleh para ulama’ hadith.⁹³

Seterusnya, terdapat percanggahan dalam susunan penurunan surah al-Quran dalam kalangan ilmuan tafsir yang menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl* dan ini membuktikan bahawa susunan adalah tidak konsisten serta meragukan. Selain itu juga, kritikan adalah kerana terdapat sebilangan jumlah ayat *madaniyyah* terkandung dalam surah *makkiyyah* dan perbincangan dalam menetapkan surah *makkiyyah* dan *madaniyyah* merupakan perkara yang masih lagi khilaf dalam kalangan ulama’.

Selanjutnya, kritikan pada penggunaan manhaj *tartīb al-Nuzūl* itu sendiri, kerana manhaj sedemikian menyalahi manhaj ulama’ tafsir terdahulu kerana tidak mengikuti susunan mushaf dan susunan mushaf merupakan susunan *tawqīfīy*. Pengaplikasian manhaj *tartīb al-Nuzūl* merupakan penghalang kepada langkah memahami al-Quran dan mendalami mukjizat al-Quran, terutamanya dari aspek *munāsabah* al-Quran dan keterangan berkenaan rahsia kepada susunan surah-surah al-Quran. Manhaj ini merosakkan usaha ulama’ terdahulu kerana para ulama’ telah mencurahkan kesungguhan dalam berusaha menerangkan sudut *i’jāz al-Qurān* tersebut.

⁹² Nādiy Hasan ‘Ali, *Manhaj ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah al-Miydāniy fi al-Tafsīr*, (Amman, Universiti Jordan, 2006), 52.

⁹³ Penjelasan lanjut berkenaan riwayat-riwayat susunan penurunan al-Quran telah disebutkan pada topik sebelum.

Antara lain yang dikemukakan ialah tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan manhaj yang menyukarkan untuk menafsirkan sesebuah surah, mengusutkan para ilmuan kerana terpaksa mengetahui dan menguasai susunan surah yang disusun oleh ilmuan tafsir. Manhaj ini juga akan menyebabkan masyarakat berpaling menjauhi dari berinteraksi dengan tafsir sebegini. Selain daripada itu, ilmuan tafsir manhaj *tartīb al-Nuzūl* dilihat tidak konsisten kerana mereka menafsirkan keseluruhan surah sedangkan penurunan wahyu berlaku pada awal surah dan tidak pada keseluruhan surah. Seruan menyusun al-Quran mengikut kronologi penurunan surah merupakan idea Orientalis seperti William Muir, Theodore Noldeke, Regis Blachere dan lain bermula pada pertengahan kurun kesembilan⁹⁴. Menjadi satu persoalan pengkritik kepada ilmuan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, adakah mereka terpengaruh dengan seruan Orientalis. Bahaya manhaj *tartīb al-Nuzūl* adalah kerana manhaj ini mengikat kefahaman terhadap al-Quran dengan zaman, tempat, persekitaran atau situasi penurunan wahyu. Menurut pengkritik, kefahaman al-Quran tidak boleh terikat dengan zaman dan tempat penurunan wahyu serta keadaan penurunan wahyu.

1.10 Fatwa Terhadap Manhaj *Tartīb al-Nuzūl*

Setelah Muhammad ‘Izzat Darwazah menghasilkan karya *al-Tafsīr al-Ḥadīth*⁹⁵, beliau telah menerima kritikan daripada beberapa ilmuan zamannya. Oleh yang demikian, Darwazah telah mengambil keputusan untuk berjumpa dan meminta fatwa daripada mufti Syria pada ketika itu iaitu Shaykh ‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah dan beberapa ulama’ lain.

‘Abd al-Fattāḥ Abū Ghuddah dalam surat beliau kepada ‘Izzat Darwazah menyatakan pendapat beliau tentang keharusan manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Ini adalah

⁹⁴ Jihād Muhammad al-Nusairat & ‘Ubaidah ‘Abd Hakim As’ad (2013), *Manhaj ‘Abd al-Al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Midāniy fi Tafsīrihi Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, 494.

⁹⁵ Muhammad ‘Izzat Darwazah merupakan tokoh pertama yang menulis tafsir al-Quran menggunakan manhaj *al-Tartīb al-Nuzūl*.

kerana ‘Abd al-Fattāḥ berpandangan bahawa tidak ada tegahan syara’ dalam melakukan pentafsiran sebegitu dan beliau turut menyatakan kepada mereka yang berpendapat dengan larangan menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl*, untuk mengemukakan sandaran dalil mengenai tegahan tersebut.

Di samping itu, ‘Abd al-Fattāḥ menegaskan bahawa *tartīb al-Nuzūl* bukanlah sebuah susunan mushaf tilawah(bacaan) al-Quran, tetapi hanyalah susunan manhaj penulisan tafsir.⁹⁶ Justeru, tidak mengapa untuk menghasilkan tafsir atas manhaj itu. Malah beliau mengemukakan contoh penulisan ulama’ terdahulu seperti Ibn Qutaybah (meninggal 276 H) yang telah menyelusuri manhaj pentafsiran al-Quran tidak mengikut *tartīb al-Nuzūl* atau *tartīb al-Mushaf* dalam penulisan karya *Ta’wīl Mushkil al-Qur ān*. Selain itu, metodologi penulisan tafsir Jalāl al-Dīn al-Muhallā dan Jalāl al-Dīn al-Suyūtiy dalam karya terkenal mereka iaitu *Tafsīr al-Jalālayn*. Nyatanya, pada awal penulisan juga dimulakan dengan pentafsiran surah *al-Kahf* hingga ke surah *al-Nās*. Demikian juga dengan ‘Abd al-Wahhāb al-Najjār dalam menghasilkan karya *Qasas al-Anbiya’* dan Muhammad Ahmad menerusi karya al-‘Adawiy *Da’wah al-Rasūl ilā Allāh* juga tidak meraikan susunan mushaf.

Setelah mengulas panjang, ‘Abd al-Fattāḥ Abu Ghuddah menyatakan bahawa sunnah yang perlu diikuti ialah sunnah penulisan mushaf al-Quran, yang bertujuan untuk bacaan al-Quran, tapi bukanlah penulisan tafsir al-Quran, atau karya ulasan makna ayat-ayat al-Quran kerana ia diluar lingkup perbahasan ulama’.⁹⁷

1.11 Kesimpulan

Dari keterangan di atas membuktikan bahawa sejarah perkembangan tafsir *tartīb al-Nuzūl* adalah merupakan suatu informasi penting bagi mendapat gambaran kemunculan

⁹⁶Muhammad ‘Izzat Darwazah, *al-Tafsīr al-Ḥadīth Tartīb al-Suwar Hasb al-Nuzūl*, (Beirut, Lubnan Dār al-Gharb al-Islāmiy, 2000), 10: 16.

⁹⁷ Muhammad ‘Izzat Darwazah, *al-Tafsīr al-Ḥadīth Tartīb al-Suwar Hasb al-Nuzūl*, (Beirut, Lubnan, Dār al-Gharb al-Islāmiy, 2000), 10:18.

awal tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Selain itu, pendekatan tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan suatu usaha baru dalam bidang tafsir al-Quran. Usaha ilmuan tafsir *tartīb al-Nuzūl* untuk menghargai situasi penurunan al-Quran, *asbāb al-Nuzūl*, dan sirah disebalik penurunan al-Quran merupakan satu usaha murni dan sumbangan besar mereka kepada masyarakat Islam pada masa ini. Malah, metodologi pentafsiran ini mempunyai penyokong dan pengkritik. Oleh yang demikian, ilmuan Islam membincangkan persoalan *tartīb al-Nuzūl* dengan cara yang berbeza dan kaedah yang berlainan selaras dengan tuntutan semasa. Pada hemat pengkaji, usaha mengaplikasikan kaedah *tartīb al-Nuzūl* menjadi suatu nilai tambah bagi umat Islam dalam mengukuhkan kefahaman terhadap al-Quran sebagai sebuah kitab wahyu. Pembaharuan bentuk pentafsiran al-Quran merupakan suatu bentuk tawaran semula kepada generasi hari ini dengan tahap yang boleh dicapai dan sesuai dengan kemampuan umat Islam pada masa ini.

**BAB DUA: BIODATA ‘ABD AL-RAḤMĀN ḤABANNAKAH DAN
MUHAMMAD ‘ĀBID AL-JĀBIRĪ SERTA PENGENALAN KARYA MA‘ĀRIJ
AL-TAFAKKUR WA DAQĀ’IQ AL-TADABBUR DAN FAHM AL-QURĀN AL-
ḤAKĪM**

2.1 Pengenalan

Pada bab pertama, pengkaji telah menjelaskan perbincangan berkaitan definisi tafsir *tartīb al-Nuzūl*, sejarah perkembangan, faedah pentafsiran dan kritikan terhadap metodologi *tartīb al-Nuzūl*. Bab kedua merupakan perbincangan mengenai biodata tokoh yang menjadi kajian pengkaji iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī. Pengkaji membahagikan perbincangan di dalam bab ini kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama di khususkan kepada biodata Ḥabannakah, manakala bahagian kedua di fokuskan kepada biodata Muhammad ‘Ābid al-Jābirī.

‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī merupakan tokoh pemikir Islam moden yang telah banyak menyumbang kepada umat Islam menerusi khazanah penulisan ilmiah mereka berkaitan al-Quran dan Islam. Karya yang telah dihasilkan oleh Ḥabannakah seperti *al-Aqīdah al-Islāmiyyah*, *Qawā’id al-Tadabbur al-Amthal* dan banyak lagi, menjadi rujukan kepada penuntut ilmu di institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Manakala ‘Ābid al-Jābirī, terkenal dengan kiritikan terhadap pemikiran Arab menerusi karya beliau *Naqd al-‘Aql al-‘Arabiyy*.

2.2 Biodata ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Midānī

2.2.1 Nama dan Kelahiran

Ḥabannakah atau nama penuh beliau ‘Abd al-Raḥmān bin Ḥasan bin Marzuq bin ‘Arabiy bin Ghunaym Ḥabannakah al-Mīdānī⁹⁸. Ḥabannakah telah dilahirkan pada tahun 1345 H bersamaan 1927 M di *Ḥayy al-Mīdan* di bandar Dimashq dan beliau merupakan anak kepada tokoh ulama’ Syam iaitu al-‘Allāmah al-Mujāhid al-Murabbīy al-Shaykh Ḥasan Ḥabannakah al-Mīdānī. Membesar dalam lingkungan keluarga yang berilmu, pemikir, pejuang seperti bapa beliau, dan juga dalam kalangan keluarga yang mencintai ilmu.

Bapa ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah iaitu Ḥasan Ḥabannakah merupakan tokoh ulama’ yang membesar dengan al-Ḥaj Marzuq, merupakan sebuah keluarga badwi yang mencintai ilmu dan ulama’, menamatkan peringkat rendah di sekolah sempadan Syam lama. Kemudian, Ḥasan Ḥabannakah melazimi ulama’ bagi mendalami ilmu bahasa, fiqh, ilmu usul, aqidah, dan lain-lain ilmu. Ḥasan Ḥabannakah mempunyai ramai anak murid yang merupakan tokoh ulama’ hebat seperti anak beliau sendiri ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, Dr Muhammad Sa’īd Ramaḍān al-Buṭīy, Dr Mustāffa Khin. Ḥasan Ḥabannakah pernah ditawarkan oleh kerajaan untuk diangkat sebagai *Shaykh al-Islam* dan *Qādhi* ketika zaman kesatuan antara Mesir dan Syiria tetapi beliau menolak jawatan tersebut. Beliau juga turut memberi sumbangan dalam mengasas Ikatan Ulama di Dimashq dan menabur bakti sepanjang memegang jawatan Ketua Ikatan Ulama’ Dimashq setelah kematian Makkiy al-Kinānīy. Ḥasan Ḥabannakah meninggal pada tahun 1978.

⁹⁸ Lihat al-Jarah ‘Ā’idah Rāghib, *‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-‘Ālim al-Mufakkir al-Mufasssir Zawjiy Kama ‘Araftuhu*, (Dār al-Qalam, Dimashq Cet.1 2001) dan juga Majd Makkiy, *al-Ta’rīf bi Kitāb Ma’ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur li al-‘Allamah ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Mīdānīy*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006).

Manakala, ibu kepada ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah ialah Naḍmiyyah binti Ibrāhīm al-Sudan, beliau merupakan penduduk asal Maydan. Ibu ‘Abd al-Raḥmān merupakan antara individu penting dalam mendidik dan membentuk karakter sebagai seorang ilmuan yang rabbani. Beliau telah melahirkan dua belas orang anak, tujuh lelaki dan paling tua ialah ‘Abd al-Raḥmān dan lima orang anak perempuan.⁹⁹

2.2.2 Pendidikan

Ḥabannakah telah didedahkan dengan dunia keilmuan dan dakwah sejak kecil lagi kerana keluarga ‘Abd al-Raḥmān merupakan keluarga yang mengasihi ilmu dan bergiat aktif dalam dunia dakwah¹⁰⁰. Mula mempelajari ilmu agama dengan bapa beliau sendiri, Ḥasan Ḥabannakah. Setelah itu, beliau mendapat pendidikan di *Ma’ahad al-Tawjih al-Islāmiy* yang diasaskan oleh bapanya. Pendaftaran pengajian tersebut berkonsepkan tradisional lama. Ia dibuka secara percuma¹⁰¹ bagi para pelajar menghadiri kelas pengajian. Budaya mulia ini lazim bagi menggalakkan masyarakat mendekati dan menuntut ilmu. Suasana keilmuan amat hidup di kalangan masyarakat Syam kerana mereka mudah mendekati para ilmuan dan ulama’ tanpa sebarang halangan kewangan dan status.¹⁰²

Selain dari itu, pengajian yang ditawarkan di *Ma’ahad* lengkap, bersistematik, dan komprehensif. *Ma’ahad* juga mempunyai pelajar daripada pelbagai tahap dan bidang, bermula daripada peringkat asas sehingga ke peringkat pengajian tinggi serta pelajar daripada negara Turki dan negara-negara Islam yang lain. Silibus pengajian pula, bermula dari asas sehingga ke peringkat yang tinggi. Sebagai contoh subjek Nahu,

⁹⁹ ‘Ā’idah Raghīb al-Jarrah, *‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-‘Alim al-Mufakkir al-Mufasssir*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2001), 12.

¹⁰⁰ Ibid., 15.

¹⁰¹ *Ma’ahad al-Tawjih al-Islāmiy* mendapat bantuan kewangan daripada persatuan kebajikan yang dinamakan oleh Ḥasan Ḥabannakah sebagai *Jam’iyyah al-Tawjih al-Islāmiy*.

¹⁰² ‘Ā’idah Raghīb al-Jarrah, *‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-‘Alim al-Mufakkir al-Mufasssir*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2001), 15.

Nurul Zakirah Mat Sin dan Prof. Dato’ Dr. M. Y. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *Sumbangan ‘Abd al-Rahman Hasan Habannakah Dalam Bidang Tafsir: Sorotan Awal Terhadap Prinsip-prinsip Tadabbur Dalam Qawa’id al-Tadabbur al-Amthal Li Kitab Allah*, (2001), 7.

pengajian dari peringkat rendah dengan kitab *al-Ajrumiyyah* dan kemudian diteruskan kepada pengajian kitab-kitab syarah yang lebih luas. Seterusnya, karya Ibn Hisyam seperti *Qatr al-Nadā*, *Shuzur al-Dhahab* dan syarah, *Alfiyyah Ibn Malik*, *Awḍah al-Masālik*, *Sharh Ibn ‘Aqil*, *Sharh al-Asmuniy*, *Mughniy al-Labib* dan banyak lagi.

Antara kelebihan Ma‘ahad yang telah diasaskan oleh Ḥasan Ḥabannakah ialah pelajarannya perlu belajar dan juga mengajar. Pelajar dilatih untuk menyampaikan khutbah dan ceramah agama di masjid sekitar Dimashq dan menulis teks-teks khutbah. *Ma‘ahad al-Tawjih al-Islāmiy* menawarkan pakej lengkap untuk menghasilkan ulama’ Islam yang mendokong kebenaran dan pejuang yang gigih menyebarkan Islam. Sebahagian daripada nama-nama besar lulusan *Ma‘ahad al-Tawjih al-Islāmiy* ialah seperti Shaykh Ṣādiq Ḥabannakah, Shaykh Husayn Khitāb, Shaykh Kurayyim Rājih, Shaykh Mustāfa Sa’id Khin, Shaykh Muhammad Sa’id Ramaḍān al-Būṭiy, Shaykh Mustāfa al-Bughā.¹⁰³

Pada tahun 1947 M, Ḥabannakah berjaya menamatkan pengajian di *Ma‘ahad al-Tawjih al-Islāmiy*. Antara rakan sepengajian beliau, Shaykh Muhammad Kurayyim bin Sa’id Rājih¹⁰⁴ dan Shaykh Mustāfa al-Turkumānī, Shaykh Muhammad Suhayl al-Bariy. Setelah itu, Ḥabannakah meneruskan pengajian beliau di Kuliah Syariah di Universiti al-Azhar Mesir sehingga 1373 H/1954 M. Kemudian, ijazah sarjana dalam bidang Pendidikan dan Psikologi Manusia pada tahun 1374 H/ 1955 M.

2.2.3 Khidmat Dan Sumbangan

Ḥabannakah memulakan kerjaya beliau sebagai seorang pendidik sejak berumur 15 tahun lagi. Pada ketika itu, beliau mengajar beberapa subjek pelajaran yang beliau mahir di *Ma‘ahad al-Tawjih al-Islāmiy*. Ḥabannakah diberi kepercayaan oleh ayah beliau

¹⁰³ ‘Ā’idah Raghīb al-Jarrah, *‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-‘Ālim al-Mufakkir al-Mufasssir*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2001), 17.

¹⁰⁴ *Shaykh al-Qurrā’* di Dimashq, Syiria.

untuk mengajar ilmu fiqh, usuluddin, tauhid, mantiq, balaghah dan sebagainya. Ḥabannakah menjadi tenaga pengajar pada tahun 1947 hingga 1950.

Setelah memperolehi ijazah sarjana dari Universiti al-Azhar, Ḥabannakah pulang ke Syiria untuk mengajar di Sekolah Menengah di Damsyik¹⁰⁵. Pada masa yang sama, Ḥabannakah juga turut mengajar di *Ma'ahad al-Tawjih al-Islāmiy* dan menguruskan urusan pentadbiran sekolah tersebut, ini adalah kerana beliau dilantik sebagai pembantu kanan Ḥasan Ḥabannakah (bapa beliau).¹⁰⁶

Ḥabannakah seterusnya telah dilantik menjadi pegawai pendidikan Islam di bawah Kementerian Wakaf. Selain itu, beliau juga pernah menjadi Pengarah Pendidikan Islam di bawah Kementerian Wakaf. Sepanjang tempoh pentadbiran, beliau merupakan seorang pegawai yang cemerlang, melaksanakan tugas dengan baik, bahkan beliau berusaha untuk menabur bakti kepada agama Islam dan umat Islam. Ḥabannakah menganggap karier beliau sebagai lapangan dakwah beliau sepanjang perkhidmatan beliau. Antara pencapaian dan pembaharuan yang telah dilakukan oleh Ḥabannakah ialah beliau membuka dan mengembangkan lagi bilangan sekolah-sekolah agama di beberapa negeri di Syiria. Beliau juga turut mengasas dua buah sekolah menengah agama khusus untuk pelajar perempuan di Damsyik dan Halab.¹⁰⁷

Seterusnya, Ḥabannakah juga pernah dilantik menjadi anggota Lembaga Kajian Penyelidikan di Kementerian Pendidikan dan Pelajaran di Syiria. Jawatan tersebut dipegang oleh beliau sehinggalah berlaku konflik di Syiria pada tahun 1387 H/1967 M dan menyebabkan beliau terpaksa berpindah ke Arab Saudi. Ḥabannakah menjadi

¹⁰⁵ Ḥabannakah mengajar selama 6 tahun iaitu sepanjang tahun 1954 M hingga 1960 M

¹⁰⁶ Tāha Muhammad Faris, *Tafāṣīr al-Qurān al-Karīm Hasb Tartīb al-Nuzūl Dirāsah wa Taqwīm*, (Jordan, Dār al-Fatḥ li al-Dirāsah wa al-Nashr, 2011), 822.

‘Abd al-Rahman Ḥabannakah, *Tarjamah al-Shaykh Hasan Ḥabannakah*, 142-143.

¹⁰⁷ ‘Ā’idah Raghīb al-Jarraḥ, *‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-‘Ālim al-Mufakkir al-Mufassir*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2001), 18.

pensyarah di Universiti *al-Imām Muhammad bin Sa'ūd* di Riyadh Arab Saudi selama dua tahun.

Kemudian Ḥabannakah berpindah ke Mekah al-Mukarramah untuk menyandang jawatan pensyarah di kuliah Syariah di Universiti Umm al-Qurā dan beliau telah berkhidmat di sana selama 30 tahun. Beliau mengajar dalam pelbagai bidang termasuk bidang agama, dakwah, pemikiran, ilmu kemanusiaan dan sebagainya. Selanjutnya Ḥabannakah merupakan pensyarah di kuliah Dakwah dan Usuluddin sehinggalah beliau bersara pada umur beliau mencecah 70 tahun. Setelah bersara, Ḥabannakah memfokuskan waktu beliau untuk menulis kitab tafsir dan menerbitkannya, demikianlah terhasilnya karya *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*.

Tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa Ḥabannakah merupakan tokoh intelektual yang mempunyai pengetahuan yang luas, keilmuannya sangat terserlah, banyak mengkaji, mentelaah dalam pelbagai bidang sehingga beliau mampu untuk menguasai dan mengajar bidang tafsir, hadith, aqidah dan lain-lain. Pada masa yang sama turut aktif menulis buku, artikel, menyampaikan syarahan dakwah, dan menghadiri persidangan-persidangan ilmiah bagi memenuhi jemputan yang menghimpunkan para ulama' seluruh dunia.

Antaranya ialah :

- a. Majlis Perhubungan Islam Antarabangsa
- b. Mu'tamar Ta'alim Islam, Mu'tamar Ekonomi Islam
- c. Mu'tamar Dakwah khusus buat Pendakwah
- d. Muktamar Sastera Islam

Selanjutnya, kegiatan dakwah 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan penyampaian ilmu beliau tidak hanya di universiti dan di masjid-masjid, malahan beliau turut

menyampaikan ilmu beliau di siaran-siaran televisyen di Arab Saudi lebih dari 30 tahun, antaranya adalah seperti¹⁰⁸ :

- a. Program Rancangan Musuh-musuh Islam (selama tiga tahun)
- b. Program Rancangan Islam Merupakan Jalan (selama lima tahun)
- c. Program Rancangan Ku Beriman Kepada Allah
- d. Program Tadabbur al-Quran

2.2.4 Guru-guru, Murid, Keluarga

Guru-guru¹⁰⁹

Antara guru Ḥabannakah ialah :

1. Ḥasan Ḥabannakah
2. ‘Abd al-Karim al-Rifa’iy
3. Ṣadiq Ḥabannakah¹¹⁰
4. Ḥusayn Khiṭob¹¹¹
5. Khayr Yasin
6. Na’im Shāqir
7. Muhammad al-Khidr Ḥusayn¹¹²

Murid Ḥabannakah

Sepertimana yang telah dihuraikan bahawa Ḥabannakah telah belajar dan mengambil ilmu daripada ulama (antaranya ayah beliau sendiri), sehingga mempengaruhi kehidupan Ḥabannakah dari aspek keilmuan. Hasilnya beliau menjadi seorang tokoh ilmunan yang

¹⁰⁸ Ṭaha Muhammad Faris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Ḥasb al-Tartīb al-Nuzūl Dirāsah wa Taqwīm*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 823.

‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Tarjamah al-Shaykh Ḥasan Ḥabannakah*, 142-143.

¹⁰⁹ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *al-Wālid al-Dā’iyyah al-Murabbiy al-Shaykh Ḥasan Ḥabannakah*, 114.

¹¹⁰ Bapa saudara ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah.

¹¹¹ *Shaykh al-Qurra*’ di Syam.

¹¹² *Shaykh al-Azhar*, guru yang rapat dengan Ḥabannakah yang sentiasa menziarahi beliau di rumah beliau ketika di al-Azhar.

disegani dan disanjung dengan sanjungan yang menggambarkan ketinggian ilmunya. Tidak cukup sekadar itu, beliau juga telah melahirkan ramai ilmuan selepasnya yang belajar dengannya memandangkan beliau merupakan bekas pensyarah di universiti dan juga tenaga pengajar di sekolah yang telah diasaskan oleh ayahnya. Anak-anak murid inilah yang menjadi antara faktor terpenting yang memelihara warisan ilmu dan pengetahuan Ḥabannakah. Murid beliau yang terkenal berdamping dengannya seperti yang dinyatakan oleh Ā'idah Jarrah ialah Majd al-Makkiy, malah Majd al-Makkiy turut menulis sebuah tulisan ringkas berkenaan tafsir Ḥabannakah.

Keluarga¹¹³

Perkahwinan pertama Abd al-Raḥmān ialah dengan Mukarramah. Hasil perkahwinan tersebut beliau dianugerahkan dua orang anak lelaki yang bernama Hasan dan Wail. Kini, Ḥasan¹¹⁴ bekerja sebagai seorang doktor perubatan di sebuah klinik miliknya sendiri di Maydan, Damsyik. Manakala, Wail terlibat dengan kerja pengurusan travel Haji dan Umrah di Jeddah. Sebelum Abd al-Raḥmān berhijrah ke Mekah ditakdirkan oleh Allah isterinya yang dikasihi telah meninggal dunia kerana sakit. Kemudian, beliau berkahwin dengan 'Ā'idah al-Jarrah dan berhijrah ke Mekah. Hasil perkahwinan kedua, beliau telah dianugerahkan dua orang anak, seorang lelaki bernama Ahmad dan seorang perempuan bernama Safa. Kini dua anaknya itu menetap dan bekerja di Jeddah dan Mekah.¹¹⁵ Isteri beliau yang kedua merupakan wanita yang setia menyokong dan menjadi penguat semangat perjuangan suaminya sehingga ke akhir hayatnya. Demi suami yang tercinta beliau sempat mengabadikan kehidupan perjuangan Abd-al-Raḥmān Ḥabannakah di dalam sebuah buku penulisannya. Buku ini ditulis oleh ustazah Aidah atas permintaan murid 'Abd al-Raḥmān mengenai kehidupan guru mereka

¹¹³ Nurul Zakirah Mat Sin dan Prof. Dato' Dr. M. Y. Zulkifli Hj. Mohd Yusoff, *Sumbangan 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah Dalam Bidang Tafsir: Sorotan Awal Terhadap Prinsip-prinsip Tadabbur Dalam Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal Li Kitāb Allah*, (2001), 300.

¹¹⁴ Dr Ḥasan Ḥabannakah al-Maydanī, *ibid.*

¹¹⁵ *Ibid.*

sebagai suatu tanda penghormatan dan pengiktirafan. Ia juga merupakan penulisan biografi yang telah dibukukan dan jarang ditemui seorang isteri menulis mengenai suaminya sebagai tokoh biografi tersebut. Penulisan ini merupakan hadiah yang amat bernilai bagi suaminya dan masyarakat Syam umumnya yang amat menghargai jasa dan pengorbanan ‘Abd al-Raḥmān Ḥasan Ḥabannakah al-Maydānī sebagai tokoh ilmuwan moden. Isterinya terlebih dahulu menyahut panggilan ilahi ketika dua tahun sebelum beliau pulang ke Syria dan disemadikan di Makkah al-Mukarramah.

2.2.4 Bidang Kepakaran

Penting untuk disebutkan bahawa karya penulisan Ḥabannakah hampir mencecah 30 jilid atau dua puluh lima ribu halaman mukasurat. Sebahagian besar penulisan beliau berkaitan dengan pengajian al-Quran dan dakwah. Secara umumnya, beliau banyak menulis ilmu berkaitan dengan al-Quran, tafsir, dan serangan pemikiran terutamanya berkaitan serangan pemikiran oleh musuh-musuh Islam.

2.2.6 Aliran Aqidah dan Madhhab Fiqh

Aqidah

‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah kelihatan tidak terikat dengan sebuah aliran akidah tertentu, beliau menyatakan bahawa beliau bukanlah seorang *ash’ariy*, atau *mu’taziliy*, atau mana-mana aliran akidah. Akan tetapi beliau merupakan seorang tokoh yang berpegang kepada aqidah *Ahl al-Sunnah wa al-Jama’ah*.¹¹⁶ Menurut murid beliau Majd al-Makkiy, Ḥabannakah merupakan tokoh yang bermanhaj salafussoleh dalam bab *al-Asmā’ wa al-Sifāt*¹¹⁷.

¹¹⁶ Syarifuddin, *Konsep Tadabbur Perspektif ‘Abd al-Rahman Habannakah (Kajian Tematik Tafsir Ma’ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur)*, tesis sarjana (Indonesia, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya, 2015), 34.

¹¹⁷ Majd al-Makkiy, *al-Ta’rif bi Kitāb Ma’ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq Syiria, Dār al-Qalam, 2006), 31-34.

2.2.7 Karya Ilmiah¹¹⁸

‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah merupakan seorang penulis yang rajin, ini jelas apabila kita melihat peninggalan khazanah ilmu yang banyak beliau hasilkan dan beliau menulis dalam pelbagai cabang ilmu agama antaranya tafsir, ‘*ulūm al-Qurān*, fiqh, hadīth, bahasa Arab, balaghah, kesusasteraan Arab, aqidah, falsafah dan pemikiran, dan banyak lagi.

Al-Quran dan ‘Ulum al-Quran¹¹⁹

Antara kitab masyhur beliau dalam bidang al-Quran ialah kitab

- 1- *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthāl li al-Kitāb Allah Azzawajalla*
- 2- *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*
- 3- *Amthāl al-Qurān al-Karīm Wa Suwar Min Adabih al-Rafī'*
- 4- *Tadabbur Sūrah al-Furqān*
- 5- *Sūrah al-Ra'd : Dirāsah Adabiyah Wa Fikriyyah Wa Lughawiyyah*
- 6- *Nūḥ 'Alaih al-Salām Wa Qaumuh fi al-Qurān al-Majīd*
- 7- *Sifat 'Ibād al-Raḥmān fi al-Qurān*
- 8- *Ḍawābiḥ al-Ma'rifah wa Usūl al-Istidlāl wa al-Munāzharah*

Bahasa Arab dan Kesusasteraan

- 1- *Mabādi' fi al-Adab Wa al-Da'wah*
- 2- *Dīwān Aqbās fi Manhāj al-Da'wah wa Tawjīh al-Du'āt.*

¹¹⁸ Nadiyah Hasan Ali Sabran, *Manhaj 'Abd al-Rahman Habannakah al-Midāniy fi al-Tafsīr*, (Amman, disertasi sarjana Universiti Jordan 2006), 12.

¹¹⁹ Ibid., 13.

3- *Dīwān Tarnīmāt Islāmiyyah*

4- *Dīwān Āmantu Bi Allah*

5- *al-Balāghah al-‘Arabiyyah Asāsuhā Wa ‘Ulūmuha*

Pemikiran dan Musuh Islam

1- *Makāyid Yahūdiyyah ‘Abar al-Tārikh*¹²⁰

2- *Širā’ Ma‘a al-Mulāhidah Hatta al-‘Izām*

3- *Ajniyah al-Makar al-Thalāthah wa Khawāfihā : al-Tabshīr, al-Istishrāq, al-I’timār*

4- *al-Kayd al-Ahmar : Dirāsah Wā’iyah li al-Shuyū’iyyah*

5- *Ghazw fī al-Šamim Dirāsah Wā’iyah li al-Ghazw al-Fikriyy wa al-Nafsiyy wa al-Khalqiyy wa al-Sulūkiyy fī Majālat al-Ta’līm al-Manhājiyy wa al-Tathqif al-‘Ām*

6- *Kawāshif Zuyūf fī Madhāhib al-Fikriyyah al-Mu’āsirah*

7- *Zahirah al-Nifāq wa al-Munāfiqīn fī al-Tārikh*

8- *Ajwibah al-As ilāh al-Tashkīkiyyah al-Muwajjihah min Qibal Ihda al-Muasasāt al-Tabshīriyyah al-‘Āmilah Tahta Tanzīm al-Ābā’ al-Bayḍ*

9- *Al-Tahrīf al-Mu’āsir fī al-Dīn Tasallul fī al-Anfāq Ba’d al-Suqūṭ fī al-Amāq*

10- *Al-Ummah al-Rabbāniyyah al-Wāhidah*

Uṣūl al-Dīn

1. *Al-Aqīdah al-Islāmiyyah wa Asāsuhā*¹²¹

¹²⁰ Buku setebal satu jilid mengandungi 466 halaman, mula dicetak pada tahun 1974 M, membincangkan berkenaan serangan musuh ummat Islam, menjelaskan tentang sifat-sifat Yahudi dan penyelewengan Yahudi terhadap agama, buku ini telah diterbit berbilang kali dan telah diterjemahkan ke dalam bahasa Turki. Rujuk *Manhaj Ḥabannakah*, 13

2. *Al-Akhlāq al-Islāmiyyah Wa Asāsuhā*
3. *Al-Haḍārah al-Islāmiyyah Wa Wasāiluhā*
4. *Barāhīn Wa Adillah Imāniyyah*¹²²
5. *Al-Wajīzah fi al-‘Aqīdah al-Islāmiyyah*
6. *Al-Wajīzah fi al-Akhlāk al-Islāmiyyah*
7. *Maḥūmat Yajib Tashīhuhā Hawla al-Tawakkul*
8. *Tawhīd al-Rububiyyah Wa Tawhīd al-Ilāhiyyah*
9. *Ibtilā’ al-‘Irādah wa al-Islām wa al-Ibādah*
10. *La Yaṣīh An Yuqāla : Al-Insān Khalīfah ‘an Allāh fi Arḍihi Fahiya Maqūlah Bāḥilāh*

Hukum-hukum Fiqh

1. *Al-Ṣiyam Wa Ramaḍān fi al-Sunnah wa al-Qurān.*
2. *Taysīr Fiqh al-Zakāh Tabyīn wa Taqnīn Wa Tarjīh*

Dakwah dan Pendakwah

1. *Baṣāir li al-Muslim al-Mu’āsir*
2. *Al-Iltizam al-Diniy Manhaj Wasat*
3. *Fiqh al-Da’wah Ila Allah Wa Fiqh al-Nush wa al-Irshad wa al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘An al-Munkar*

Hadith Nabawiy

1. *Rawā’i’ Min Aqwāl al-Rasūl Ṣalallahu ‘Alaihi Wasallam Dirāsah Fikriyyah Wa Lughawiyyah Wa Adabiyyah*¹²³

¹²¹ Merupakan antara kitab terawal Ḥabannakah diterbitkan pada tahun 1966 M cetakan Dār al-Qalam dan kitab ini pada asalnya merupakan nota kepada pelajar sekolah agama di Dimasyq, mengandungi 700 halaman mukasurat yang merangkumi huraian terperinci mengenai rukun-rukun aqidah Islamiyyah dan juga disertai dengan *dalīl aqliy* dan *naqliy* daripada al-Quran dan sunnah Nabi SAW.

¹²² Kitab setebal satu jilid pernah diterbitkan pada tahun 1987 M, menjelaskan mengenai perspektif al-Quran dalam menetapkan aqidah, dan Habannakah turut memuatkan bantahan-bantahan terhadap golongan ateis (orang yang tidak mempercayai kewujudan tuhan), dan perbincangan mengenai mereka dengan dalil-dalil dan hujjah-hujjah. Selain itu, terdapat juga beberapa *tafsīr ilmiy* ayat-ayat al-Quran.

Ilmu-ilmu Akal

1. *Dawābiṭ al-Ma'rifah Wa Usūl al-Istidlāl Wa al-Munāẓarah*¹²⁴

Sejarah dan Sirah

1. *Al-Wālid al-Dā'iyyah al-Murabbiy : al-Sheikh Ḥasan Ḥabannakah al-Mīdāniy Qiṣah 'Ālim Mujāhid Hakīm Shujā'*

2.2.8 Peribadi dan Akhlak

Ḥabannakah merupakan tokoh ulama' yang alim *rabbaniy*, *wara'*, mempunyai *himmah* tinggi, minat menulis. 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah memiliki akhlak terpuji bertepatan dengan kedudukan beliau sebagai seorang yang berilmu. 'Ā'idah menyebutkan beberapa akhlak unggul Ḥabannakah dalam buku biografi Ḥabannakah¹²⁵, antaranya adalah beliau merupakan seorang yang suka melakukan perkara dengan mudah dan tidak terlalu keras, gemar berinteraksi dengan orang sekeliling dengan baik dan lemah lembut. Selain itu juga, Ḥabannakah berusaha menghindari dari mengungkapkan perkataan yang kasar dan melampau, beliau juga merupakan seorang yang suka meringankan beban orang dan tidak suka untuk terlibat dalam perkara yang tidak berfaedah. Sebagai seorang tokoh, Ḥabannakah menonjolkan contoh teladan yang baik dengan memaafkan orang diatas kekurangan mereka dan sering bertolak ansur walaupun dengan orang yang menyakiti beliau. Selanyaknya beliau diangkat sebagai tokoh dakwah kerana beliau merupakan seorang yang pandai mengurus masa, memiliki hikmah yang tinggi, tawaduk dan berakhlak dengan akhlak mulia.

¹²³ Mengandungi syarahan kepada dua puluh lima hadith *nabawiy* yang dipilih oleh Ḥabannakah dalam menggambarkan keindahan perkataan Nabi SAW. Ḥabannakah menggunakan laras bahasa yang ringan dan mudah difahami. Selain itu, cetakan pertama karya Ḥabannakah ini telah diterbitkan pada tahun 1971 dan hanya memuatkan sepuluh hadith sahaja, kemudian Ḥabannakah telah menambah pada cetakan berikutnya sehingga dua puluh lima hadith. Kitab ini juga telah dijadikan silibus pembelajaran di beberapa universiti di tanah Arab.

¹²⁴ Karya ini mengandungi 464 halaman mukasurat, dan cetakan pertama diterbitkan pada tahun 1988.

¹²⁵ 'Ā'idah Raghīb al-Jarrah, *'Abd al-Rahman Ḥabannakah al-'Ālim al-Mufakkir al-Mufassir*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2001), 34-40.

2.2.9 Kematian

Ḥabannakah telah menghembuskan nafasnya yang terakhir pada tahun 2004. Di penghujung umurnya, beliau kembali ke tanah air Syam dari Mekah. Apabila para ulama Syam, sebahagian mereka merupakan sahabat-sahabatnya mengetahui kepulangan beliau ke tanah syam, mereka amat gembira dan menyambut kepulangannya dengan penuh syukur dan meriah. Bapa saudaranya Ṣadiq Ḥabannakah yang membantu menguruskan permohonan beliau daripada kerajaan Syria untuk menerima kepulangannya ke Syria. Inilah hajatnya yang terakhir agar dapat kembali semula ke tanah air untuk bertemu dengan sanak saudara serta sahabat handai setelah sekian lama terpisah.

2.3 Karya Tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur*

Karya Tafsir Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur merupakan karya tafsir surah-surah al-Quran berdasarkan manhaj *tartīb al-Nuzūl*¹²⁶, beliau menyebutkan: aku melihat dengan *tadabbur al-Midāniy* pada surah-surah, dan apa yang disebutkan oleh ahli takhassus bidang ulum al-Quran mengenai *tartīb al-Nuzūl*, kebanyakannya adalah benar¹²⁷. Sebelum daripada itu, Ḥabannakah juga telah menghasilkan karya *usūl al-Tafsīr* ulung yang membincangkan kaedah-kaedah yang unggul untuk tadabbur dan mentafsir al-Quran, karya tersebut ialah *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal*.

Menurut Ḥabannakah, Allah SWT menurunkan al-Quran dengan tujuan agar manusia menghayatinya, merenung, mentadabbur, bukan sebaliknya meninggalkan al-Quran.¹²⁸ Oleh yang demikian, Ḥabannakah memilih pendekatan *tadabbur* dalam berinteraksi dengan al-Quran dengan perantaraan tafsir kerana tafsir adalah perantara

¹²⁶ Rujuk judul karya tafsir Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000).

¹²⁷ *Ibid.*, 1:6.

¹²⁸ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal*, 9.

untuk menuju tadabbur al-Quran kerana jika tafsir adalah mengungkap makna al-Quran, maka tadabbur mendalami dan menyelami maksud al-Quran dengan lebih mendalam.

2.3.1 Sebab Penulisan

Ḥabannakah telah menjelaskan beberapa sebab beliau memilih untuk menggunakan manhaj *tartīb al-Nuzūl*, dalam karya beliau *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal*. Ḥabannakah menyatakan¹²⁹ bahawa penting untuk ahli tafsir menekuni bab peringkat penurunan wahyu al-Quran dan membina kefahaman atas asas pensyariatian yang berperingkat-peringkat sehingga tidak tersalah dalam berpegang pada ayat yang terlebih dahulu turun dalam hukum-hukum syara'. Demikian, dapat disimpulkan bahawa Ḥabannakah memilih manhaj tersebut adalah bagi tujuan :

- a. Membina kefahaman terhadap peringkat-peringkat penurunan ayat hukum
- b. Tidak tersalah dalam memahami gambaran ayat yang terdahulu turun dalam tema al-Quran
- c. Mencegah daripada melakukan kesalahan mentafsirkan al-Quran
- d. Memahami peringkat-peringkat pendidikan, didikan dakwah Rasulullah SAW

2.3.2 Tempoh Penulisan

Menurut Majd al-Makkiy¹³⁰, guru beliau 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah telah mengambil masa selama 6 tahun untuk menyiapkan karya tafsir beliau. Jelas kelihatan kesungguhan Ḥabannakah menyiapkan karya tafsir beliau meskipun beliau merasakan bahawa beliau tidak akan sempat menyempurnakan tafsirnya. Ḥabannakah juga pernah ditanya berkenaan keterlewatan beliau dalam memulakan penulisan tafsir, maka beliau menjawab : aku tidak mampu menulis tafsir(tadabbur) menggunakan metodologi

¹²⁹ Abd al-Rahman Habannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:6.

Rujuk Majd al-Makkiy, *al-Ta'rīf bi Kitāb Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006), 26.

¹³⁰ Majd al-Makkiy, *al-Ta'rīf bi Kitāb Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006), 52-59.

ini(*tartīb al-Nuzūl*) jika aku telah mulakan penulisan tafsir sebelum(mencapai tahap kematangan ilmu)¹³¹. Namun demikian, Ḥabannakah tidak sempat menyempurnakan tafsirnya kerana ajalnya menjemput beliau terlebih dahulu. Semoga Allah SWT merahmati usaha mulia beliau ini.

2.3.3 Rujukan Tafsir

Karya Tafsir

1. *Jāmi' al-Bayān fi Ta'wīl Āyi al-Qurān* – Muhammad bin Jarīr al-Ṭabariy (wafat tahun 310 H) ¹³²
2. Tafsir Ibn Abi Hatim (wafat tahun 327 H), *Tafsīr al-Qurān al-'Azhīm*¹³³
3. *Al-Kashāf 'An Haqā'iq Ghawāmiḍ al-Tanzīl Wa 'Uyūn al-Aqāwil fi Wujūh al-Ta'wīl*- al-Imam al-Zamakhshāriy (wafat tahun 538 H)
4. *Ahkām al-Qurān*- Muhammad bin Abdullah bin al-'Arabiy al-Mālikiy (wafat tahun 543 H)
5. *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān*- Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubiy (wafat tahun 671 H)
6. *Mafātih al-Ghaib*- Muhammad bin Umar Fakhr al-Din al-Rāziy (wafat tahun 606 H)
7. *Al-Muharrar al-Wajīz fi Tafsīr al-Kitāb al-Aziz* : Ibn 'Atiyyah al-Gharnātiy (wafat tahun 518 H)
8. *Al-Bahr al-Muhiṭ* – Abu Abdullah Ahmad bin Yusuf Athīr al-Dīn bin Hayyān al-Andalusiy (wafat tahun 754 H)
9. *Tafsīr al-Qurān al-'Azhīm* Ibn Kathīr (wafat tahun 774 H)
10. *Fayḍ al-Qadīr al-Jāmi' baina Fannay al-Riwāyah wa al-Dirāyah fi al-Tafsīr al-Imām al-Shawkāniy* (wafat tahun 1250 H)

¹³¹ Ibid., 22.

¹³² 'Abd al-Rahmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000) 1:89, 97, 98, 224, 225, 279.

¹³³ Ibid., 1:89-668, 4:513

11. *Al-Tahrīr wa al-Tanwīr* Muhammad al-Ṭāhir bin ‘Ashūr (wafat tahun 1393 H)
12. *Nūh ‘Alayh al-Salām Wa Qawmuh fi al-Qurān al-Majīd*
13. *Kitāb Tadabbur Sūrah al-Furqān*

Hadīth al-Nabawiy

1. *Muwaṭṭa’* Imam Mālik bin Anas
2. *Muṣannaḡ* Ibn Abī Shaybah
3. *Musnad Imām Ahmad*
4. *Sunan al-Dārimī*
5. *Ṣahīh al-Bukhāriy*
6. *Ṣahīh Muslim*
7. *Sunan Abī Daūd*
8. *Sunan Ibn Majah*
9. *Sunan al-Tirmidhī*
10. *Sunan al-Nasāie*
11. *Musnad Abī Ya’la*
12. *Ṣahih Ibn Khuzaimah*
13. *Ṣahih Ibn Hibbān*
14. *Mu’jam al-Tabrāniy*
15. *Amal al-Yaym wa al-Laylah Ibn Sunniy*
16. *Mustadrak al- Ḥākim*
17. *Ibn Mardaweh*
18. *Shu’ab al-Īmān al-Bayhaqiy*
19. *Sharh al-Sunnah*
20. *Mishkah al-Maṣabīḡ*
21. *Nihayah Gharīb al-Hadīth Ibn al-Athīr*
22. *Majma’ al-Zawā’id*

23. *Fatḥ al-Bārī*
24. *Talkhīs al-Ḥabīr*
25. *Al-Jāmi' al-Saghīr al-Suyūtiy*
26. *Al-Jāmi' bayna al-Sahīḥayn*
27. *Ṣaḥīḥ al-Jāmi' al-Saghīr*
28. *Rawā'ī min Aqwāl al-Rasūl*

Bahasa Arab

1. *Tahdhīb al-Lughah Abu Manṣūr al-Azhariy*
2. *Al-Sihhah Taj al-Lughah*
3. *Al-Mukhassis*
4. *Lisān al-'Arab*
5. *Mughniy al-Labīb*
6. *Al-Qāmus al-Muḥīṭ*
7. *Al-Mu'jam al-Wasīṭ*

Aqidah

1. *Al-Milal wa al-Niḥal* Ibn Hazm
2. *Al-Tazkirah fi Ahwāl al-Mawtā wa Umur al-Akhīrah* al-Qurtubiy
3. *Sharḥ al-Maqāsid* al-Taftazaniy
4. *Izhār al-Ḥaq li Rahmat Allāh* al-Hind
5. *Al-Tawrah wa al-Injīl*
6. *Qāmus al-Kitāb al-Muqaddas*

Sirah al-Nabawiyyah

1. *Al-Aṣnam* Ibn Saib al-Kalbiy
2. *Sīrah Ibn Hisham*
3. *Tabaqāt Ibn Sa'ad*
4. *Ḥilyah al-Awliyā' wa Tabaqāt al-Asfīyā'* Abu Nu'aim al-Asfahaniy

5. *Aṭlas Tārīkh al-Islām*
6. *Muhammad Rasūlullah Manḥaj wa Risālah*

Pemikiran Islam

1. *Al-Islām wa al-Nazr fi Ayāt Allah al-Kawniyyah*
2. *Al-Mawsū'ah al-'Arabiyyah al-'Alamiyyah*
3. *Al-Ummah al-Rabbāniyyah*

2.3.4 Mukaddimah Kitab

Menjadi kebiasaan penulis akan menulis pendahuluan kitab mereka, setelah mereka telah menyempurnakan tulisan mereka. Ini adalah bagi menyebutkan apa yang mereka perolehi hasil tulisan tersebut. Keadaan ini berbeza dengan Ḥabannakah, beliau menurut murid beliau, Majd al-Makkiy¹³⁴ seakan seorang jurutera yang pakar, dan pekerja bangunan yang gagah. Ḥabannakah telah merangka dan mencoret manhaj beliau dan menulis mukaddimah tafsir sebelum memulakan langkah tadabbur al-Quran dan beliau hasilkan mukaddimah pada karya yang indah *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allah 'Azawajalla*. Karya ini merupakan karya istimewa dalam bidang tadabbur al-Quran, himpunan apa yang dikeluarkan oleh Ḥabannakah daripada kaedah untuk tadabbur al-Quran. Pada cetakan pertama tahun 1400 H, terdapat dua puluh tujuh kaedah tadabbur kemudian Ḥabannakah menambah sehingga mencukupi empat puluh kaedah dalam cetakan kedua kitab beliau iaitu pada tahun 1409 H serta beliau menambah beberapa contoh bagi setiap kaedah yan beliau kemukakan.

Kitab *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allah Ta'ala* merupakan kitab yang mengandungi sebanyak 800 mukasurat, dan tulisan ini merupakan gambaran tentang kaedah-kaedah dan asas-asas dan usul-usul yang diperlukan bagi mentafsirkan dan mentadabbur al-Quran. Karya Ḥabannakah ini, pada asalnya diterbitkan pada tahun

¹³⁴ Majd Makkiy, *al-Ta'rīj bi Kitāb Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006), 11.

1998 M, dan ianya mengandungi 175 mukasurat serta merangkumi 27 kaedah. Kemudian, setelah beberapa tahun, Ḥabannakah telah menambah kaedah yang telah tuliskan sehingga menjadikannya 40 kaedah tadabbur al-Quran serta huraian yang lebih panjang. Ḥabannakah menyatakan bahawa kaedah-kaedah tersebut merupakan hasil yang beliau berjaya keluarkan sepanjang penelitian dan tadabbur beliau terhadap al-Quran dan kitab-kitab tafsir.¹³⁵ Walau bagaimanapun, terdapat sebahagian daripada kaedah beliau telah disebutkan oleh ilmuan tafsir sebelumnya.

Antara kelebihan karya *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal* tulisan Ḥabannakah berbanding dengan kitab *usūl al-Tafsīr* lain adalah pada sudut aplikasi bagi setiap kaedah, di mana Ḥabannakah memberi beberapa contoh daripada ayat al-Quran dan menerangkan dengan terperinci konsep kaedah tadabbur beliau. Ini merupakan sebahagian usaha beliau bagi membantu memudahkan masyarakat dalam memahami al-Quran.

Seterusnya, untuk mendapat gambaran lebih jelas mengenai kaedah-kaedah tadabbur Ḥabannakah, penulis Nurul Zakirah Mat Zin¹³⁶ melalui artikel beliau yang bertajuk *Sumbangan 'Abd al-Rahman Hasan Habannakah Dalam Bidang Tafsir: Sorotan Awal Terhadap Prinsip-prinsip Tadabbur Dalam Qawā'id Al-Tadabbur Al-Amthal li Kitāb Allāh* telah mengkategorikan 40 kaedah di bawah rumpunan topik perbahasan yang lebih kecil iaitu :

1. Perbahasan *munāsabah* dan tema surah
2. Perbahasan *tartīb nuzūl al-Qurān* dan ilmu *asbāb nuzūl al-Qurān*
3. Perbahasan ilmu *ma'ānī al-Quran* (balaghah) dan ilmu *bayānī*

¹³⁵ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal li Kitāb Allāh Azzawajalla*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 12.

¹³⁶ Pelajar di Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

4. Perbahasan *uslūb al-Qurānī*

5. Perbahasan ilmu *qirāāt*

2.3.5 Cetakan Kitab

Kitab *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur* mula diterbitkan oleh *Dār al-Qalam Dimashq* Syiria, pada tahun 2000 dan diterbitkan sebanyak enam jilid yang merangkumi empat puluh dua surah dari kelompok surah *al-Makkiy*¹³⁷. Selepas itu, pada tahun 2002, kitab tafsir Ḥabannakah diterbitkan sebanyak tiga jilid¹³⁸ iaitu jilid ketujuh, kelapan dan kesembilan. Habannakah telah selesai menulis tafsir jilid ketujuh pada awal bulan Jamadil Awwal 1421 H/2001 M dan ketika itu beliau mula diserang penyakit¹³⁹. Selanjutnya, tiga jilid seterusnya telah diterbitkan pada tahun 1425 H/2004 M.

Tiga jilid terakhir diterbitkan pada tahun 2006, merangkumi tafsir surah *al-Dukhān, al-Jāthiyah, al-Ahqāf, al-Dhāriyat, al-Ghāshiyah, al-Kahf, al-Nahl, Nūh, Ibrāhīm, Anbiyā', al-Mukminūn, al-Sajadah, al-Mulk, al-Hāqqah, al-Ma'ārij, al-Naba', al-Nāzi'at, al-Infitār, al-Inshiqāq, al-Rūm, al-Ankabūt, al-Muṭaffifīn*.

2.4 Biodata Muhammad 'Ābid al-Jābirī (1935-2010 M)

2.4.1 Nama dan Kelahiran

Nama penuh beliau ialah Muhammad 'Ābid al-Jābirī, dan beliau terkenal sebagai seorang intelektual Muslim kontemporari. Muhammad 'Ābid Al-Jābirī dilahirkan pada tahun 1936M di Figuiq atau Fekik, sebuah kota yang terletak bahagian tenggara Maghribi, sempadan antara negara Maghribi dan al-Jazair. Beliau membesar dalam sebuah keluarga pendokong parti *Istiqlāl* (parti yang memimpin perjuangan

¹³⁷ Tiga jilid awal (1-3) mengandungi 27 surah dan bermula dengan surah *al-'Alaq* serta berakhir dengan surah *Ṣād*. Tiga jilid seterusnya (4-6) diterbitkan pada tahun yang sama mengandungi surah *al-A'rāf* dan surah *al-Jin*.

¹³⁸ Jilid 7-9 mengandungi tadabbur surah *fāṭir, maryam, ṭahā, al-Wāqī'ah, al-Shu'arā', al-Naml, al-Qaṣas, al-Isra'*.

¹³⁹ Majd al-Makkiy, *al-Ta'rif bi Kitāb Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006), 52-53.

kemerdekaan dan persatuan Maghribi, ketika di bawah penjajahan Perancis dan Sepanyol). Malah, ‘Ābid al-Jābirī merupakan keturunan seorang ulama’ besar Maghribi iaitu Sayyid ‘Abd al-Jabbār al-Fujjī. Gelaran al-Jabiri disematkan pada nama beliau ialah nisbah nama keluarga besar ayah beliau.¹⁴⁰

2.4.2 Pendidikan

Muhammad ‘Ābid al-Jābirī ketika berusia tujuh tahun dihantar ke sekolah agama yang dikenali dengan *al-Masīd*. Di sana, al-Jabiri mula belajar membaca, menulis dan menghafal al-Quran. Seterusnya, ‘Ābid al-Jābirī berpindah ke sekolah swasta nasionalis (*madrasah hurrah waṭaniyyah*) yang didirikan oleh gerakan kemerdekaan. Seterusnya pada tahun 1951-1953, al-Jābirī menghabiskan selama dua tahun di sekolah lanjutan negeri (sekolah menengah) *Madrasah ‘Abd al-Karim al-Halwi* di Casablanca. Setelah negara Maghribi memperoleh kemerdekaan, ‘Ābid al-Jābirī mendapat sijil diploma dari sekolah tinggi Arab dalam bidang ilmu pengetahuan umum (sains) pada tahun 1956.

Mehdi bin Barka adalah tokoh yang telah membimbing ‘Ābid al-Jābirī pada usia muda. Mehdi menyarankan ‘Ābid al-Jābirī bekerja bagi jurnal *al-A’lam* yang pada saat itu menjadi penerbitan rasmi bagi parti *Istiqlāl* (parti yang memperjuangkan kemerdekaan).

Selanjutnya, pada tahun 1958, ‘Ābid al-Jābirī mula untuk mendalami ilmu yang diminati beliau iaitu ilmu falsafah di Universiti Damsyik Syiria. Namun yang demikian, ‘Ābid al-Jābirī hanya setahun sahaja di Universiti Damsyik Syiria, hal ini kerana menurut al-Jābirī, sistem pembelajaran di Universiti Damsyik lebih menekankan proses

¹⁴⁰ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Hufriyyat fi al-Zakirah Min Ba’id*, (Beirut, Lubnan, Markāz Dirāsāt al-Wihdah al-‘Arabiyyah, 1997), 27.

hafalan berbanding pembelajaran secara kritis. Justeru, al-Jābirī berpindah ke Universiti Rabat yang baru sahaja didirikan pada ketika itu.¹⁴¹

Selain itu, ‘Ābid al-Jābirī juga turut giat dalam aktiviti politik malah beliau telah dipenjarakan pada bulan Julai 1963. Selanjutnya, ‘Ābid al-Jābirī juga pernah dipenjarakan sebagaimana kebanyakan anggota parti *Union Nationale des Forces Populaires* (UNFP) dan lain-lainnya. Beliau disabitkan dengan tuduhan melakukan konspirasi menentang pemerintah negara. Pada perkembangan selanjutnya, parti tersebut berubah nama menjadi *Union Socialiste des Forces Populaires* (USFP)

Pada tahun 1964, ‘Ābid al-Jābirī mula mengajar falsafah di peringkat sarjana muda dan aktif dalam bidang evaluasi serta perencanaan pendidikan. Pada tahun 1966, ‘Ābid al-Jābirī telah berjaya menghasilkan dua buah karya tulisan bersama Mustāfa al-‘Umari al-Sattati, dan tulisan tersebut merupakan teks utama bagi silibus tahun terakhir pelajar di peringkat sarjana muda. Sebuah buku tentang pemikiran Islam dan satu lagi tentang falsafah. Buku falsafah memberi impak besar bagi para mahasiswa selama akhir dekad 1960-an dan awal 1970-an. Buku ini menekankan hubungan antara kebudayaan dan masyarakat serta peranan penting yang dimainkan oleh pendidikan dan ilmu pengetahuan dalam konteks masyarakat sedang menuju perubahan. Sepanjang penglibatan ‘Ābid al-Jābirī dalam dunia pendidikan, ianya telah memberi kesan mendalam kepada beliau sendiri dan merupakan fasa penting dalam pembentukan intelektual al-Jābirī. Sepanjang beberapa tahun, ‘Ābid al-Jābirī berjaya menerbitkan beberapa artikel yang terkait dengan isu dan masalah pendidikan terutamanya artikel yang dapat dijumpai di Maghribi.¹⁴²

¹⁴¹ Ibid., 165.

¹⁴² Walid Harmaneh, kata pengantar dalam *Kritik Kontemporer Atas Filsafat Arab Islam*, terj Walid Harmaneh, (Islamika, Yogyakarta, 2003), XVII-XIX.

Pada tahun 1967, ‘Ābid al-Jābirī telah menyelesaikan pembelajaran di Fakulti Sastera Universiti Muhammad al-Khamis Rabat, Maghribi dengan tesis yang berjudul *Falsafah al-Tārīkh ‘Inda Ibn Khaldūn* di bawah seliaan M.Azi Lahbabi. Selanjutnya, ‘Ābid al-Jābirī terus melanjutkan pengajian beliau ke peringkat Ph.D di universiti yang sama dan selesai pada tahun 1970 dengan tesis yang berjudul *al-Umrān al-Khaldūnī: Ma‘ālim Nazariyyah Khaldūniyyah fi Tārīkh al-Islāmī* di bawah bimbingan dan seliaan Najīb Baladi. Melihat kepada dua skop kajian akademik al-Jābirī, jelas terlihat pemikiran Ibn Khaldūn banyak mempengaruhi pemikiran intelektual al-Jābirī.

Ibrāhim Muhammad Abū Rabī menjelaskan bahawa ‘Ābid al-Jābirī muncul sebagai salah seorang pemikir paling terkenal dalam dunia Arab semasa¹⁴³. Karya al-Jābirī pada ketika itu boleh dikatakan mempunyai sudut berbeza dengan pemikir yang lain. Formasi keilmuan beliau telah dibentuk di Syiria dan Maghribi. Penolakan ‘Ābid al-Jābirī untuk menulis dengan menggunakan bahasa Perancis telah menjadikan beliau pemikir yang terkenal dalam generasi baru para ilmuan dan pelajar Arab dan merupakan faktor utama karya-karya beliau tersebar luas. ‘Ābid al-Jābirī telah menulis pelbagai bidang bermula dari hal-hal yang berhubungkait dengan akademik hinggalah politik.

‘Ābid al-Jābirī membahaskan sesuatu isu mengikut beberapa tema, sebagai contoh: Pertama, masalah ilmu pengetahuan dalam Islam dan mengungkap makna daripada ‘Pemikiran Arab’. Kedua, perkembangan sejarah masyarakat Muslim dan peranan ilmuan Islam. Ketiga, dunia Arab dan Barat. Keempat, pemikiran Arab semasa dan idea-idea universal. Kelima, implementasi Syariah dan keberlangsungan masa depan masyarakat Arab. Oleh itu, matlamat daripada bahagian-bahagian ini adalah

¹⁴³ Ibrahim M. Abū Rabī, *Contemporary Arab Thought: Studies In Post-1967 Arab Intellectual History*, (London, Pluto Press, 2004), 258.

perbincangan secara kritis terhadap tema-tema tersebut dan menghubungkannya dengan perbincangan pemikiran Arab semasa.¹⁴⁴

Pemikiran ‘Ābid al-Jābirī muncul menjadi perhatian utama dalam dunia Arab moden. Definisi al-Jābirī mengenai Rasionalisme sebagai sebuah kebiasaan yang diformat untuk membangun ulang kritik, mendorong beliau untuk menguji kalangan pemikir rasional masa ini dan Muslim masa lalu yang bermatlamat untuk membangun kembali dasar rasional moden dan kebudayaan Arab semasa. Menurut ‘Ābid al-Jābirī, kebijakan ilmuan masa lalu telah meninggalkan pelbagai masalah, warisannya telah menjerat dunia Arab moden dalam keagamaan, bentuk tahyul dan anti-rasionalisme. Warisan masa lalu cuba direkonstruksi oleh ‘Ābid al-Jābirī supaya dapat memberi pencerahan dan cara rasional sehingga selaras dengan dunia Arab semasa dan membawa hasil yang sesuai dengan realiti Arab.

2.4.3 Khidmat dan Sumbangan

‘Ābid al-Jābirī telah menyumbang idea dengan menulis kritikan terhadap kaum orientalis. Beliau menitikberatkan kritikan beliau pada aspek metodologi dan kerangka berfikir kaum orientalis, dan buka pada perincian perbincangan dan konklusi mereka. Sebagai contoh, ‘Ābid al-Jābirī menyebutkan sejumlah tokoh orientalis seperti: S.Munk, De Boer, S.Pines, L.Massignon dan H.Corbin, lebih dipengaruhi oleh semangat egosentrik Barat. Selain itu, ‘Ābid al-Jābirī bukan hanya mengkritik orientalis yang dikenal mewarisi mental kolonialisme, tetapi mengkritik orientalis yang memuji tokoh Islam seperti al-Ḥallāj dan Suhrawadi

Seterusnya, ‘Ābid al-Jābirī juga banyak mengkritik terhadap fahaman-fahaman yang muncul daripada Barat khasnya yang berhubungkait dengan liberalisme. Namun yang demikian, kritikan al-Jabiri terhadap Liberalisme tidak bererti bahawa beliau

¹⁴⁴ Ibid.

menolak secara total semua gagasan yang muncul dari luar. Menurut ‘Ābid al-Jābirī, menerima nilai-nilai Barat harus dimulakan dengan kemampuan umat Islam dalam menghidupkan kembali tradisi *turāth* Islam dengan pemikiran rasional dan kritik.

Antara lain, ‘Ābid al-Jābirī juga berusaha meluruskan erti sebuah kebangkitan yang telah difahami oleh aliran-aliran Islam yang ada, seperti Liberalisme dan Salafisme, yang menurut beliau tidak mampu memberi apa-apa, bahkan menghambat laju kebangkitan aliran tersebut dalam menghadapi sebuah kebangkitan. Menurut al-Jābirī, perspektif Liberalisme sangat bertentangan dengan kondisi umat Islam.

2.4.4 Guru-guru

Guru

1. Mehdi bin Barka
2. M.Azi Lahbabi
3. Najib Baladi

2.4.5 Bidang Kepakaran

‘Ābid al-Jābirī telah melakukan penyelidikan untuk membawa *turāth* menuju kepada perbincangan ilmuan Arab semasa. ‘Ābid al-Jābirī memfokuskan usahanya untuk membangun semula dan kritik terhadap pemikiran Arab (*al-Aql al-‘Arabiyy*). Dasar pemikiran ‘Ābid al-Jābirī adalah berkenaan dengan keagamaan, linguistik, falsafah dan komponen politik dan dasar epistemologi Arab serta mengenai pemikiran Islam. Oleh yang demikian, jelas kepakaran al-Jābirī lebih kepada bidang falsafah, pemikiran, sejarah, al-Quran dan *‘ulūm al-Quran*.

Selain itu, kajian M. Firdaus telah menyebutkan bahawa peringkat perkembangan ilmu al-Jābirī telah berlaku sebanyak tiga peringkat. Pertama, fasa pembentukan intelektual di mana pada saat itu al-Jābirī masih di bangku sarjana hingga

permulaan program Pascasarjana dan masih aktif percaturan politik nasional di negaranya. Kedua, fasa pembacaan tradisi (turāth), di mana al-Jābirī mulai bersentuhan dengan teori-teori serta metodologi di dalam wilayah khazanah Islam serta pelbagai bidang keilmuan seperti Falsafah dan Sejarah. Dan ketiga adalah fasa perhatian terhadap perbincangan al-Qur'an.¹⁴⁵

2.4.6 Karya Ilmiah

Muhammad 'Ābid al-Jābirī terkenal sebagai seorang penulis yang produktif, dan beliau mula menulis karya ilmiah secara serius setelah beliau memperoleh ijazah falsafah kedoktoran (Ph.D) dalam bidang falsafah. Seterusnya, al-Jābirī telah menghabiskan sebahagian besar hayat beliau untuk menghasilkan pelbagai karya pemikiran dalam bidang falsafah, sejarah, ilmu al-Quran¹⁴⁶. Karya 'Ābid al-Jābirī bukan hanya dikenali dalam kalangan ilmuwan Arab bahkan di seluruh pelosok dunia. Antara karya beliau yang hebat ialah:

Buku

1. *Al-Fikr al-Islāmiy li Ṭullāb al-Bakalūriyyah* dan *Durūs fi Falsafah li Ṭullāb al-Bakalūriyyah* (1966), dua karya berikut merupakan penulisan bersama oleh al-Jābirī, dan Mustafa al-'Umariy Ahmad al-Sattati. Karya ini telah diterbitkan untuk cetakan pertama pada tahun 1966 di Casablanca oleh Dār al-Nashr al-Maghribiyyah dan telah diulang cetak beberapa kali.
2. *Fikr Ibn Khaldun, al-Aṣabiyyah wa al-Dawlah* (1971) karya ini merupakan disertasi ijazah falsafah kedoktoran (Ph.D) al-Jābirī dari Universiti Muhammad al-Khamis di Rabat. Tajuk asal disertasi beliau ialah *al-Umran al-Khaldūni*:

¹⁴⁵ Mulyazir Anwar, *Tartib al-Nuzul dan Implikasinya Terhadap Penafsiran Al-Quran (Perspektif Muhammad 'Abid al-Jabiriy)*, (Yogyakarta: UIN Sunan Kalijaga, 2014), 40.

M.Firdaus, "Kritik Nalar Arab: Studi Kritis Metodologi 'Ābid al-Jābirī", (tesis UIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta, 2006).

¹⁴⁶ Al-Jābiriy telah menghabiskan selama 39 tahun untuk menyumbang karya-karya ilmiah. Rujuk Mulyazir Anwar, *Tartib al-Nuzul dan Implikasinya Terhadap Penafsiran Al-Quran (Perspektif Muhammad 'Abid al-Jabiriy)*, (UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta, Indonesia, 2014), 40.

Ma'ālim Nazariyyah Khaldūniyyah fī al-Tārikh al-Islāmiy, dan karya ini telah diterbitkan oleh syarikat penerbitan *Dār al-Thaqāfah*.

3. *Aḍwa' alā Mushkil al-Ta'līm* (1973) merupakan tulisan 'Ābid al-Jābirī yang membahaskan persoalan-persoalan pendidikan dan tradisi pengajaran di Maghribi.
4. *Madkhal ilā Falsafah al-'Ulūm* (1976) karya yang terdiri daripada dua jilid tentang epistemologi ilmu pengetahuan seperti dikenal dalam pemikiran Barat. Dalam buku ini, selain menterjemahkan beberapa tulisan pilihan dari sejumlah pemikir epistemologi moden, seperti Bacon, Bachelard, dan Foucault ke dalam bahasa Arab, 'Ābid al-Jābirī juga melakukan analisa sejarah kemunculan pelbagai aliran epistemologi Barat moden.
5. *Min Ajl Ru'yah Taqaddumiyyah li Ba'd Mushkilatina al-Fikriyyah wa al-Tarbawiyyah* (1977) merupakan persoalan-persoalan pemikiran khas berhubung dengan negeri al-Jābirī sendiri. Selain itu, dimuatkan juga pandangan 'Ābid al-Jābirī dalam menjawab persoalan-persoalan pemikiran dan pendidikan.
6. *Nahnu wa al-Turāth: Qirā'ah Mu'āsirah fī Turāthina al-Falsafi* (1980) telah diterbitkan pertama kali pada tahun 1980, karya ini telah menjadi kontroversi dalam kalangan ilmuan Arab ketika itu. 'Ābid al-Jābirī telah mengulas tentang peradaban dan masalah kontemporari yang melanda umat Islam. Selain daripada itu, al-Jābirī turut menyebutkan faktor-faktor yang menjadikan peradaban Islam mengalami masalah kemunduran dan beliau menyatakan bahawa tokoh falsafah Islam seperti Ibn Sina merupakan noktah awal kemunduran tamadun Islam kerana beliau menganggap Ibn Sina tidak rasional dan hanya sihir dan astrologi.
7. *Al-Khiṭab al-'Arabī al-Mu'āsir: Dirāsah Tahlīliyyah Naqdiyyah* (1982) telah diterbitkan oleh syarikat penerbitan *Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiyy*.

8. *Naqd al-'Aql al-'Arabiy* merupakan karya utama al-Jabiri dalam memberikan pandangan kritis terhadap ortodoksi yang berlaku. Beliau menulis tentang gagasan-gagasan penulis tertentu untuk dihubungkan dengan agama lalu terhasil beberapa karya iaitu :

- a. *Takwīn al-Aql al-'Arabiy* (1984)
- b. *Bunyah al-Aql al-'Arabiy* (1985)
- c. *Al-'Aql al-Siyāsī al-'Arabiy* (1986)
- d. *Al-Aql Akhlāqī al-'Arabiy* (2001)

Al-Quran

1. *Madkhal ilā al-Qurān*
2. *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*

Artikel /Jurnal

1. *Dirāsah Tahliliyyah Naqdiyyah li Nuḏūm al-Qiyām fi al-Thaqāfah al-'Arabiyyah*
2. *Ishkāliyyah al-Fikr al-'Arabiy al-Mu'asir* (1989)
3. *Hiwar al-Mashriq wa al-Maghrib* (1990) merupakan himpunan dialog antara al-Jabiri dan Hasan Hanafi dan diterbitkan oleh *al-Muassasah al-'Arabiyyah al-Dirāsah wa al-Nashr* dalam *Majalah al-Yaum al-Sābi'*
4. *Al-Turāth wa al-Hadāthah*
5. *Qadāyā al-Fikr al-Mu'asir al-Awlamah*
6. *Mas alah al-Ḥurwwiyah*
7. *Al-Muthaqqafūn fi al-Hadārah al-'Atabiyyah Mihnab Ibn Hanbal wa Nuskhah Ibn Rushd*
8. *Al-Tasāmuḥ, al-Dimaqratiyyah*
9. *Al-Darūriy fi al-Siyāsah: Mukhtasar Kitāb al-Siyāsah li Aflatun*

Selain itu juga, karya al-Jābirī telah diterbitkan dalam bahasa lain seperti bahasa Perancis dan bahasa Inggeris, antaranya:

1. Arabic-Islamic Philosophy: A Contemporary Critique. Centre for Middle Eastern Studies. January 1999
2. Critique de la Raison Arabe- 3 Volumes, Beyrouth, 1982.
3. Nous et Notre Passe (Al-Marqaz al-Thaqafi al-Arabiy) Lecture contemporaine de notre patrimoine philosophique, 1980
4. La Pensee de Ibn Khaldoun : la Assabiya et l'Etat
5. Pour une Vision Progressiste de nos Difficultés Intellectuelles et Éducatives. Paris: Édima, 1977
6. Democracy Human Rights and Law in Islamic Thought. I. B. Tauris, 2008 (ISBN 1845117492).
7. The Formation of Arabic Reason: Text, Tradition and the Construction of Modernity in the Arab World. I. B. Tauris, 2010 (ISBN 1848850611).

Anugerah¹⁴⁷

Menerima anugerah penghargaan *Ibn Rushd for Freedom of Thought* pada tahun 2008 dan beliau menerima hadiah sebanyak 2500 Europe Dollar. Penghargaan tersebut diberikan kepada ilmuan yang memberi perhatian kepada masalah demokrasi dan kebebasan berbicara di dunia Arab. Penghargaan ini bermula sejak tahun 1999 oleh NGO yang dianggotai oleh bangsa Arab di Jerman. Terdapat beberapa tokoh terkenal yang pernah menerima penghargaan tersebut seperti Mohammed Arkoun, Nasr Abu Zayd, Rashid al-Gannushi dan lain-lain.

¹⁴⁷Lihat laman sesawang Ibn Rushd Fund for Freedom of Thought, dicapai pada 12 November 2019, <https://www.ibn-rushd.org/typo3/cms/ar/awards/>

Kematian

‘Ābid al-Jābirī telah meninggal dunia ketika berusia 75 tahun di Casablanca iaitu pada hari Isnin bersamaan 3 Mei 2010. Karya dan pemikiran beliau telah diberi apresiasi yang telah memberikan sebuah nuansa baru hingga pencerahan bagi bangsa Arab khususnya.

2.5 Karya Fahm al-Qurān al-Hakīm: al-Tafsīr al-Wāḍih Hasb Tartīb al-Nuzūl

Fahm al-Qurān al-Hakīm merupakan sumbangan besar al-Jābirī dalam bidang tafsir kontemporari, karya tersebut terdiri dari tiga jilid dan popular dalam kalangan ahli akademik Muslim. Kajian ahli akademik terhadap karya tafsir al-Jabiri, memfokuskan kepada pemikiran al-Jābirī sebagai seorang tokoh intelektual dan juga melihat corak pentafsiran beliau, ini kerana menurut al-Jābirī, kefahaman terhadap al-Quran perlu diperbaharui sesuai mengikut perubahan keadaan zaman¹⁴⁸. Apabila diteliti karya-karya al-Jabiri, pengkaji mendapati bahawa fokus kajian al-Jabiri telah beralih kepada perbincangan ilmu al-Quran bermula dengan karya *al-Madkhal ilā al-Qurān* iaitu pada tahun 2001.

2.5.1 Sebab Penulisan

Setelah selesai menulis buku terakhir dari siri kritik pemikiran Arab, iaitu kitab *al-Aql al-Akhlāq al-Arabi*, al-Jābirī dihujani dengan persoalan berkaitan kitab yang seterusnya untuk beliau tulis, maka salah seorang rakan beliau berbangsa Arab Saudi pada ketika itu, menyarankan kepada beliau agar menulis karya berkaitan al-Quran.

Setelah kejadian itu, al-Jābirī mulai memberikan perhatian terhadap perbincangan al-Quran dan *ulūm al-Qurān*, al-Jābirī menyiapkan sebuah karya berjudul *Madkhāl ilā al-Qurān al-Karīm*. Menurut al-Jābirī, setiap kebangkitan yang berlaku pada setiap masa dan bangsa, diawali dengan penyeruan untuk kembali kepada tatanan

¹⁴⁸ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Hakīm al-Tafsīr al-Wāḍih Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*, (*Ain al-Sab*’, al-Dār al-Nashr al-Maghribiyah , 2008), 1: 6.

dalam tradisi yang tentunya kepada *uṣūl*.¹⁴⁹ Kembali kepada *uṣūl* bukan berarti menjadikannya sebagai landasan kebangkitan, melainkan lebih condong untuk menjadikannya sebagai salah satu tumpuan dalam melakukan kritik terhadap masa lampau dan masa sekarang demi kemajuan di masa yang akan datang.

Hal ini yang telah menginspirasi al-Jābirī untuk melakukan pengkajian kembali terhadap *turāth*, termasuk di dalamnya meneliti nilai-nilai dan kefahaman terhadap al-Qur'an (*re-interpretation to the Qur'an*) sebagai kitab utama bagi Bangsa Arab Islam¹⁵⁰. Dari sinilah terlihat bahawasanya gagasan-gagasan al-Jābirī menyentuh wilayah pemikiran keagamaan khususnya di bidang al-Qur'an kerana dianggap sebagai bahagian dari sejarah intelektual Arab-Islam. Walaupun al-Jābirī bukan dikenali sebagai tokoh yang ahli di bidang agama, namun pemikiran-pemikirannya di bidang al-Qur'an patut diapresiasi. Hal ini disebabkan kerana gagasan-gagasannya yang kelihatan baru dan berbeza (menurut al-Jābirī) berbanding gagasan-gagasan para intelektual Muslim sebelumnya.

Selain itu, al-Jābirī terkesan dengan al-Shātibiy yang menyebutkan bahawa surah-surah *madaniyyah* diturunkan untuk menerangkan surah-surah *makkiyyah* dan demikian surah *makkiyyah* menjelaskan antara satu sama lain berdasarkan urutan penurunan wahyu dan demikian juga surah *madaniyyah*. Jika tidak, maka kefahaman al-Quran tidak akan tepat.¹⁵¹ Sudut pandang al-Jābirī melihat bahawa setiap surah al-Quran kebanyakannya terkait dengan *asbāb al-Nuzūl* dan tidak mungkin berinteraksi dengan nas al-Quran hanya dengan satu *tartīb* sahaja.¹⁵² Dalam hal ini, al-Jabiri turut menegaskan bahawa beliau tidak berhasrat mencipta sebuah *tartīb* baru, bahkan al-

¹⁴⁹ M. 'Ābid al-Jābirī, *Problem Peradaban: Penelusuran Jejak Kebudayaan Arab, Islam, dan Timur*, 65.

¹⁵⁰ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qur'ān al-Karīm*, (Maghribi, Markāz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, 2006), 26.

¹⁵¹ Muhammad 'Abid al-Jabiri, *Fahm al-Qur'ān al-Hakīm al-Tafsīr al-Wāḍiḥ Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*, ('Ain al-Sab', al-Dār al-Nashr al-Maghribiyyah, 2008), 1:9.

¹⁵² Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā la-Qur'ān al-Karīm*, (Maghribiy, Markāz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, 2006), 243.

Jābirī hanya memilih riwayat *tartīb al-Nuzūl* sebagai manhaj interaksi dalam memahami al-Quran dengan lebih baik¹⁵³ terutamanya hal berkaitan perjalanan sirah Nabi SAW dan peringkat-peringkat wahyu al-Quran.

2.5.2 Tempoh Penulisan

Maklumat berkaitan tempoh penulisan karya tafsir al-Jābirī tidak disebutkan secara tepat, penulis hanya mengambil maklumat tahun cetakan tafsir beliau sahaja iaitu bahagian pertama diterbitkan pada Februari 2008, bahagian kedua tafsir diterbitkan pada Oktober 2008, dan bahagian terakhir tafsir telah diterbitkan pada Februari 2009.¹⁵⁴

2.5.3 Rujukan Tafsir¹⁵⁵

Tafsir

1. Abū Ja'afar bin Jarīr al-Ṭabariy, *Tafsīr al-Ṭabariy*
2. Abū 'Abd Allāh Muhammad bin Ahmad al-Andalūsiy al-Qurṭubiy, *Tafsīr al-Qurṭubiy*
3. Abū 'Abd Allāh Fakhr al-Dīn al-Rāzī, *Tafsīr al-Rāzīy*
4. Maḥmūd bin Umar al-Zamakhshāriy, *Tafsīr al-Kashshāf*
5. Muhammad Ṭāhir bin 'Āshūr, *al-Taḥrīr wa al-Tanwīr*
6. Al-Ḥākim al-Naisābur, *Tafsīr al-Wāhidīy*

Sirah dan Sejarah

1. Ibn Hishām, *Sīrah Ibn Hisyam*
2. Abdullah al-Khafajiy, *al-Sīrah al-Halabiyyah*
3. Abū Ja'afar al-Ṭabariy, *Tārikh al-Ṭabariy*
4. Ibn Sa'ad, *Ṭabaqāt al-Kabir*

¹⁵³ Ibid., 254

¹⁵⁴ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm al-Tafsīr al-Waḍīh Ḥasb al-Tartīb al-Nuzūl*, ('Ain al-Sab', al-Dār al-Nashr al-Maghribiyyah).

¹⁵⁵ Ibid., 3:411.

2.5.4 Mukaddimah Kitab (*Madkhal ilā al-Qurān al-Karīm*)

Karya yang berjudul *Madkhal ilā al-Qurān al-Karīm* merupakan sebuah karya pertama al-Jābirī yang memfokuskan kepada tema-tema penting dalam perbahasan ulum al-Quran. Karya ini telah menjadi titik permulaan al-Jābirī mengulas isu-isu berkenaan al-Quran dan al-Jābirī meneruskan usaha beliau menyumbang kepada al-Quran dengan menulis sebuah karya tafsir iaitu *Fahm al-Qurān al-Hakīm : al-Tafsīr al-Wāḍiḥ Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*. Buku *Madkhal ilā al-Qurān al-Karīm* dianggap sebagai pengenalan kepada tafsir dan usul pentasiran al-Jābirī. Walaupun dikenali sebagai seorang yang berlatar belakang akademik dan sejarah, namun sentuhan baru tetap terlihat dari huraian al-Jābirī mengenai tema-tema dalam ‘*ulūm al-Qurān*. Hal ini kerana beliau banyak menerapkan tema perbahasan baru yang kritis seperti:

1. Kesatuan prinsip disisi tiga agama langit dan redefinisi al-Quran
2. Fasa pembentukan teks al-Quran
3. Kisah-kisah al-Quran

2.5.5 Cetakan Kitab

Kitab *Fahm al-Qurān al-Hakīm: al-Tafsīr al-Wāḍiḥ Hasb al-Tartīb al-Nuzūl* telah diterbitkan oleh *Dār al-Nashr al-Maghribiyyah-‘Ain al-Sab’ al-Dār al-Bayḍā’* Maghribi, pada tahun 2008 dan diterbitkan sebanyak dua jilid yang merangkumi surah-surah yang diturunkan di Mekkah. Surah-surah itu dipecahkan kepada 6 *marḥalah*(peringkat penurunan); tiga *marḥalah* untuk setiap jilid.¹⁵⁶ Pada jilid yang pertama, terdapat tiga tema utama yang menaungi 52 surah iaitu 27 surah bagi tema pertama, 12 surah pada tema kedua dan 15 surah pada tema yang ketiga. Selanjutnya,

¹⁵⁶ *Marhalah* yang digariskan oleh al-Jābirī: 1) *al-Nubuwwah wa al-rubūbiyyah wa al-ulūhiyyah*, 2) *al-ba’thu wa al-Jazā’u wa mushāhadah al-Qiyāmah*, 3) *ibṭal al-Shirk wa tasfīh ‘ibādah al-Aṣnām*, 4) *al-S ad’u bi al-Amr wa al-ittiṣāl bi al-Qabāil*, 5) *ḥiṣār al-Nabiyy wa ahlihī fi sya’bi abī ḥālib wa hijrah al-Muslimin ila ḥabasyah*, 6) *Mā ba’da al-ḥiṣār: muwāṣalah al-ittiṣāl bi al-qabāil wa al-isti’dād li al-hijrah ilā al-Madīnah*,) *al-rasul fī al-madīnah*. Adapun penjelasan pada masing-masing peringkat tersebut, dapat dirujuk pada *istihlāl* (mukaddimah) di setiap *marḥalah* tersebut.

pada tahun 2009, jilid ketiga kitab tafsir al-Jābirī diterbitkan, dan al-Jābirī mengkhususkan tafsiran surah-surah *madaniyyah*. Dalam setiap peringkat *tartīb al-Nuzūl*, al-Jābirī memulakan dengan muqaddimah yang disebut sebagai *istihlāl* atau penerangan tema peringkat sirah Nabi SAW. Manakala pada setiap surah al-Jābirī akan menerangkan tafsiran beliau menerusi tiga bahagian iaitu *taqdīm*, *hawāmisy* dan *ta'liq*.

2.6 Kesimpulan

Dari penjelasan di atas, terbukti bahawa kedua-dua tokoh ilmuan Islam tersebut telah memberikan sumbangan dalam dunia penulisan karya tafsir era moden, malah Ḥabannakah dan al-Jābirī masing-masing menggunakan manhaj penyusunan tafsir yang sama iaitu manhaj *tartīb al-Nuzūl* dan mereka merupakan ilmuan yang hidup sezaman. Perbezaan usia antara kedua ilmuan ialah Ḥabannakah dilahirkan lebih awal 9 tahun berbanding al-Jābirī iaitu pada tahun 1927, manakala Ḥabannakah meninggal dunia pada tahun 2004 dan al-Jābirī meninggal pada tahun 2010. Keilmuan mereka telah dimanfaatkan oleh masyarakat, malah karya mereka dijadikan rujukan dalam kajian akademik di universiti-universiti.

BAB TIGA: KERANGKA PEMIKIRAN *TARTĪB AL-NUZŪL* DALAM *MA'ĀRIJ AL-TAFAKKUR WA DAQĀ'IQ AL-TADABBUR* DAN *FAHM AL-QURĀN AL-HAKĪM*

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, penulis memfokuskan dan membahagikan kepada dua bahagian utama; Pertama, kerangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl* yang terkandung dalam tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*. Bahagian kedua adalah kerangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl* dalam karya tafsir *Fahm al-Qurān al-Hakīm*. Pengkaji akan mendedahkan pendekatan kedua-dua tokoh *tartīb al-Nuzūl* dalam mentafsirkan al-Quran dengan melihat kepada kepentingan dan keistimewaan manhaj *tartīb al-Nuzūl*. Dalam bab ini, metode pengumpulan data yang digunakan adalah kajian perpustakaan. Sebagaimana yang telah dibahaskan pada bab kedua, Ḥabannakah telah menghimpunkan 40 kaedah tadabbur al-Quran yang penting dalam karya *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal*, manakala al-Jābirī pula telah menghasilkan karya *Madkhal ilā al-Qurān* dalam menjelaskan pendirian beliau berkenaan dengan perbahasan al-Quran terutamanya manhaj *tartīb al-Nuzūl* dalam berinteraksi dengan al-Quran¹⁵⁷. Terdapat beberapa isu penting yang disentuh oleh kedua-dua tokoh besar ini, antaranya ialah memahami al-Quran menerusi perspektif *tartīb al-Nuzūl* dan kesan dalam memahami sirah dan dakwah Nabi SAW. Dalam konteks pentafsiran al-Quran, manhaj *tartīb al-Nuzūl* mempunyai kepentingan tertentu dalam rangka memahami kandungan al-Quran. Oleh yang demikian, pengkaji menjadikan kaedah tadabbur Ḥabannakah yang berkait rapat dengan topik penurunan al-Quran dan juga topik perbincangan al-Jābirī sebagai menjelaskan kepentingan *tartīb al-Nuzūl* menurut kedua-dua tokoh.

¹⁵⁷ Penulis telah jelaskan pada bab kedua kajian ini.

3.2 Bahagian Pertama: *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur*

Sememangnya wujud pandangan sebahagian ilmuan yang mempertikaikan metode tafsir *tartīb al-Nuzūl*, mereka mempersoalkan apakah signifikan dan keperluan mentafsirkan al-Quran dengan metode susunan *tartīb al-Nuzūl*, sedangkan metode tafsir ini tidak pernah digunakan oleh ilmuan tafsir terdahulu. Perbahasan ini telah disebutkan oleh pengkaji pada bab pertama kajian ini. Signifikan atau kepentingan adalah perihal, keadaan atau sifat penting, peri mustahak, atau keperluan¹⁵⁸ metode *tartīb al-Nuzūl*. Antara signifikan kerangka pemikiran *tartīb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Quran menurut Ḥabannakah adalah dari sudut :

- a. Ilmu *nuzūl* ayat al-Quran dan konteks individu, masa dan lingkungan persekitaran semasa turun wahyu.
- b. Tahap-tahap penurunan al-Quran (*marāḥil al-Tanzīl*)
- c. Hikmah disebalik pengkategorian ayat *madaniyyah* yang diturunkan dalam surah *makkiyyah* dan sebaliknya
- d. Kekuatan sumber *asbāb al-Nuzūl*
- e. Integrasi dan terapi rabbani dalam pendidikan al-Quran

3.2.1 Signifikan Ilmu *Nuzūl* Al-Quran dan Konteks Individu, Masa dan Lingkungan Persekitaran Ketika Penurunan Wahyu

Ḥabannakah menyebutkan bahawa gambaran perihal individu dan masyarakat Islam pada zaman Nabi SAW merupakan sesuatu perkara yang penting. Hal yang demikian adalah bagi menelusuri hikmah penurunan ayat-ayat dan surah-surah al-Quran secara

¹⁵⁸ Lihat laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka dicapai 5 Ogos 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kepentingan>.

beransur, maka seharusnya bagi mereka yang mentadabbur al-Quran, memberikan perhatian lebih kepada perkara-perkara berikut¹⁵⁹ :

Pertama: Gambaran zaman awal Islam dan keadaan yang berlaku sepanjang penurunan wahyu al-Quran, dalam mengajar, memberi halatuju, mendidik, serta kondisi umum dan kefahaman masyarakat ketika itu. Perkara ini dititik beratkan oleh Ḥabannakah kerana beliau melihat bahawa perkara mempunyai kelebihan dalam memahami al-Quran.¹⁶⁰ Sebagai contoh,¹⁶¹ Ḥabannakah memulakan bahagian tafsiran surah al-Alaq dengan membahaskan penurunan surah al-Alaq selaku surah *makkiyyah* yang pertama dan hal ini disepakati oleh para ulama'. Seterusnya, Ḥabannakah menerangkan sejarah awal sirah, Nabi Muhammad SAW beribadah di gua Hirā' sebagai seorang penganut agama Nabi Ismail dan Nabi Ibrahim AS dan Ḥabannakah turut menjelaskan peristiwa terputusnya wahyu dan ayat-ayat lain dari surah al-'Alaq diturunkan di Mekah selepas surah al-Mudaththir ataupun selepas surah-surah lain.

Kedua: Gambaran mengenai keadaan personaliti, pemikiran dan sosial kemasyarakatan ketika penurunan al-Quran. Dalam menerangkan kepentingan perkara ini dalam membantu memahami al-Quran, Ḥabannakah menampilkan keprihatinan beliau dalam hal berkaitan *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, malah Ḥabannakah banyak merujuk kitab sirah yang masyhur¹⁶² seperti *al-Sīrah al-Nabawīyyah* oleh Ibn Hishām dan juga riwayat-riwayat sirah daripada kitab-kitab hadith seperti Sahih al-Bukhārī dan Sahih Muslim dan Ḥabannakah turut merujuk riwayat sirah dari kitab Tafsir al-Ṭabarī.

¹⁵⁹ 'Ali 'Adlawi, *Athar Tartīb Nuzūl Al-Qurān Al-Karīm Fī Al-Binā' Al-Aqā'idīy Wa Al-Sulūk Al-Haḍāriy Li Al-Ummah Al-Islāmiyyah*, (Algeria, Kuliah Sains Kemanusiaan Dan Kemasyarakatan, Jabatan Ilmu-Ilmu Islam, Universiti Tilmisan, 2013), 114.

¹⁶⁰ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 53.

¹⁶¹ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:31

¹⁶² Rujuk Muṣṭafā al-Sibā'ī, *al-Sīrah al-Nabawīyyah Durus Wa 'Ibar*, (Beirut, al-Maktab al-Islāmiy, 1985), cet.8, 27-29.

Ketiga: Gambaran tentang keadaan lingkaran persekitaran dan zaman penurunan al-Quran merupakan bahagian tema ilmu al-Quran yang penting untuk dipelajari dan ditadabbur. Ini adalah disebabkan, ilmu yang mengandungi manfaat yang luas kepada pengkaji al-Quran.¹⁶³ Hal ini kerana gaya bahasa al-Quran pada surah *makkiyyah* berbeza dengan surah *madaniyyah*. Sebagai contoh, ayat-ayat *makkiyyah* pendek dan sama pada penghujung ayat, ini kerana masyarakat Arab ketika itu hidup pada zaman kegemilangan bahasa Arab dan syair menjadi budaya pemikiran masyarakat arab. Selain itu, sifat Arab Mekkah yang tidak meminati perincian yang merumitkan pemikiran. Hal ini jelas berbeza dengan ayat-ayat *madaniyyah* yang mengandungi ayat-ayat yang panjang kerana sasaran wahyu *al-Madaniy* berbeza daripada Mekkah. Tambahan, sasaran wahyu *al-Makkiy* adalah kepada pembesar-pembesar(Mekah) yang syirik, terang-terangan menentang Nabi SAW, al-Quran dan orang Islam ketika itu.¹⁶⁴

Manakala, sudut gaya bahasa wahyu *al-Madaniy* yang berbeza dengan wahyu *al-Makkiy*, ini adalah kerana ayat *al-Madaniy* sarat dengan penjelasan syariat agama yang memerlukan perincian kepada ayat umum dan meraikan gaya atau tahap pemikiran golongan ahli kitab(yang mendalami kitab agama terdahulu). Justeru, wahyu *al-Madaniy* turut menampilkan kisah Nabi terdahulu seperti kisah Nabi Mūsā, Nabi Hārūn dan kisah Bani Israel. Selain itu, tahap pengetahuan agama sebahagian umat Islam pada ketika itu telah mencapai pada tahap tinggi sehingga mereka dapat menafsirkan makna disebalik wahyu malah mampu untuk *istinbāt*. Seheinggakan Abu Bakar memahami makna disebalik penurunan surah *al-Naṣr* ketika turunnya wahyu tersebut.

Oleh yang demikian, mereka yang tadabbur al-Quran dan menyelusuri peringkat penurunan akan menyingkapi gambaran keserasian antara wahyu dan konteks sirah

¹⁶³ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimāshq, Dār al-Qalam, 2009), 54.

¹⁶⁴ Ibid.

ketika penurunan, wahyu meraikan masyarakat, zaman, tempat, kondisi jiwa, pemikiran masyarakat. Tabiat subjek yang ditanggapi al-Quran kadangkala memerlukan beberapa perubahan daripada segi cara penerangan.

Ibn Juzay¹⁶⁵ turut menjelaskan: perlu diketahui bahawa kebanyakan surah-surah *makkiyyah* diturunkan ialah untuk menetapkan aqidah orang Islam dan menyanggahi kaum *musyrikin* dan menceritakan kisah Nabi-Nabi. Manakala surah *madaniyyah* pula kebanyakannya diturunkan bagi menjelaskan hukum-hukum syara' dan membantah golongan Yahudi dan Nasrani, dan juga disebutkan perihal golongan munafik, fatwa pada beberapa permasalahan, peperangan Nabi SAW.

3.2.2 Rahsia Tahap-tahap Penurunan Al-Quran (*marāḥil al-Tanzīl*)

Tahap-tahap penurunan al-Quran (*marāḥil al-Tanzīl*) merupakan aspek penting dalam memahami asas peringkat penurunan hukum syara', agar tidak tersilap dalam memahami makna ayat al-Quran dengan baik dalam aspek pendidikan, asas agama dan pegangan akidah, konsep islah, seni dakwah dan bentuk jihad dalam Islam. Sebagai contoh teks wahyu yang diturunkan terkemudian lebih utama untuk dijadikan pegangan dalam hukum dan syariat sekiranya berlaku pertentangan antara kedua-dua nas kerana nas terkemudian pada kebiasaannya menerangkan makna nas sebelum, mengikat nas yang bersifat mutlaq, mengkhususkan nas yang umum dan sebagainya. Sebahagian mufassir tersilap apabila mentafsirkan kisah *al-Madaniyyah* dengan tafsiran teks *makkiy*. Sebagai contoh peringkat pengharaman arak, jihad dan pendidikan dalam syariat Islam.

Ketika membahaskan mengenai peringkat pengharaman arak, Ḥabannakah menyatakan bahawa kandungan wahyu di Mekah, pada awalnya mengisyaratkan bahawa sifat Nabi SAW adalah menyuruh ummat perkara yang baik dan mengharamkan

¹⁶⁵ Ali 'Adlawi, *Athar Tartīb Nuzūl Al-Qurān Al-Karīm Fi Al-Binā' Al-Aqā'idīy Wa Al-Sulūk Al-Hadāriy Li Al-Ummah Al-Islāmiyyah*, (Algeria, Kuliah Sains Kemanusiaan Dan Kemasyarakatan, Jabatan Ilmu-Ilmu Islam, Universiti Tilmisan, 2013), 118.

perkara keji sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-A'rāf (surah 39 *tartīb al-Nuzūl*/ 7 mushaf)

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِنْدَهُمْ فِي
التَّورَةِ وَالْإِنْجِيلِ يَأْمُرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ
وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ... ﴿١٥٧﴾

al-A'rāf 7: 157

Terjemahan : Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad SAW) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. ia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk.

Setelah itu, turun wahyu mengisyaratkan yang lebih kuat dalam surah al-Nahl, ayat tersebut menyifatkan rezeki itu suatu perkara yang baik, isyarat bahawa mabuk bukanlah rezeki dan merupakan sesuatu yang keji. Wahyu pengharaman yang jelas di turunkan di Madinah dalam surah al-Baqarah (surah *madaniyyah* pertama) iaitu pada ayat 219

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْخَمْرِ وَالْمَيْسِرِ قُلْ فِيهِمَا إِثْمٌ كَبِيرٌ وَمَنْفَعٌ لِلنَّاسِ وَإِثْمُهُمَا
أَكْبَرُ مِنْ نَفْعِهِمَا...

al-Baqarah 2: 219

Terjemahan : Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. katakanlah: "pada keduanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya.

Selanjutnya, surah al-Nisā' diturunkan menjelaskan perintah yang mengharamkan arak ketika waktu solat¹⁶⁶, dan diakhiri surah al-Mā'idah dengan

¹⁶⁶ Rujuk surah al-Nisā' ayat 43.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَقْرَبُوا الصَّلَاةَ وَأَنْتُمْ سُكَرَى حَتَّى تَعْلَمُوا مَا تَقُولُونَ

al-Nisā' 4: 43

pengharaman yang jelas. Atas dasar ini, dengan memahami peringkat penurunan wahyu dengan baik, maka perintah syara' tidak lagi difahami seolah-olah saling bercanggah bahkan perintah syara' perlu difahami bahawa ianya telah berlaku secara berperingkat pada zaman Nabi SAW.

Antara contoh lain yang diberikan oleh Ḥabannakah¹⁶⁷ ialah peringkat hukum jihad di jalan Allah, di mana bermula wahyu jihad dakwah sehingga diperintahkan jihad perang. Wahyu pertama, Allah memerintahkan untuk membaca untuk diri sendiri dan Allah tidak menyuruh untuk menyebarkan lagi. Kemudian, perintah untuk memberi peringatan kepada keluarga terdekat, dan inilah hakikat jihad dakwah iaitu mengajak manusia mengesakan Allah SWT. Selanjutnya Allah memerintahkan untuk berdakwah tanpa perang, tanpa mengutip *jizyah*, dan diperintahkan agar tenang sabar toleransi. Kesabaran Rasulullah SAW dan para sahabat dalam mempertahankan aqidah Islam dan kebenaran meskipun menghadapi pelbagai cabaran, seksaan dan cemuhan merupakan contoh jihad dakwah yang perlu diteladani oleh umat Islam. Setelah itu, Allah SWT mengizinkan hijrah, dan Allah SWT perintahkan perang dan orang kafir berubah kepada tiga kelompok, *ahl al-Sulh*, *ahl ḥarb*, *ahl zimmah*. Kemudian, diturunkan surah al-Tawbah dalam menjelaskan hukum seluruh pembahagian kafir tersebut. Golongan kufar perlu diperangi dengan pedang, manakala golongan munafik diperangi dengan hujjah dan lisan.¹⁶⁸

Selain itu juga, contoh diberikan oleh Ḥabannakah ialah peringkat didikan dakwah, iaitu peringkat pertama dakwah ialah menyeru kepada tuhan dengan sabar dan toleransi, Ḥabannakah menyebutkan “wahai pendakwah, kamu akan disakiti oleh

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu hampirilah sembahyang (mengerjakannya) sedang kamu dalam keadaan mabuk, hingga kamu sedar dan mengetahui akan apa yang kamu katakan.

¹⁶⁷ Ḥabannakah telah mengambil penerangan syariat jihad dari kitab *Zād al-Ma'ād* karangan Ibn al-Qayyim.

¹⁶⁸ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 160.

manusia yang kamu dakwah”¹⁶⁹. Oleh demikian, kamu akan menghadapi mereka samada kamu membalas kesakitan yang mereka timpakan pada kamu, maka akan berlaku permusuhan antara kamu dan golongan yang kamu dakwahkan.¹⁷⁰ Habannakah mendatangkan firman Allah SWT dalam surah al-A’rāf (39) dan surah fuṣṣilat (61) :

خُذِ الْعَفْوَ وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ

al-A’rāf 7: 199

Terjemahan: Terimalah apa yang mudah engkau lakukan, dan suruhlah dengan perkara yang baik, serta berpalinglah (jangan dihiraukan) orang-orang yang jahil (yang degil dengan kejahilannya).

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّنْ دَعَا إِلَى اللَّهِ وَعَمِلَ صَالِحًا وَقَالَ إِنَّنِي مِنَ الْمُسْلِمِينَ

Fuṣṣilat 41: 33

Terjemahan: Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: "Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!"

Kedua-dua nas wahyu yang diturunkan ketika di Mekah merupakan contoh peringkat perkembangan gaya didikan rabbani(tuhan). Pada ayat (وَأْمُرْ بِالْعُرْفِ) Habannakah menjelaskan bahawa disamping melakukan dakwah kepada iman, seorang pendakwah perlu menekankan juga pada usaha mendidik masyarakat kepada perkara yang baik(*al-Urf*). Perkara baik menurut masyarakat Mekah ialah memberi, membantu golongan yang memerlukan seperti fakir miskin, anak yatim, janda, orang lemah serta memberi makan, menyambung tali persaudaraan, mengangkat kezaliman dari orang telah dizalimi dan menyebarkan kebaikan kepada semua manusia. Ini adalah kerana seorang pendakwah prihatin kepada masalah fakir miskin dan golongan lemah dan dalam masa

¹⁶⁹ Ibid.,163.

¹⁷⁰ Ibid.

yang sama turut memerangi kezaliman dan menyeru manusia untuk membantu golongan susah, maka dakwah mereka akan berjaya.¹⁷¹

Selanjutnya, Ḥabannakah meneruskan perbincangan beberapa topik lain termasuk topik “menjawab persoalan kiamat dan bagaimana menolak keraguan”,¹⁷² “konsep dakwah yang salah” dan sebagainya. Justeru, memberi penekanan kepada perincian ilmu *tartīb al-Nuzūl* merupakan suatu perkara amat penting bagi sebahagian besar ahli tafsir dan juga ahli fiqh agar tidak tersalah dalam memahami *al-Nāsikh* dan *al-Mansūkh* ataupun wahyu terdahulu dan terkemudian diturunkan.

3.2.3 Hikmah Pengkategorian Ayat *Madaniyyah* Yang Diturunkan Dalam Surah *Makkiyyah* Dan Sebaliknya

Dalam menghuraikan tajuk ini, Ḥabannakah memulakan perbincangan mengenai kuantiti bilangan surah *makkiyyah* yang mengandungi ayat-ayat yang diturunkan di Madinah, surah *madaniyyah* yang diturunkan di Mekah, dan juga surah yang diturunkan ketika berlaku peristiwa hijrah (iaitu surah Muhammad). Ḥabannakah menyatakan hikmah pengkategorian tersebut adalah bagi memelihara dua tuntutan iaitu:

1. Tuntutan Akal Fikiran
2. Tuntutan Pendidikan

Pertama, memelihara tuntutan akal fikiran sehingga sempurna penurunan al-Quran dan syariat Islam. Syariat Islam meraikan perkara yang boleh diterima oleh fitrah manusia kerana manusia ketika di Mekah lebih berhajat kepada perkara tauhid dan mengesakan Allah berbanding dengan ketika di Madinah. Kesyumulan al-Quran menyebabkan prinsip-prinsip umum ini disebutkan berulang kali setiap kali diperlukan.

¹⁷¹ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 164.

¹⁷² Ibid, 169.

Manakala, memelihara tuntutan pendidikan dalam peringkat pembelajaran ilmu agama merupakan suatu yang dinamakan *sunnah al-tadarruj*. Meraikan keadaan setiap individu yang belajar dan golongan yang disampaikan seruan dakwah. Selain itu, Allah SWT mengajarkan bahawa segala taklif, pendidikan dalam mendidik umat Islam berkenaan syara' (kerana perbezaan tema-tema yang dibincangkan memerlukan perbezaan cara penyampaian), merupakan *sunnah al-Tadarruj* kerana manusia itu beransur-ansur dalam menerima sesuatu yang baru lebih-lebih lagi berkaitan wahyu agama.

Antara beberapa hikmah dilewatkan penurunan kebanyakan hukum-hukum fiqh dan penerangan agama ialah:

- Asas iman perlu diperkukuhkan terlebih dahulu.
- Usul kepada pecahan permasalahan fiqh dapat difahami dengan baik.
- Wahyu dilewatkan sehingga berlaku kejadian yang memerlukan penurunan wahyu
- Wahyu berkaitan hukum fiqh diturunkan ketika keadaan umat Islam benar-benar bersedia untuk menerima dan melaksanakan tuntutan agama.
- Sehingga kerajaan Islam dan pentadbiran Islam berjaya dibentuk dan diperkukuhkan

Susunan rabbani menunjukkan bahawa meraikan keperluan akal fikiran tidak menghalang dari melewati penjelasan dan penerangan uslub peringkat yang bijaksana dan ini merupakan kesempatan terbaik bagi menyampaikan ilmu

Sebagai contoh, surah al-Qalam merupakan surah yang kedua diturunkan kepada Nabi SAW ketika di Mekah dan surah al-Qalam juga mengandungi dua bahagian wahyu yang diturunkan selepas peristiwa hijrah(*naş madaniy*), iaitu pertama ayat selepas ayat ke 16 iaitu ayat ke 17 hingga ayat 33, dan kedua ialah ayat 48 hingga ke ayat 52.

سَنَسِمُهُ عَلَى الْخُرْطُومِ

al-Qalam 68: 16

Terjemahan: orang yang bersifat demikian, akan didedahkan kehinaannya) - Kami akan adakan tanda di atas hidungnya (yang berupa belalai itu).

فَأَصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ وَلَا تَكُنْ كَصَاحِبِ الْحُوتِ إِذْ نَادَىٰ وَهُوَ مَكْظُومٌ

al-Qalam 68: 48

Terjemahan : maka bersabarlah (wahai Muhammad) menerima hukum Tuhanmu (memberi tempoh kepada mereka), dan janganlah Engkau bersikap seperti orang yang telah ditelan oleh ikan. (ingatlah kisahnya) ketika ia berdoa merayu dengan keadaan sesak sebab terkurung dalam perut ikan.

Berdasarkan penelitian Habannakah, beliau mendapati bahawa bahagian awal surah al-Qalam menerangkan bagaimana mendepani pimpinan Quraysh yang kafir dan kuat menentang seruan baginda dan menuduh Nabi SAW sebagai seorang gila. Akhirnya, Allah SWT menutup bahagian awal ini dengan janji Allah yang khusus (ayat ke 16) bahawa mereka semua itu akan ditimpa kehinaan. Selanjutnya, diturunkan ayat ke-17 hingga 33¹⁷³ selepas hijrah, menceritakan kisah tiga beradik yang memiliki kebun serta mereka bersumpah sesama mereka untuk tidak akan membenarkan orang-orang miskin mendapatkan hasil tanaman di kebun mereka. Ternyata setelah itu, Allah SWT telah membinasakan seluruh kebun mereka dan mereka mengakui mereka melampaui batas serta memohon agar Allah SWT menggantikan bagi mereka yang lebih baik

¹⁷³ Jika diperhatikan pada ayat ke 16 surah al-Qalam, Allah SWT menjelaskan bahawa Allah akan timpakan bencana kepada pembesar Quraish Mekah yang menentang ajaran Nabi SAW, seterusnya ayat 17 menyebutkan (Sesungguhnya Kami telah timpakan mereka dengan bala bencana, sebagaimana kami timpakan tuan-tuan punya kebun(dari kaum yang telah lalu), ketika orang-orang itu bersumpah bahawa mereka akan memetik buah-buah kebun itu pada esok pagi)

daripada kebun mereka. Kemudian, Allah SWT menutup kisah pemilik kebun dengan firmanNya :

كَذَلِكَ الْعَذَابُ وَالْعَذَابُ الْأَخِيرَةُ أَكْبَرُ لَوْ كَانُوا يَعْلَمُونَ ﴿٣٣﴾

al-Qalam 68: 33

Terjemahan : Demikianlah azab seksa (yang telah ditimpakan kepada golongan yang ingkar di dunia), dan Sesungguhnya azab hari akhirat lebih besar lagi; kalaulah mereka orang-orang yang berpengetahuan (tentulah mereka beringat-ingat).

Demikianlah, Allah SWT memberikan gambaran balasan keadaan musyrik Mekah yang mendustai Nabi SAW. Selain itu, Allah SWT juga membuat persamaan antara musyrik Mekah dan pemilik kebun dan Allah SWT tidaklah menyamakan balasan kepada musyrik Mekah seperti yang telah ditimpakan kepada kaum ‘Ād, Thamūd, dan Fir’aūn. Hal ini adalah kerana Allah SWT telah menghancurkan kaum ‘Ād, Thamud dan Fir’aūn keseluruhan mereka. Berbeza dengan musyrik Mekah yang mendustakan Nabi SAW, sebahagian mereka pada akhirnya memeluk Islam¹⁷⁴ dan berkhidmat untuk Islam. Di sini, Ḥabannakah ingin menjelaskan bahawa hikmah dilewatkan penurunan wahyu yang menjelaskan janji Allah ialah kerana perkara tersebut belum berlaku dan persamaan yang ingin disamakan antara musyrik Mekah dengan pemilik kebun ialah mereka pada akhirnya menyesali perbuatan mereka dan bertaubat memeluk Islam.¹⁷⁵

Oleh yang demikian, kita perlu mengetahui bahawa wahyu meraikan perbezaan setiap individu dan berinteraksi berdasarkan kefahaman dan bersesuaian dengan suasana

¹⁷⁴ Selepas peristiwa pembukaan Mekah pada tahun ke-8 Hijrah, ramai di kalangan pembesar Mekah yang memeluk Islam dan sebahagian mereka pernah mendustakan Nabi SAW.

¹⁷⁵ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 189.

dan konteks semasa dan semua penyampaian dakwah Nabi SAW merupakan bimbingan wahyu daripada Allah SWT.

3.2.4 Kekuatan Sumber *Asbāb Al-Nuzūl*

Al-Quran pada awal penurunan lebih menjuruskan kepada tujuan umum penurunan al-Quran iaitu sebagai petunjuk bagi manusia, membimbing manusia ke jalan yang benar dan lurus. Sahabat Nabi SAW dalam kehidupan mereka bersama Nabi SAW, mereka telah menyaksikan pelbagai peristiwa yang berlaku dan peristiwa sepanjang kehidupan mereka bersama Nabi SAW. Terkadang timbul suatu peristiwa tertentu dalam kalangan mereka yang memerlukan penjelasan wahyu ilahi, atau terkadang para sahabat tidak memahami sesuatu perkara, kemudian mereka bertanya kepada Nabi SAW. Oleh yang demikian, para sahabat Nabi SAW merupakan sebuah generasi yang lebih memahami makna dan intisari wahyu al-Quran.

Kefahaman mendalam mengenai ilmu *asbāb al-Nuzūl* merupakan faktor penting dalam memahami kandungan al-Quran. Konteks sejarah yang terkandung dalam *asbāb al-Nuzūl* terkumpul dalam riwayat-riwayat *asbāb al-Nuzūl*. Penjelasan daripada *asbāb al-Nuzūl* merupakan metode yang tepat untuk mentafsirkan makna-makna al-Quran.

Menurut Ḥabannakah, dalam berinteraksi dengan *asbāb al-Nuzūl* pembaca al-Quran perlu memelihara kaedah: pengajaran diambil pada keumuman lafaz bukan pada pengkhususan sebab), apa yang dimaksudkan dari kaedah ini bahawa setiap kefahaman ayat adalah pada keumuman teks bukan hanya khusus pada perkara yang berlaku dan penyebab penurunan wahyu. Terdapat sebilangan manusia yang melangkaui batasan dalam mempraktikkan kaedah ini, kerana mereka mengambil sebahagian ayat dan memisahkannya dari konteks ayat dan memahami ayat al-Quran tersebut dengan makna umum ataupun makna yang luar dari konteks ayat tersebut. Sedangkan hakikatnya ayat tersebut bukan membicarakan kaedah umum, dan ayat tersebut mempunyai hubungan dengan ayat lain atau huraian lanjutan yang menjelaskan makna ayat tersebut.

Oleh yang demikian, tidak boleh berpegang pada semua yang disebutkan sebagai sebab penurunan dan menjadikannya sebagai pedoman dalam memberikan makna ayat melainkan telah dipastikan kesahihan riwayat *sabab al-Nuzūl* serta tidak bercanggah dengan sejarah penurunan wahyu selari dengan kandungan teks wahyu.¹⁷⁶

Justeru, penting bagi mereka mentadabbur al-Quran untuk beriteraksi dengan betul dalam meneliti riwayat *asbāb al-Nuzūl* dan memahami perkaitan antara *asbāb al-Nuzūl* dan kefahaman makna al-Quran secara menyeluruh. Oleh itu juga, pengkaji perlu menghimpunkan nusus al-Quran dari surah yang berbeza yang berhubung dengan sesebuah topik, fikiran, makna berkaitan, bagi tujuan menyingkapi sejumlah hubungan antara rangkaian makna yang menghubungkan keseluruhan makna dan seterusnya melihat perkaitan antara *asbāb al-Nuzūl* dalam memahaminya sebagai makna yang menyeluruh.

3.2.5 Memahami Integrasi Dan Terapi Rabbani Dalam Pendidikan Al-Quran

Seterusnya, al-Quran juga mengandungi perbincangan berkenaan pendidikan. Hal ini jelas, apabila kita membaca kalam Allah SWT yang telah menerangkan kepentingan ilmu dan kisah para Nabi mendidik kaum mereka, sebagai contoh Nabi Ibrahim AS mendidik Nabi Ismail AS dan kaumnya.

Ḥabannakah turut menjelaskan bahawa wahyu pertama diturunkan menganjurkan kepada manusia untuk menuntut ilmu dengan membaca dan menulis, kerana dua langkah ini merupakan wasilah yang terbesar dalam membantu manusia mendapatkan ilmu. Seolah-olah Allah memerintah untuk mencatat ilmu yang bermanfaat dalam hal berkaitan dunia dan akhirat. Dalam langkah memahami terapi rabbani dalam pendidikan al-Quran, seseorang pengkaji al-Quran perlu membayangkan bahawa setiap fasa dakwah, Nabi SAW akan dibimbing oleh wahyu, dengan itu kita

¹⁷⁶ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 205.

akan memahami perkembangan dakwah Nabi SAW dan lontaran tohmahan yang telah dihadapi oleh Nabi SAW, dimana jika diperhatikan pada mulanya musyrikin mentohmah baginda sebagai pendusta pada dakwaan kenabian dan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan al-Quran itu ialah sihir seperti dalam surah al-Muddaththir (surah ke-2 diturunkan):

فَقَالَ إِنَّ هَذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْتَرُ ۖ إِنَّ هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ۖ

al-Muddaththir 74: 24-25

Terjemahan: Serta ia berkata: " (al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dituntut serta dipelajari (dari ahli-ahlinya).

Ini tidak lain hanyalah kata-kata (rekaan) manusia!

Kemudian Nabi SAW dituduh oleh pembesar musyrik di Mekah sebagai seorang gila seperti yang disebutkan oleh Allah SWT dalam ayat kedua surah al-Qalam (surah keempat diturunkan), dan Nabi terpaksa menghadapi cercaan makian Abu Lahab dan isterinya sehingga Allah menurunkan surah al-Masad (surah ke-6 diturunkan). Setelah itu, Nabi musyrik di Mekah masih lagi mencaci dan mencerca Nabi dengan tuduhan gila sehingga turun lagi ayat 22 surah al-Takwīr (surah ke-7 diturunkan). Seterusnya pada ketika terputusnya penurunan wahyu dengan suatu tempoh, puak musyrik Mekah mula menyebarkan berita bahawa tuhan Muhammad telah meninggalkannya, maka Allah menurunkan wahyu surah al-Duhā (surah ke-11 diturunkan) kepada Nabi SAW sebagai dorongan motivasi untuk terus melakukan dakwah. Selain itu juga, Nabi SAW dicerca dengan kematian dua orang anak lelaki baginda iaitu al-Qasim dan Abdullah dan demikian, Allah SWT menurunkan surah al-Kawthar (surah ke-15 diturunkan).¹⁷⁷

¹⁷⁷ ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1: 653-655.

Selain itu juga, Ḥabannakah turut menyebutkan ketika mentafsirkan surah al-‘Asr, struktur pembinaan pemikiran secara berperingkat bermula daripada awal penurunan iaitu surah al-‘Alaq hingga ke surah al-‘Aṣr. Tema yang dibincangkan oleh Allah SWT pada surah yang pertama iaitu surah al-‘Alaq adalah berkenaan bimbingan agar membaca, belajar dan memperoleh ilmu. Manakala perkara kedua pada tema surah seterusnya ialah berkaitan dengan keperluan agama seseorang manusia agar tidak melampaui batas dalam beragama, menjelaskan bahawa Rasulullah SAW merupakan utusan yang menyampaikan risalah Tuhan, bicara tentang undang-undang pembalasan dan hari Akhirat. Seterusnya, perkara ketiga ialah galakkan untuk beribadat kepada Allah SWT dengan solat dan berdoa kepada Allah SWT serta membantu golongan miskin dan golongan yang memerlukan. Selanjutnya, turun surah al-‘Aṣr menjelaskan kepentingan masa kepada manusia yang mukallaf¹⁷⁸ dan inilah bentuk pendidikan yang Allah wahyukan kepada golongan awal menerima wahyu. Selain daripada itu, manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* membantu pembaca al-Quran untuk memahami terapi rabbani pendidikan al-Quran¹⁷⁹ kerana setiap fasa dakwah Nabi SAW dibawah bimbingan wahyu.

Kesimpulannya, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta. Pembelajaran pertama daripada pembelajaran wahyu meliputi perkara keimanan, mendidik umat Islam pada perkara berkaitan akhlak, ibadah, tingkah laku dan sebagainya. Di Madinah, baginda menekankan aspek pembinaan pendidikan. Pendidikan di Madinah tidak terfokus kepada persoalan akidah semata-mata malah menyentuh soal kekeluargaan dan masyarakat, peraturan serta tindak tanduk dalam hidup di samping melaksanakan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan. Rangka

¹⁷⁸ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1: 607.

¹⁷⁹ Majd al-Makki, *al-Ta’rīf Bi Kitāb Ma‘ārij al-Tafakkur Wa Daqā’iq al-Tadabbur Li al-Allāmah Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Mīdānī Rahimahullah Ta’aala*, Cet.1, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2006), 35.

pemikiran Ḥabannakah dalam metode *tartīb al-Nuzūl* ialah menjadikan pendekatan utama dalam pentafsiran al-Quran kerana beliau melihat pendekatan tersebut mengandungi beberapa sisi penting dan kelebihan dalam memahami intisari wahyu al-Quran. Bagi mengukuhkan pandangan beliau, Ḥabannakah menyatakan bahawa *tartīb al-Nuzūl* penting dalam mendalami ilmu penurunan al-Quran (*nuzūl al-Qurān*), mengkaji tahapan penurunan wahyu (*marāḥil al-Tanzīl*), membahaskan hikmah penyusunan ayat *makkiyyah* dalam surah *madaniyyah*, meneliti sumber *asbab al-Nuzūl*, dan memahami integrasi dan terapi rabbani dalam pendidikan al-Quran. Demikian, tergambarlah al-Quran itu sebagai sebuah kitab yang mempunyai rangkaian utuh dan padu.

3.3 Bahagian Kedua: Pemikiran Tafsir *Tartīb al-Nuzūl* Menurut Muhammad ‘Ābid al-Jābirī

Pada bahagian kedua ini, pengkaji akan memfokuskan pada pemikiran *tartīb al-Nuzūl* menurut al-Jābirī menerusi karya tafsirnya. Menerusi karya tafsir *Fahm al-Qurān*, al-Jābirī membahaskan tema-tema sirah yang berbeza¹⁸⁰ dan telah disusun sesuai pengkategorian *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Jilid pertama mengandungi surah *makkiyyah* dan dipecahkan lagi kepada enam tema pokok yang membahaskan tema aqidah, dan akhlak. Manakala jilid ketiga, merupakan bahagian tafsir surah *madaniyyah* yang menfokuskan kepada tema hukum, perundangan Islam dalam konteks negara.

Pendekatan pentafsiran al-Jābirī agak berbeza dengan pentafsiran ilmuan tafsir klasik kerana mentafsirkan al-Quran menggunakan teori *al-Faṣl* dan *al-Waṣl*. Perbahasan *al-Faṣl* dan *al-Waṣl*, pada asalnya merupakan model pembacaan kajian turath yang telah diperkenalkan oleh al-Jābirī menerusi karya *Nahnu wa al-Turāth*. Sebelum itu, manhaj *tartīb al-Nuzūl* al-Jābirī adalah bertitik tolak dari perbincangan dan

¹⁸⁰ Telah dibahaskan pada bab kedua kajian ini.

sudut pandang al-Jābirī terhadap al-Quran menerusi karya *Madkhal ilā al-Qurān* iaitu melibatkan pentakrifan al-Jābirī terhadap makna al-Quran.

3.3.1 Definisi Al-Quran

Al-Jābirī menjelaskan bahawa penting untuk diberikan nafas baru kepada definisi al-Quran, meskipun perbahasan tersebut telah dirumuskan oleh ulama' klasik¹⁸¹ dan beliau berpendapat bahawa kata al-Quran berasal dari perkataan (*Qa Ra Aa*) yang membawa makna membaca. Seterusnya, al-Jābirī mendefinisikan al-Quran dengan merujuk terus kepada al-Quran kerana al-Quran menurut al-Jābirī menafsirkan antara satu sama lain. Maka, al-Jābirī mengemukakan beberapa ayat al-Quran iaitu surah al-Syu'arā' (ayat 192-196), al-Isrā' (ayat 106), surah Āli Imrān (ayat 3-4), sebagai penjelasan definisi al-Quran secara menyeluruh. Berdasarkan ayat-ayat tersebut,¹⁸² al-Quran sebagai *zahirīyyah qurāniyyah*, aspek sejarah dan luaran al-Quran sejarah dan sosio budaya.

Al-Quran didefinisikan sebagai wahyu daripada Allah SWT, diturunkan melalui perantaraan Jibril, diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW, dalam bahasa Arab, merupakan wahyu yang telah disampaikan kepada para Rasul terdahulu, perincian adalah seperti berikut :

1. Al-Quran tidak terikat dengan waktu (*bu'dun la zamāniyyun*) dan ianya terlihat menerusi hubungan al-Quran dengan *risālah samawiyyah* terdahulu.
2. Mengandungi unsur rohani (*bu'dun rūḥiyyūn*) iaitu pengalaman Nabi SAW menerima wahyu
3. Mengandungi unsur sosial (*bu'dun ijtīmā'iyyūn*) dan ianya terlihat pada perjalanan dakwah Nabi dalam menghadapi sambutan dakwah baginda SAW

¹⁸¹ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta'rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, 2006), 17.

¹⁸² Said Ali Setiyawan, *Metodologi Penafsiran Tartīb Nuzūlī al-Jabiri*, Jurnal Farabi Vol. 13 No. 1, (Yogyakarta, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, 2016),

Dengan kata lain, al-Jābirī berusaha untuk menyatakan bahawa al-Quran berinteraksi dengan pembaca tanpa tersekat oleh ruang dan waktu.

Oleh sebab itu, al-Jābirī mendefinisikan al-Quran sebagai kitab yang diwahyukan oleh Allah melalui Jibril kepada Nabi SAW dengan lisan Arab dan meneruskan kitab-kitab terdahulu.¹⁸³ Selanjutnya, al-Jābirī menekankan bahawa al-Quran bukan baru tetapi penerus dan penyempurna kitab-kitab samawi sebelum al-Quran, dan kedua al-Quran merupakan peristiwa rohani dan ketiga menurutnya al-Quran menjadikan pembawanya *mundhir* (pemberi peringatan) yang mengingatkan perkara haq dan batil. Seterusnya, menurut al-Jābirī juga, penggunaan istilah dalam al-Quran tidak dapat diterjemahkan begitu sahaja, tidak mungkin umat Islam dapat memahami al-Quran dengan pengalihan bahasa, kerana tidak mungkin suatu teks dialihbahasa tanpa mengalami perubahan.

Justeru, bagi memanasikan konsep al-Quran berinteraksi dengan pembaca tanpa tersekat oleh ruang dan waktu, al-Jābirī merasakan penting metode pentafsiran *tartīb al-Nuzūl* lantas, beliau aplikasikan metode *tartīb al-Nuzūl* dalam karya tafsir beliau sendiri.

3.3.2 Metode Pentafsiran *al-Faṣl*, dan *al-Waṣl*¹⁸⁴

‘Ābid al-Jābirī telah merumuskan dua terma (istilah) sebagai kerangka memahami al-Quran atau manhaj dalam memahami makna secara komprehensif, dan mengurangkan pemikiran sempit dalam memahami makna al-Quran. Selain itu, membumikan makna teks sesuai dengan tuntutan zaman moden dan mengelak dari pentafsiran yang cenderung sesuatu serta kefahaman yang bebas dari spekulasi khayalan imaginasi. *Al-*

¹⁸³ Dwi Haryono, *Hermeneutika Al-Quran Abid Al-Jabiri*, ed. Syahiron Syamsuddin, (Hermeneutika al-Quran dan Hadith, Yogyakarta: Elsaq, 2010) 92-93.

¹⁸⁴ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), :110.

*Faṣl*¹⁸⁵ ataupun *faṣl al-Maqrū' 'an al-Qāri'* merupakan konsep menjaga objektif teks, serta menjaga kemurnian kandungan teks wahyu daripada analisis dan kefahaman ahli tafsir. Pembaca al-Quran harus meletakkan jarak antara dirinya dengan al-Quran. Tahap ini merupakan langkah menuju objektif iaitu membebaskan diri dari tanggapan terhadap tradisi. Pembaca al-Quran harus merenung bagaimana al-Quran berbicara menerusi teks al-Quran dengan dimensi ruang dan waktu al-Quran turun. Pendekatan struktur teori ini adalah bagi menggambarkan bahawa teks al-Quran mengandungi suatu kesatuan tema yang menyeluruh.¹⁸⁶

Oleh yang demikian, al-Jābirī menginginkan umat Islam berinteraksi dengan secara langsung dengan teks al-Quran dan dalam masa yang sama memisahkan dari turath tafsir. Hal ini kerana menganggap bahawa ciri al-Quran yang bersifat mutlaq dan teks al-Quran bersifat universal atau dengan maksud lain ialah al-Quran bukan sekadar menyampaikan mesej kepada puak atau kaum tertentu atau dalam dalam batasan sejarah tertentu.¹⁸⁷

Manakala, *al-Waṣl*¹⁸⁸ ataupun *waṣl al-Qāri' bi al-Maqrū'* merupakan lanjutan dari konsep pembacaan teks yang dikemukakan oleh al-Jābirī iaitu *al-Faṣl*. Menurut al-Jabiri, ianya merupakan pendekatan sejarah dan usaha mencapai rasional, membumikan

¹⁸⁵ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Nahnu Wa Al-Turāth Qirāat Mu'āṣarah Fi Turāthina al-Falsafī*, Cet.6 (Beirut, al-Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiyy, 1993), 21.

¹⁸⁶ Menurut al-Jābirī, beliau telah melakukan tiga langkah analisis untuk memahami sesebuah teks iaitu pendekatan struktur (*al-Mu'ālah al-Bunyawiyyah*), analisis sejarah (*al-Tahlīl al-Tārikhiyy*) dan kritik ideologi (*al-Ṭarh al-Idiologiyyah*). Pendekatan struktur merupakan pendekatan dalam sudut bahasa. Pendekatan ini menghubungkan antara suatu bacaan dengan bacaan yang lain. Dalam perbincangan al-Quran, pendekatan mengkaji bahasa yang digunakan dalam ayat al-Quran serta menghubungkan ayat tersebut dengan ayat yang lain. Dengan itu, maksud teks akan dapat difahami. Manakala, analisis sejarah merupakan proses analisis sejarah teks. Analisis ini berusaha mempertautkan teks dengan konteks sejarah, budaya dan kondisi politik terjadi saat teks tersebut muncul. Dengan mengetahui hal ini, seseorang pembaca akan memahami latar belakang, metode penyampaian dan untuk apa teks tersebut dihasilkan. Selanjutnya, kritik ideologi merupakan langkah untuk mengenalpasti unsur-unsur ideologi yang masuk ke dalam teks, termasuk unsur sosial dan politik. Namun, al-Jābirī tidak melakukan kritik ideologi dalam menafsirkan al-Quran. Lihat: 39. *Nahnu Wa Turāth*, 24.

¹⁸⁷ Ṭāha Jābir al-Alwānī, *Azminah al-Insāniyyah Wa Dawr al-Qurān al-Karīm Fi al-Khalās Minhā*, terj. Grup Penterjemah DERIA, (Kuala Lumpur, ABIM PRESS, 2017), 49.

¹⁸⁸ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Nahnu Wa Al-Turāth Qirāat Mu'āṣarah Fi Turāthina al-Falsafī*, Cet.6 (Beirut, al-Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiyy, 1993), 25.

al-Quran sesuai dengan konteks zaman, sosiologi zaman ataupun memahami unsur yang terkandung dalam teks. Pendekatan ini bertujuan untuk menghubungkan antara pemikiran teks dengan konteks sejarah, budaya, ideologi politik, dan ruang sosial yang menaungi teks.¹⁸⁹ Menjadikan seolah-olah al-Quran berbicara mengenai permasalahan yang terjadi di era moden dan idea seakan tafsir tematik.

3.3.3 Kepentingan Manhaj *Tartīb al-Nuzūl* Dalam Pentafsiran Al-Quran

Perbincangan tentang metode *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* sebelum ini, mempunyai perkaitan dengan metode *tartīb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Quran kerana menurut beliau dalam langkah *faṣl al-Maqrū' an al-Qāri'* didatangkan tiga langkah analisis¹⁹⁰, antaranya mengkaji bahasa teks dan hubungan sejarah teks lantas, al-Jābirī mengaplikasikan pada pentafsiran al-Quran. Dalam membincangkan tentang pemikiran *tartīb al-Nuzūl* menurut al-Jābirī, kepentingan *tartīb al-Nuzūl* menurut al-Jābirī juga perlu disentuh. Di antara kepentingan *tartīb al-Nuzūl* dalam pentafsiran al-Quran menurut al-Jābirī adalah dalam memahami hubungkait kisah-kisah al-Quran dengan perjalan dakwah Nabi SAW, memahami al-Quran dalam konteks zaman moden (mengaplikasikan metode *al-Waṣl* dalam pentafsiran beliau), memahami sirah dengan al-Quran dan memahami al-Quran dengan sirah Nabi SAW (*Qirāat al-Qurān bi al-Sīrah wa Qirāat al-Sīrah bi al-Qurān*), dan menghargai dakwah agama (*al-Da'wah al-Dīniyyah*) yang telah dilakukan oleh baginda Nabi SAW. Justeru, pengkaji menyimpulkan kepentingan *tartīb al-Nuzūl* menurut al-Jābirī kepada dua bahagian di mana pertama ialah memahami perkaitan wahyu al-Quran dengan sirah dan kedua memahami kisah-kisah al-Quran dengan sirah dakwah Nabi SAW.

¹⁸⁹ Fahmi Khumaini, *Pemikiran Pendidikan Muhammad 'Ābid al-Jābirī (Studi Tafsir Surah Luqmān Ayat 12-19 dalam Kitabnya Fahm al-Qurān al-Ḥakīm al-Tafsīr al-Wadīh Hasb Tartīb an-Nuzūl)*, tesis Sarjana, (Yogyakarta, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Fakulti Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, 2017), 30-31.

¹⁹⁰ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Nahnu Wa Al-Turāth Qirāat Mu'āṣarah Fi Turāthina al-Falsafī*, Cet.6 (Beirut, al-Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiy, 1993), 24.

Pertama : Memahami Hubungkait Kisah-kisah Al-Quran Dengan Perjalanan Dakwah Nabi

Kisah al-Quran tidak disebutkan dalam al-Quran melainkan mempunyai hikmah dan pengajaran besar yang perlu dimanfaatkan oleh umat Islam. Menurut Faḍl Ḥasan ‘Abbās, konteks kisah al-Quran pada setiap surah dan keadaan masa turunnya menjadi pengajaran yang dapat diambil daripada kisah itu. Sebagai contoh kisah Nabi Adam terbentang pada enam surah dalam al-Quran iaitu surah al-Baqarah, al-A‘rāf, al-Ḥijr, al-Isrā’, ṭaha¹⁹¹. Selain itu, antara kelebihan mempelajari kisah al-Quran ialah kisah al-Quran membentuk akhlak khususnya kisah yang mengandungi nilai moral, kisah-kisah al-Quran (kisah-kisah dalam al-Quran memiliki konteks dan kandungannya tertentu). Oleh kerana itu, kisah al-Quran berdasarkan turutan fasa dakwah Nabi SAW mengandungi penjelasan, petunjuk fakta masa lalu¹⁹². Menerusi *tartīb al-Nuzūl* kisah al-Quran dapat dilihat mempunyai perkaitan dengan fasa dakwah baginda Nabi SAW,

Pada bab ketiga buku *Madkhal ilā al-Qurān*, al-Jābirī membincangkan satu bab penting dalam menerangkan kisah-kisah al-Quran. Menurut al-Jābirī, kisah-kisah al-Quran merupakan jendela yang terbuka lebar yang penting bagi kita untuk mengetahui perjuangan dakwah Nabi Muhammad SAW¹⁹³, yang mana mempunyai kaitan dengan perjalanan para Nabi sebelum baginda SAW, berinteraksi dengan kaum mereka. Selain itu juga, al-Jābirī menegaskan bahawa kisah-kisah *qurāniy* merupakan gambaran mengenai dakwah yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW. Hal yang kita telah

¹⁹¹ Faḍl Ḥasan ‘Abbās, *Wacana al-Quran Membongkar Dakwaan Palsu Orientalis Terhadap Al-Quran*, terj. Zulkifli Mohd Yusoff, Fikri Mahmud, (Selangor, PTS Islamika Sdn Bhd, 2010), 143.

¹⁹² Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta’rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah, 2006), 1: 257

¹⁹³ Menurut al-Jābirī, setelah diteliti secara mendalam setiap peringkat penurunan al-Quran, terdapat tema khusus dalam kerangka wahyu mendokong perjalanan dakwah Nabi SAW. Hal tersebut dibenarkan dengan firman Allah dalam surah al-Furqān ayat 32-33, di mana Allah SWT menyatakan bahawa hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat adalah sebagai peneguh hati Nabi SAW iaitu (menurut al-Jabiri) sebagai jawapan terhadap penghinaan, tentangan Quraisy serta penghujahan terhadap hujjah-hujjah kaum Quraish dan al-Quran memberikan penjelasan yang jelas serta tepat pada waktunya. Lihat Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Hakīm; Tafṣīr al-Waḍīh Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*, (Beirut, Markaz al-Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah, 2008), 1:14.

maklumi bahawa kisah dalam al-Quran hanya diceritakan ketika benar-benar diperlukan dan dituntut oleh suasana yang dihadapi gerakan dakwah yang baru. Selanjutnya, al-Jābirī berusaha menggambarkan kisah-kisah *qurāniy* bertepatan *tartīb al-Nuzūl* yang dikategorikan dalam dua peringkat besar, *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Kisah-kisah *makkiyyah* dibahagikan kepada dua tema, selanjutnya diklasifikasikan kisah-kisah dalam al-Quran tersebut dalam tiga kategori:

- a. Kisah-kisah yang berkisar tentang keadaan kaum-kaum yang mendustakan para utusan Allah kepada mereka, lalu kaum tersebut ditimpakan azab dan bencana. Sasaran kisah ini adalah musuh dakwah baginda SAW dari golongan kafir Quraish. Kisah *aṣḥāb al-Qurā*, mampu menggerunkan mereka dan memperingatkan mereka untuk tidak melakukan pendustaan seperti umat terdahulu. Sebagai contoh kisah yang terkandung dalam surah al-Fajr¹⁹⁴ (kisah kaum 'ād, thamūd, firaun), surah al-Najm ('ād, thamūd, suḥuf musa), surah al-Shams (thamūd), surah al-Qalam (*aṣḥāb al-Jannah*), surah qāf (*Nūḥ, al-Ras, Lūṭ*). Kandungan surah-surah berikut mengandungi kisah perjalanan dakwah para Nabi sebelum baginda SAW yang menghadapi waktu yang sulit sepanjang berhadapan dengan kaum dan pemimpin mereka. Sebagai contoh, Nabi Mūsa AS berhadapan dengan firaun, Nabi Soleḥ AS dengan kaum Thamūd.¹⁹⁵ Kisah-kisah ini diwahukan kepada Nabi SAW dan sahabat Nabi SAW bagi meneguhkan serta menguatkan hati mereka dalam menghadapi kaum Quraish Mekah yang telah menolak serta menentang dakwah Nabi SAW dengan pelbagai bentuk penyeksaan terhadap baginda dan para sahabat lain.¹⁹⁶ Lalu Allah SWT menurunkan bantuanNya sebagaimana kisah-kisah Nabi dan kaum terdahulu.

¹⁹⁴ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta'rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, 2006), 1: 263.

¹⁹⁵ Ibid, 1: 263-270.

¹⁹⁶ Ibid, 270. Lihat Muhammad Wahyudi, *Korelasi Perkembangan Turunnya Al-Quran Dengan Perjalanan Dakwah Nabi Muhammad (Studi Kitab Fahm al-Qurān al-Ḥakīm karya Muhammad 'Ābid al-*

- b. Kisah yang khusus memberikan pujian dan penghormatan kepada para Nabi serta menjelaskan keistimewaan. Hal yang demikian, untuk menegaskan kebenaran risalah kenabian seperti kisah dalam surah *ṣād*, kisah Nabi Daud dan Nabi Sulaiman AS yang digoda dengan perhiasan dunia [*ṣād* 38:30-40]. Al-Jābirī menukilkan riwayat Ibn Ishāq mengenai sebab turun surah *Ṣād*, iaitu kabilah Quraish mendatangi bapa saudara Nabi SAW iaitu Abu Ṭālib dan mengadu perihal dakwah Nabi SAW yang tidak disenangi oleh kabilah mereka. Selain itu, kabilah Quraish menawarkan Umarah bin Khālid sebagai tawaran agar kabilah mereka dapat menguruskan Nabi SAW. Oleh yang demikian, seolah-olah anjuran wahyu kepada Nabi SAW agar menolak tawaran dari kaum Quraish. Kisah keadaan Nabi terdahulu dibentangkan bagi tujuan menguatkan hati Nabi SAW dalam memikul tanggungjawab dalam melaksanakan tugas dakwah. Menurut al-Jābirī, kisah al-Quran yang berulang-ulang pada fasa kedua Mekah, sesuai mengikut konteks semasa, dan setiap posisi mempunyai ungkapan. Ini menurut beliau lagi, keadaan sejarah ketika itu dinamik (pelbagai) manakala apa yang hendak diperkatakan itu sama.
- c. Kisah menggambarkan keadaan di Madinah, fasa ketika ini berbeza dengan fasa *makkiyyah* kerana musuh dakwah Nabi SAW adalah ahli kitab. Berbanding di Mekah, kaum Quraysh yang mendustakan ajaran Nabi SAW, mereka menyembah berhala, dan tidak mengakui kenabian Nabi SAW. Sedangkan, fasa selepas Nabi SAW berhijrah ke bumi Madinah, Nabi SAW berhadapan dengan dua kabilah Arab, yakni al-Aus dan Khazrāj dan tiga kabilah Yahudi iaitu Bani Qurayḍah, Bani Naḍīr, Bani Qainuqā' serta beberapa kumpulan Yahudi tinggal di *Khaybar* hingga *Wādī al-Qary*. Antara kisah al-Quran yang terkandung pada

fasa ini adalah kisah Nabi Adam dan Hawwa dikeluarkan dari syurga¹⁹⁷ dan menurut al-Jābirī kisah ini berhubungan dengan kepercayaan penganut agama Yahudi dan Kristian dalam hal ‘dosa bawaan’ yang diwarisi dari Nabi Adam dan Hawwa hingga ke hari kiamat. Namun, hakikatnya al-Quran menjelaskan bahawa dosa bawaan itu adalah tidak benar kerana setelah Nabi Adam AS dan Hawwa diturunkan ke bumi, mereka telah bertaubat kepada Allah sebagaimana telah disebutkan oleh al-Quran dalam surah al-Baqarah ayat 36-37.¹⁹⁸ Selanjutnya, kisah Yahudi dan Kristian yang mendustakan nikmat Allah,¹⁹⁹ penyelewengan agama Nabi Ibrahim AS dan sebagainya.

Keseluruhan penjelasan al-Jābirī berkaitan kisah al-Quran, adalah bertujuan menjelaskan mengenai perkaitan yang mendalam antara al-Quran dan perjalanan dakwah Nabi Muhammad SAW. Tujuan menstrukturkan kisah al-Quran dengan melihat kronologi penurunan bukan untuk menunjukkan susunan sejarah terjadinya kisah tersebut bahkan al-Jābirī berusaha menerangkan perkaitan dengan perjalanan dakwah kenabian Nabi SAW kerana kisah para Nabi dan pengkhabaran sejarah dalam al-Quran adalah satu kesatuan.²⁰⁰

Oleh hal yang demikian, bagi orang yang mengamati kisah al-Quran mereka akan mendapati kisah al-Quran yang terdapat dalam semua surah adalah tidak sama. Keseluruhan kandungan al-Quran mengandungi ibrah dan petunjuk kepada umat Islam sepanjang zaman.

¹⁹⁷ Surah al-Baqarah 37-40.

¹⁹⁸ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta’rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyah, 2006), 1: 393.

¹⁹⁹ Ibid, 261.

²⁰⁰ Faḍl Ḥasan ‘Abbās, *Wacana al-Quran Membongkar Dakwaan Palsu Orientalis Terhadap Al-Quran*, terj. Zulkifli Mohd Yusoff, Fikri Mahmud, (Selangor, PTS Islamika Sdn Bhd, 2010), 97.

Kedua: Memahami Al-Quran Dengan Sirah dan Memahami Sirah Dengan Al-Quran (*Qirāat al-Qurān bi al-Sīrah wa Qirāat al-Sīrah bi al-Qurān*)

Al-Quran merupakan rujukan utama dalam memahami sirah Nabi SAW, dan al-Quran mengandungi kelebihan berbanding dengan rujukan sirah yang lain seperti al-Quran pada keseluruhan kandungannya merupakan benar dan tidak ada ruang meragui kandungannya manakala sumber rujukan lain perlu disemak dulu. Selain itu, al-Quran tidak membicarakan berkenaan kelompok-kelompok tertentu bahkan untuk keseluruhan manusia. *Al-Sīrah al-Nabawīyyah* telah didefinisikan sebagai perkara yang berlaku sepanjang kehidupan baginda Nabi SAW, bermula dari kelahiran sehingga baginda wafat.²⁰¹

Menurut ‘Aṣam bin ‘Abd al-Muḥsin, menerusi kajian beliau yang bertajuk *al-Sīrah al-Nabawīyyah min Khilāl Aḥam Kutub al-Tafsīr* (Sirah Nabi Dalam Kitab Tafsir Utama) perbincangan *al-Sīrah al-Nabawīyyah* boleh ditemakan kepada lima perkara utama iaitu, *al-Sīrah al-Zātiyah*, *al-Nubuwwah* dan *al-Risalah*, *al-Ghazawāt* dan *al-Sarāyā*, *al-Shamā’il*, *al-Khaṣā’is*. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa perjalanan sirah saling berkait rapat dengan perjalanan dakwah Nabi SAW.

Menurut al-Jābirī, berkenaan tentang pentafsiran al-Quran dengan metode *tartīb al-Nuzūl*, ianya ternyata mempunyai implikasi kepada perbincangan antara al-Quran dan dakwah Nabi SAW, melihat juga kepada *asbāb al-Nuzūl*, petunjuk gaya dakwah Nabi SAW di tengah masyarakat Arab. Selain itu, al-Jābirī juga melihat bahawa ada hubungan antara *asbāb al-Nuzūl* dengan sirah Nabi SAW. Setiap peringkat tema digariskan mengandungi signifikan dalam memahami al-Quran seperti berikut:

²⁰¹ Lihat kajian lebih terperinci: ‘Aṣam Abd al-Muḥsin al-Hamiydan, *Al-Sīrah al-Nabawīyyah Min Khilāl Aḥam Kutub al-Tafsīr*, 11. Lihat: Munīr Muhammad Ghadbān, *Fiqh al-Sīrah al-Nabawīyyah*, (Arab Saudi, Universiti Umm al-Qurā, 1992) 13.

1. Menjadikan al-Quran bacaan sezaman (*ja' l al-Qurān mu'āsiran linafsih wa mu'āsiran lanā*)
2. Menghargai perjuangan dakwah baginda Nabi SAW
3. Memahami *masīrat al-Tanzīl* ataupun sirah penurunan
4. Membangkitkan motivasi dakwah Nabi SAW menerusi kisah al-Quran

Seterusnya, al-Jābirī membahagikan surah-surah al-Quran kepada tujuh kategori dan peringkat penurunan, iaitu peringkat pertama bertema kenabian dan ketuhanan.²⁰² Manakala peringkat kedua membicarakan tema kebangkitan dan penyaksian hari akhirat. Selanjutnya peringkat ketiga adalah bertemakan penghapusan syirik dan penyembahan berhala dan ketiga peringkat tersebut dimuatkan dalam jilid pertama tafsir *Fahm al-Qurān*. Manakala peringkat seterusnya ialah dakwah secara terang-terangan dan Perhubungan dengan Kabilah Arab, peringkat kelima ialah pengepungan ke atas Nabi SAW dan keluarga dan hijrah ke Habsyah, peringkat keenam ialah menyambung perhubungan dengan kabilah dan persiapan berhijrah ke Madinah. Peringkat terakhir merupakan tema Rasulullah SAW di Madinah dan merangkumi tafsiran surah *madaniyyah*.

Hal ini menurut al-Jābirī,²⁰³ jelas apabila diperhatikan penggunaan kata ر (rab) dalam membicarakan tentang tuhan, dan tidak menggunakan lafaz perkataan الله, kalimah الله mula dibicarakan pada surah al-Ikhlās, yang merupakan surah ke dua puluh dua dari *tartīb al-Nuzūl*. Hal demikian pada *khiṭab* dari surah yang sebelum berfokus kepada tema kenabian dan ketuhanan kemudian diteruskan dengan tema perhubungan, dialog

²⁰² Peringkat Pertama “Kenabian dan Ketuhanan”, tema pertama dibincangkan dalam surah-surah peringkat pertama penurunan merupakan surah-surah peringkat awal wahyu kenabian. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 26 surah al-Quran, dan merupakan surah yang mengetengahkan konsep ketuhanan dan kenabian serta menolak tentangan dari kaum musyrik Mekah yang ingkar dan mendustakan Nabi SAW.

²⁰³ Muhammad Wahyudi, *Korelasi Perkembangan Turunnya Al-Quran Dengan Perjalanan Dakwah Nabi Muhammad (Studi Kitab Fahm al-Qurān al-Ḥakīm karya Muhammad ‘Ābid al-Jābirī)*, Tesis Sarjana Teologi Islam, (Yogyakarta, Fakulti Usuluddin Dan Pemikiran Islam, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, 2015), 103.

serta perselisihan dengan kaum Quraysh berkenaan isu ketuhanan. Kemudian, didatangkan penggunaan perkataan “*al-Rahman*” sebagai *asmā’ al-Husnā*.²⁰⁴

Selanjutnya, bagi mendapat gambaran tuntunan sirah disebalik susunan *tartīb al-Nuzūl*, al-Jābirī turut menyusun tempoh masa peringkat sirah dan perkaitan dengan penurunan surah, serta beliau mengklasifikasikan peringkat sirah *makkiyyah* kepada beberapa peringkat²⁰⁵. Pertama, peringkat *al-Sirriyyah*²⁰⁶, ianya merupakan peringkat ajaran Islam tidak disebarkan kepada umum dan pada ketika ini Abu Bakr telah memainkan peranan yang penting sebagai salah seorang yang terawal memeluk Islam dan menyampaikan agama Islam serta mengislamkan sahabat yang besar seperti Uthmān bin ‘Affān, Al-Zubayr bin Awwām, Abd al-Raḥmān bin ‘Awf, Sa‘ad bin Abī Waqqāṣ, dan Ṭalḥah bin Ubaydillah.²⁰⁷ Demikian, makna dakwah secara sembunyi pada peringkat ini, dapat diperhatikan pada surah-surah yang diturunkan hanya berkaitan Nabi SAW sendiri, dan keyakinan terhadap hari kebangkitan, hari pembalasan, beberapa gambaran hari Kiamat.²⁰⁸

Peringkat kedua merupakan peringkat sirah permulaan penentangan terhadap berhala dan konflik dengan kaum Quraysh. Peringkat ketiga, sirah penentangan terhadap berhala dan penyeksaan kaum Quraysh terhadap ummat Islam. Seterusnya peringkat keempat ialah peringkat di mana umat Islam dipulau serta Quraysh ketika itu menahan bekalan makanan dari sampai kepada baginda SAW serta keluarga terdekatnya supaya mereka mati kelaparan atau menyerahkan baginda SAW untuk dikerjakan oleh

²⁰⁴ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1:19.

²⁰⁵ Al-Jābirī telah meletakkan kategori (peringkat) pada pada susunan surah dan juga meletakkan peringkat-peringkat dalam kajian sirah dalam karya tafsir *Fahm al-Qurān*.

²⁰⁶ Menurut al-Jābirī, peringkat dakwah secara sembunyi ini bukanlah secara mutlaq kerana dakwah Nabi pada ketika itu sudah diketahui oleh beberapa orang Quraysh dan mereka telah mempersendakan pengamalan umat Islam. Selain itu, terdapat juga pembesar Quraysh yang telah mendengar wahyu dan telah berbicara dengan Nabi SAW dan sebahagian mereka terkesan dengan wahyu tersebut. Lihat : Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta’rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah, 2006), 1: 250.

²⁰⁷ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta’rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah, 2006), 1: 251.

²⁰⁸ Ibid.

puak pimpinan kafir Quraysh Mekah. Mereka melancarkan kempen memburuk-burukkan Nabi SAW, menuduhnya sebagai seorang gila atau seorang tukang sihir, dengan harapan dakwahnya tidak diterima oleh perkumpulan yang datang menziarahi Kota Mekah. Mereka menjalankan pelbagai pakatan untuk menahan atau membunuh atau mengusir baginda SAW. Peringkat kelima merupakan peringkat pembebasan dari kepungan dan Nabi SAW menghadapi sendiri setiap kabilah yang menentang ajaran Islam dan selanjutnya peringkat perjalanan hijrah Nabi SAW.

Jadual 3.1 Peringkat Sirah dan Penurunan Al-Quran Menurut Al-Jābirī

Sirah Dan Penurunan Al-Quran Menurut al-Jabiri		
	<i>Sūrah Makkiyah</i>	<i>Sūrah Madaniyyah</i>
1.	Dakwah senyap-senyap.	Kehidupan Nabi di Madinah
2.	Permulaan penentangan terhadap berhala.	
3.	Penyiksaan terhadap ummat Islam	
4.	Peristiwa pemboikotan dan hijrah ke Habshah	
5.	Persediaan hijrah ke Madinah	

3.3 Kesimpulan

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT sebagai sumber petunjuk kepada manusia dan berperanan mendidik manusia sejak zaman Nabi SAW hingga ke hari Kiamat. Al-Quran mendidik umat Islam untuk menjalani kehidupan di dunia di bawah panduan wahyu sebagai persediaan menghadapi kehidupan di hari pembalasan kelak. Sehubungan dengan itu, paradigma pendidikan dalam al-Quran juga tidak lepas dari tujuan Allah menciptakan manusia itu sendiri iaitu penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta.

Pembelajaran pertama daripada pembelajaran wahyu meliputi perkara keimanan, mendidik umat Islam pada perkara berkaitan akhlak, ibadah, tingkah laku dan sebagainya. Di Madinah, baginda menekankan aspek pembinaan pendidikan. Pendidikan di Madinah tidak terfokus kepada persoalan akidah semata-mata malah menyentuh soal kekeluargaan dan masyarakat, peraturan serta tindak-tanduk dalam hidup di samping melaksanakan syariat Islam dalam segenap aspek kehidupan.

Karya tafsir al-Quran moden walaupun sebahagiannya seperti melampau pada tafsirannya, namun ia adalah perkembangan tafsiran dan takwilan ayat-ayat al-Quran. Mukjizat al-Quran tiada akhirnya walaupun banyak yang menolaknya. Ia merupakan petunjuk bagi manusia dan dakwah yang terbuka bagi seluruh ilmu pengetahuan dan para ulama'.

Sebagai kesimpulan, jelas hubungkait antara *asbāb al-Nuzūl* dengan perjalanan dakwah Nabi SAW dan proses penurunan al-Quran memainkan peranan penting dengan masalah yang dihadapi baginda SAW. Jawapan ilahi yang menuntun baginda Nabi dalam bertindak, memberikan motivasi kepada baginda dalam berdakwah manusia kepada Allah SWT dan ajaran Islam. Kedua-dua tokoh ini, menerusi pemikiran mereka terhadap *tartīb al-Nuzūl*, mengemukakan idea, hujjah dan contoh pembuktian masing-masing serta menyatakan kepentingan dalam memahami al-Quran berdasarkan penurunan al-Quran.

**BAB EMPAT : ANALISIS PERBANDINGAN *TARTĪB AL-NUZŪL* ANTARA
TAFSIR *MA'ĀRIJ AL-TAFAKKUR WA DAQĀ'IQ AL-TADABBUR* DAN *FAHM*
*AL-QURĀN AL-ḤAKĪM***

4.1 Pengenalan

Tumpuan dalam bab ini ialah analisa perbandingan metode *tartīb al-Nuzūl* antara kitab *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur* dan *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* secara terperinci. Oleh itu, perbandingan terhadap kedua-dua kitab ini akan dilihat dari sudut perbandingan faktor pendorong menghasilkan tafsir, isi kandungan, metodologi penyusunan surah, riwayat *tartīb al-Nuzūl*, aplikasi metode *asbāb al-Nuzūl* dan *sīrah al-Nabawiyah*, serta tafsiran kedua-dua tokoh. Justeru, secara keseluruhan bab ini akan mengenal pasti metode *tartīb al-Nuzūl* yang digunakan oleh kedua-dua tokoh dalam tafsir masing-masing sekaligus menjawab persoalan dan objektif keempat yang diutarakan pada bab pendahuluan.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, kedua-dua ilmuan ini telah meletakkan nama yang menarik pada karya tafsir mereka dan masing-masing menjelaskan manhaj utama tafsir mereka ialah manhaj *tartīb al-Nuzūl* iaitu mengikut susunan penurunan al-Quran pada zaman Nabi SAW. Malah, memahami al-Quran melihat kepada sejarah penurunan al-Quran merupakan kaedah tadabbur Ḥabannakah yang kesembilan dan diaplikasikan pada karya tafsir ini. Nama karya tafsir Ḥabannakah ialah *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur* dan ianya merujuk kepada tingkatan renungan dan ketelitian dalam mentadabbur al-Quran, dan ini adalah kerana al-Quran adalah lautan yang mengandungi ilmu dan percikan cahaya rabbani. Seterusnya, al-Jābirī juga turut menjelaskan kehendak beliau menerusi judul tafsir: *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* tidaklah bermaksud bahawa al-Quran berbicara dengan ahli zaman dan tempat. Perkara ini telah dijelaskan sendiri oleh al-Jābirī pada bahagian pengenalan tafsirnya.

4.2 Perbandingan Faktor Pendorong Penulisan Tafsir *Tartīb al-Nuzūl*

Jadual 4.1 Perbandingan Faktor Pendorong Penulisan Tafsir

Pendorong Penulisan Tafsir ²⁰⁹	
Ḥabannakah	Al-Jābirī
1. Membina asas kefahaman <i>al-Tadarruj al-Tashri'iy</i> , memahami yang terdahulu dan terkemudian sepanjang proses penurunan wahyu al-Quran.	1. Menerangkan gambaran fasa pembentukan nas wahyu yang diturunkan sepanjang 23 tahun penurunan wahyu al-Quran ²¹⁰ .
2. Memberikan gambaran jelas agar tidak tersilap dalam menggambarkan wahyu terdahulu dan terkemudian dalam tema surah al-Quran.	2. Al-Quran terbuka untuk pelbagai tafsiran dan juga metode pentafsiran al-Quran bergantung kepada kemahuan ahli tafsir.
3. Membersihkan kesalahan pentafsiran seperti menafsirkan kisah <i>madaniyyah</i> dengan tafsiran kisah <i>makkiyyah</i> .	3. Mendapat kefahaman yang objektif tentang al-Quran.
4. Meneliti konsep tarbiyyah, peringkat pendidikan, didikan dakwah baginda Nabi SAW.	4. Memahami sirah dan dakwah Nabi SAW menerusi al-Quran.

²⁰⁹ Rujuk penulisan pengkaji kajian ini pada bab kedua kajian ini, pengkaji telah bahaskan sebab dan factor pendorong penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl*.

²¹⁰ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fi al-Ta'rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyah, 2006), 244.

Berdasarkan jadual 4.1, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua ilmuan ini memfokuskan sebab penulisan karya tafsir ialah pada memberi kefahaman yang benar dalam memahami isi kandungan al-Quran dan bertujuan agar umat Islam mampu berinteraksi dengan al-Quran dengan lebih mendalam. Malah, kedua-dua ilmuan ini berkongsi pada matlamat utama yang sama iaitu merealisasikan matlamat penurunan al-Quran sebagai sebuah kitab hidayah (petunjuk ke arah kebenaran) dan tazkiyah (penyucian jiwa). Malah Ḥabannakah turut menyatakan bahawa kelebihan pentafsiran *tartīb al-Nuzūl* ialah dapat menjelaskan atau memahami hikmah pengulangan wahyu al-Quran dalam hal berkaitan pendidikan agama.

4.3 Perbandingan Kandungan Kitab

Berdasarkan penelitian penulis, kedua-dua tokoh konsisten di atas manhaj *tartīb al-Nuzūl*, dan susunan surah pada karya tafsir masing-masing. Riwayat *tartīb al-Nuzūl* yang digunakan oleh Ḥabannakah ialah riwayat susunan penurunan surah yang dipegang oleh ulama' dalam bidang '*ulūm al-Qurān*'²¹¹, dan mushaf yang dipegang oleh Muhammad 'Ali Khalaf al-Husayni²¹² iaitu mushaf cetakan Mesir. Kedua-dua tokoh tafsir ini, berhasrat memberikan suatu pembaharuan dalam dunia tafsir dan tadabbur al-Quran serta memudahkan bagi umat Islam faham dan tadabbur al-Quran.

Sementara itu, Ḥabannakah hanya sempat menulis tafsir surah *makkiyyah* sahaja, ini kerana kandungan yang ditulis padat dengan ilmu-ilmu, dan dimuatkan dalam 10

²¹¹ 'Abd al-Rahmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:6.

²¹² Pakar al-Quran di Mesir, Lihat: Ṭāha Muhammad Fāris, *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*, (Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsāt wa al-Nashr, 2011), 252.

Namun demikian, ada beberapa surah yang tidak sama susunannya antara Ḥabannakah dan Shaykh 'Ali Khalaf al-Husayni, seperti surah al-Qalam dan al-Muddaththir. Di mana Ḥabannakah mengatakana bahawa surah al-Qalam merupakan surah keempat diturunkan dan surah al-Muddaththir merupakan surah kedua selepas surah al-'Alaq, dan Ḥabannakah meletakkan surah al-Muzammil selepas surah al-Muddaththir. Sehubungan dengan itu, Ḥabannakah menyatakan bahawa setelah melakukan analisis terperinci, beliau mentarjihkan bahawa permulaan surah al-Muddaththir diturunkan selepas surah al-'Alaq, dan surah al-Muddaththir merupakan surah makkiyyah yang kedua. Secara umumnya, surah al-Muddaththir dianggap antara surah makkiyyah yang terawal dan terdapat dalam Saḥīḥ al-Bukhārī riwayat yang mengesahkan bahawa antara wahyu awal diturunkan ialah *وَيْطِئُ الْعِطَابَ*, Ḥabannakah turut menambah bahawa kemungkinan bahagian lain surah al-Muddaththir turun lewat.

jilid, manakala al-Jābirī menyempurnakan tafsiran surah-surah *al-Makkiyyah* dan *al-Madaniyyah* hanya dengan 3 jilid karya tafsir. Hal ini adalah kerana tafsir al-Jābirī bersifat *ijmālī* iaitu pentafsiran secara umum, manakala tafsir Ḥabannakah bersifat *taḥlīlīy* iaitu pentafsiran secara terperinci.

4.4 Perbandingan Perbahasan ‘Ulum Al-Quran dan Sirah

Ilmu al-Quran ataupun *‘ulūm al-Qurān* adalah antara ilmu-ilmu Islam yang terbesar dan mulia, ia diasaskan oleh ilmuan-ilmuan Islam terkemuka. Perbahasan *‘ulūm al-Qurān* ini membantu umat Islam memahami erti al-Quran dan mengambil iktibar daripadanya berdasarkan keterangan dan nur dari wahyu ilahi. Pengkaji mendapati Ḥabannakah dan al-Jābirī, masing-masing membahaskan perbahasan berkaitan *‘ulūm al-Qurān* ketika mentafsirkan ayat al-Quran. Pendekatan ini menyerlahkan lagi kelainan pengolahan ayat al-Quran dalam tafsir mereka. Antara topik *ulūm al-Qurān* yang dibincangkan dan berkait rapat dengan manhaj *tartīb al-Nuzūl* ialah *asbāb al-Nuzūl*, *al-Makkiy wa al-Madaniy*, ilmu *qirāāt*, *nāsikh wa al-Mansūkh*, dan ilmu *isrāīliyyāt*.

4.4.1 Asbāb Al-Nuzūl

Perbahasan mengenai sebab turun ayat atau surah (*asbāb al-Nuzūl*) merupakan bahagian penting dalam konteks memahami tafsir al-Quran dan kebanyakan karya tafsir memberikan perhatian lebih pada perbahasan sebab turun ayat bagi memperkayakan lagi ibrah yang diperolehi dari wahyu al-Quran. Selain itu, pengetahuan tentang *asbāb al-Nuzūl* membantu pembaca al-Quran memahami konteks wahyu yang diturunkan. Yusuf al-Qaraḍāwī dan al-Ja’barī telah menyatakan bahawa wahyu al-Quran diturunkan pada dua bahagian iaitu bahagian pertama merupakan prinsip-prinsip yang tidak terikat dengan sebab-sebab khusus, melainkan sebagai petunjuk hidayah kepada manusia ke arah kebenaran. Manakala bahagian kedua al-Quran diturunkan berdasarkan suatu sebab

tertentu.²¹³ Perbezaan antara Ḥabannakah dan al-Jābirī dalam mempersembahkan perbahasan *asbāb al-Nuzūl*, sebagai contoh tafsir Ḥabannakah, beliau memberi perhatian lebih terhadap perbahasan *asbāb al-Nuzūl*, ianya sebagaimana berikut²¹⁴:

1. Bersandarkan pada riwayat *sabab al-Nuzūl* yang sahih sahaja, demikianlah Ḥabannakah mengulaskan bahawa: “kebanyakan *sabab al-Nuzūl* yang dimaksudkan oleh teks al-Quran yang ditemui adalah riwayat tidak sahih” dan hal ini bertepatan dengan pendirian Ḥabannakah menerusi kaedah tadabburnya yang kesebelas iaitu meneliti sumber *asbāb al-Nuzūl*.²¹⁵ Misalnya, pada pentafsiran surah al-Ḍuhā, Ḥabannakah menjelaskan sebab penurunan surah al-Ḍuhā menerusi satu riwayat al-Bukhārī²¹⁶, Jundub bin Sufyān al-Bajaliy berkata: Rasulullah SAW sakit sehingga baginda tidak dapat solat malam selama dua atau tiga malam. Kemudian datang seorang wanita lalu berkata: Wahai Muhammad, aku melihat bahawa ‘syaitanmu’ telah meninggalkanmu, aku melihat ianya tidak mendatangiimu sejak dua atau tiga malam, maka Allah SWT menurunkan:

وَالضُّحَىٰ وَاللَّيْلِ إِذَا سَجَىٰ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ مَا قَلَىٰ قَوْلُهُ مَا وَدَّعَكَ رَبُّكَ وَمَا قَلَىٰ

2. Menekankan bahawa pengajaran adalah pada maksud lafaz secara umum bukan pada sebab yang khusus seperti disebutkan oleh ilmuan lain iaitu *al-‘Ibrah bi umūm al-Lafz la bi khuṣūṣ al-Sabab*, dengan syarat ianya tidak terputus dari konteks ayat. Oleh kerana itu Ḥabannakah menyatakan bahawa tidak boleh

²¹³ Muhammad Chirzin, *Al-Quran dan Ulumul Quran* (Yogyakarta, PT. Dana Bhakti Prima Yasa, 2003), 30.

Yusuf al-Qaradhawi, *Bagaimana Berinteraksi Dengan Al-Quran*, terj. Kathur Suhardi, (Jakarta, Pustaka al-Kausar, 2000), 267.

Lihat: Ahmad Zaini, *Asbab An-Nuzul Dan Urgensinya Dalam Memahami Makna Al-Quran*, Jurnal Hermeunetik, Vol.8, No.1, (Yogyakarta, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, 2014), 3-4.

²¹⁴ Nadiy Hasan Ali Sabran, *Manhaj ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Midāniy fi al-Tafsīr*, disertasi sarjana (Amman, Universiti Jordan, 2006), 140.

²¹⁵ Ḥabannakah menekankan riwayat yang sahih dalam meneliti riwayat *sabab al-Nuzūl*. Lihat ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:74-95-96-208.

²¹⁶ Hadīth riwayat al-Bukhārī, Kitab tafsīr al-Qurān, Sūrah al-Ḍuhā, Bab Ma Wadd’aka Rabbuka Wa Mā Qalā, no hadīth 4667.

dipisahkan setiap penjelasan ayat kemudian menyatakan bahawa “pengajaran diambil daripada sesuatu ayat adalah berdasarkan kepada maknanya yang umum bukan semata-mata bergantung kepada sebab penurunannya yang khusus”. Ia seharusnya diteliti dengan baik konteks ayat sebelum dan selepas sehingga dipastikan kefahaman dalalah ayat tidak terputus.²¹⁷

3. Tidak berpegang pada semua yang dikatakan oleh ahli tafsir kecuali yang dipastikan kesahihan sanad riwayat dan pada waktu yang sama tidak menafikan kebersamaan sejarah penurunan, ianya bermaksud Ḥabannakah meneliti riwayat *sabab nuzūl* yang selari dengan sirah penurunan²¹⁸. Ḥabannakah seringkali membahaskan perbahasan *sabab al-Nuzūl* pada permulaan pentafsiran setiap surah.
4. Ḥabannakah juga turut menukilkan daripada sebahagian mufassir yang muktabar, sebagai contoh, Ḥabannakah menukilkan daripada Abu Ḥayyān dalam menjelaskan sebab penurunan surah luqmān. “Abu Ḥayyān menyebutkan: sebab penurunan surah ini(surah luqmān) ialah Quraysh bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan kisah Luqmān dan anaknya maka Allah SWT menurunkan surah ini(surah luqmān)”.²¹⁹
5. Menyebutkan pemaknaan riwayat dan tidak menyebutkan secara literal lafaz riwayat sebab penurunan. Sebagai contoh “Muhammad bin Ishāq telah menyebutkan bahawa kaum Quraysh telah mengutuskan al-Naḍr bin al-Hārith dan ‘Uqbah bin Abi Mu’īṭ untuk pergi bertemu pendeta Yahudi Madinah untuk bertanyakan perihal Nabi Muhammad SAW, maka Yahudi itu berkata kepada

²¹⁷ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā’id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 203.

Menerusi kaedah usulnya, Ḥabannakah menekankan bahawa sebab yang khusus tidak menghalang untuk kita memahami ayat dengan melihat pada keumuman ayat.

²¹⁸ Hal ini disebutkan oleh Ḥabannakah sendiri dalam kaedah tadabburnya, lihat ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā’id al-Tadabbur li Kitāb Allah*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), 205.

²¹⁹ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma’ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 11: 678

kedua mereka: Tanyakanlah kepada Muhammad tentang tiga perkara iaitu al-Kahf, Zulqarnain dan ruh.²²⁰

Manakala al-Jābirī, ketika menyebutkan sebab penurunan surah, beliau juga memberikan perhatian kepada *sabab al-Nuzūl*. Namun demikian, terdapat perbezaan antara ulasan beliau berbanding Ḥabannakah adalah seperti berikut:

1. Al-Jābirī tidak menyebutkan semua rujukan riwayat *sabab al-Nuzūl*. Malah beliau hanya menyebutkan terdapat hadith atau terdapat riwayat yang menyatakan sebab penurunan surah demikian. Sebagai contoh, surah al-‘Alaq, al-Jābirī menyatakan bahawa hadith Nabi SAW tentang permulaan wahyu telah menerangkan perihai kaitan antara perintah membaca dan menulis, kemudian al-Jabiri mendatangkan teks hadith tanpa beliau menyebutkan riwayat hadith tersebut.²²¹ Namun demikian pada surah al-Muddaththir, al-Jābirī mendatangkan riwayat *sabab al-Nuzūl* bagi surah al-Muddaththir dan beliau kemukakan rujukan riwayat tersebut dinukilkan daripada hadith al-Bukhārī.²²²
2. Mengaitkan *sabab al-Nuzūl* dan juga *sīrah al-Nabawīyyah* kerana kedua dua bab ini saling berkait. Sebagai contoh, al-Jābirī menyebutkan bahawa penurunan surah al-Saba’ mempunyai perkaitan dengan peringkat baru dakwah Nabi SAW iaitu Nabi SAW berdakwah di pasar dan berdakwah kepada kabilah- kabilah Arab²²³.
3. ‘Ābid al-Jābiri juga menukilkan terus *sabab al-Nuzūl* daripada mufassir lain seperti al-Ṭabari, tanpa menyebutkan riwayat asal *sabab al-Nuzūl* yang dinyatakan. Contohnya, *sabab al-Nuzūl* surah al-Masad, al-Jābirī menyebutkan sebab penurunan surah al-Masad ialah ketika mana Abu Lahab menentang

²²¹ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsah al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1: 23.

²²² Ibid, 1: 24-25

²²³ Ibid, 2: 78.

dakwah Nabi SAW²²⁴ dan al-Jābirī juga menyebutkan riwayat yang diambil daripada tafsir al-Ṭabarī. Selain itu juga al-Jābirī menukilkan juga riwayat *sabab al-Nuzūl* daripada al-Wāḥidī dan

4. Sepertimana Ḥabannakah, al-Jābirī juga menukilkan *sabab al-Nuzul* dengan makna umum dan bukannya secara literal.

Oleh yang demikian, sebagai kesimpulan perbahasan *asbāb al-Nuzūl* merupakan isi perbincangan yang membantu dalam memahami ayat dan juga rangkaian ayat al-Quran. Sekaligus menunjukkan bahawa ilmu *asbāb al-Nuzūl* perlu dimanfaatkan sepenuhnya dalam memahami al-Quran dan menafsirkannya menerusi manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*.

4.4.2 Isrā'iliyyāt

Pendirian Ḥabannakah dalam membicarakan permasalahan *isrā'iliyyāt*²²⁵ dapat diperhatikan berdasarkan interaksi beliau terhadap riwayat *ma'thūr* seperti riwayat daripada Nabi SAW, sahabat dan tābi'in. Ḥabannakah berpandangan bahawa kesemuanya mestilah daripada periwayatan yang sahih. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa menurut Ḥabannakah, permasalahan *isrā'iliyyāt*, perlulah dicermati dan diteliti dahulu riwayatnya. Hal ini kerana beliau tidak menjadikan riwayat *isrā'iliyyāt* sebagai sumber dalam pentafsiran, dan Ḥabannakah kelihatan seakan-akan menghidarkan dari menghuraikan riwayat *isrā'iliyyāt*, akan tetapi terkadang beliau juga ada menyebutkan beberapa riwayat *isrā'iliyyāt*. Misalnya, ketika membicarakan tentang *asḥāb al-Ras* pada pentafsiran surah qāf dan surah al-Furqān, Ḥabannakah tidak menyatakan riwayat kisah-kisah *asḥāb al-Ras* kerana riwayat tersebut tidak mencapai tahap yang sahih. Selain itu juga, ketika mentafsirkan surah yūsuf pada ayat 24:

²²⁴ Ibid, 1:32.

²²⁵ *Isrā'iliyyāt* merupakan kisah atau perkara yang diriwayatkan daripada sumber Isrā'īl, perkhbaran periwayatan bersumber dari Yahudi atau Nasrani yang telah mewarnai pengkajian tafsir dan sunnah.

وَلَقَدْ هَمَّتْ بِهِ^ط وَهَمَّ بِهَا لَوْلَا أَنَّ رَّءَا بُرْهَانَ رَبِّهِ^ع كَذَلِكَ لِنَصَّرَفَ عَنْهُ
 السُّوءَ وَالْفَحْشَاءَ إِنَّهُ^ع مِنْ عِبَادِنَا الْمُخْلَصِينَ ﴿٢٤﴾

yūsuf 12: 24

Terjemahan: dan sebenarnya perempuan itu telah berkeinginan sangat kepadanya, dan Yusuf pula (mungkin timbul) keinginannya kepada perempuan itu kalaulah ia tidak menyedari kenyataan Tuhannya (tentang kejinya perbuatan zina itu). Demikianlah (takdir kami) untuk menjauhkan dari Yusuf perkara-perkara yang tidak baik dan perbuatan-perbuatan yang keji, kerana Sesungguhnya ia dari hamba-hamba Kami yang dibersihkan dari segala dosa.

Sementara itu, al-Jābirī terlihat menukilkkan riwayat daripada kitab Taurat, sebagai contoh berkaitan kisah Nabi Yusuf AS dalam surah yūsuf, beliau menyebutkan kisah Nabi Yusuf AS sepertimana terkandung dalam taurat.²²⁶ Selain itu juga, al-Jābirī juga membandingkan antara penggunaan lafaz *al-Malik* yang terkandung dalam al-Quran, dan lafaz Firaun yang terkandung di kitab Taurat. Namun demikian, al-Jābirī tidak menukilkkan secara jelas dan terperinci rujukan dalam kitab Taurat yang telah beliau kemukakan. Namun demikian, ketika mentafsirkan surah al-Jin, al-Jābirī mengutamakan riwayat daripada hadith yang boleh diterima berbanding menukilkkan riwayat *isrā'iliyyāt* dalam hal berkaitan kisah jin dengan al-Quran, malah beliau sendiri tidak mengemukakan riwayat *isrā'iliyyāt* yang banyak terkandung dalam kitab-kitab tafsir lain.²²⁷ Oleh yang demikian, kedua-dua tokoh berusaha untuk tidak memasukkan riwayat *isrā'iliyyāt* dalam karya tafsir. Namun demikian, masih terdapat beberapa riwayat yang dikemukakan walaupun tidak mempunyai sandaran daripada Nabi SAW, seperti tafsiran pada surah al-Qaṣaṣ dalam mengisahkan Nabi Mūsā As yang telah berjalan daripada Mesir hingga ke Madyan, dalam keadaan baginda tidak makan melainkan hanya rumput dan daun hijau, sehinggakan baginda kelaparan dan ianya

²²⁶ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1: 348.

²²⁷ Ibid, 1: 243.

mengakibatkan daun-daun hijau melekat dalam perut dan kelihatan rumput hijau dari dalam perut baginda.²²⁸ Kemudian, Ḥabannakah menyatakan bahawa menurut beliau, perkataan mufassir dalam hal ini tidak boleh dipegang kerana tidak ada sanad yang sahih.

4.4.3 Ilmu Qirāat

Ilmu qirāat merupakan satu ilmu yang saling berkaitan dengan ilmu pentafsiran al-Quran kerana huraian bacaan al-Quran itu mempengaruhi makna ayat al-Quran terutamanya ayat yang berkaitan hukum-hukum syara'.²²⁹ Secara umumnya, ilmu qirāat adalah cabang ilmu al-Quran dan berperanan penting dalam menentukan makna al-Quran kerana ilmu Qirāat membantu memperluaskan kefahaman makna al-Quran itu sendiri serta dengan ilmu Qiraat al-Quran dapat ditadabbur dengan lebih mendalam. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati bahawa Ḥabannakah menggunakan pendekatan ilmu qirāat pada karya tafsir mereka. Dalam tadabbur, Ḥabannakah memberikan perhatian terhadap qirāat sepuluh dalam menyatakan kesepaduan idea pemikiran, dan hal ini jelas kerana perbincangan qirāat sepuluh ini merupakan kaedah tadabbur Ḥabannakah yang keempat puluh.²³⁰ Malah pendekatan Ḥabannakah ini dapat dilihat dengan jelas dalam *Ma'ārij al-Tafakkur*, di mana Ḥabannakah memberi penerangan yang terperinci mengenai qiraat dan perkara ini merupakan nilai tambah yang terdapat dalam karya tafsirnya. Ḥabannakah turut menulis satu topik khusus berkaitan perbahasan qirāat pada setiap surah al-Quran. Sementara itu, pengkaji mendapati bahawa al-Jābirī tidak memfokuskan tafsirnya pada perbahasan ilmu qirāat kerana beliau lebih memfokuskan pada perbahasan susunan surah.

²²⁸ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur* 9:381

²²⁹ Muhammad A'Tarahim Mohd Razali, *Qiraat Mutawatir Dan Kesannya Kepada Hukum Fiqh, Kajian Pengetahuan Dan Pendedahan Dalam Kalangan Ilmuwan Islam Di Terengganu*, tesis PhD (Kuala Lumpur, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2017), 33.

²³⁰ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id Tadabbur al-Amthal* ke-40

4.4.4 *Al-Sīrah Al-Nabawiyah*

Perbahasan sirah dalam pentafsiran *tartīb al-Nuzūl* adalah bahagian sangat penting dan bernilai serta berperanan penting dalam manhaj tafsir ini. Sehubungan dengan itu, al-Jābirī menyatakan perlu memahami sirah Nabi SAW dengan al-Quran dan memahami sirah menerusi al-Quran.²³¹ Penekanan al-Jābirī terhadap bacaan sirah dalam memahami al-Quran, adalah sangat jelas menerusi garis masa dan peringkat-peringkat penurunan yang telah disusun oleh beliau sendiri. Selain itu juga, al-Jābirī banyak menukilkan riwayat sirah daripada Ibn Ishāq²³² tanpa mengulas lebih lanjut berkenaan dengan status riwayat tersebut²³³. Sebagai contoh, al-Jābirī menyebutkan bahawa terdapat riwayat daripada Ibn Ishāq menyebutkan berkenaan Abu Lahab, beliau merupakan jiran Nabi SAW. Ibn Ishāq menyebutkan lagi bahawa di kalangan jiran Nabi SAW yang menyakiti Nabi SAW di rumah baginda SAW ialah Abu Lahab, al-Ḥakam bin al-‘Āṣ bin Umayyah, ‘Uqbah bin Abī Mu’īṭ, Wa’dī bin Hamrā’ al-Thaqafiy, Ibn al-Asda’ al-Huzaliy, hanya seorang sahaja daripada mereka yang memeluk Islam iaitu al-Hakam bin al-‘Āṣ.²³⁴ Selain itu juga, al-Jābirī menjelaskan bahawa penurunan surah al-Jin ialah setelah kembalinya Rasulullah SAW daripada kota Ṭa’if. Penurunan surah al-Jin berlaku pada tahun ke sepuluh kenabian, setelah berakhirnya pengempungan kaum Quraysh terhadap keluarga Bani Hashim.²³⁵

Selanjutnya, Ḥabannakah dalam *Ma‘ārij al-Tafakkur* menerangkan pelajaran sirah menerusi perbahasan berkenaan pelajaran pada setiap surah. Misalnya pada surah al-Mudaththir²³⁶, Ḥabannakah menyatakan terdapat lima pelajaran utama terkandung dalam surah al-Mudaththir dan ianya meliputi sirah awal perjalanan dakwah Nabi SAW.

²³¹ *Qirāat al-Quran bi al-Sīrah wa Qirāat al-Sīrah bi al-Qurān*.

²³² Muhammad bin Ishaq, seorang tokoh *sīrah al-Nabawiyah* yang terkenal dengan karya beliau iaitu *al-Sīrah al-Nabawiyah* ataupun *Sīrah Ibn Ishāq*

²³³ Hal ini menunjukkan al-Jābirī berpada dengan riwayat Ibn Ishāq.

²³⁴ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsah al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah, 2008), 1: 33.

²³⁵ Ibid, 1:233

²³⁶ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur Wa Daqā’iq al-Tadabbur*, 1:surah al-Mudaththir

Pelajaran utama daripada surah al-Mudaththir merupakan tuntutan Allah SWT agar Nabi SAW menyampaikan risalah ilahi dan peringatan kepada mereka yang mendustakan Nabi SAW, dengan azab yang kekal di akhirat serta tuntunan wahyu dalam mendepani tentangan dakwah daripada pembesar musyrikin. Selain itu juga, Ḥabannakah turut menyatakan beberapa riwayat sirah (bagi menguatkan hujjah beliau)²³⁷ ketika menghuraikan ayat ketujuh dan kelapan surah al-Qalam,²³⁸ di mana Allah SWT melarang Nabi SAW menurut kemahuan musyrik walaupun dengan niat menarik mereka kepada agama. Dalam hal ini, Allah SWT melindungi Nabi SAW dengan menjadikan dakwah Nabi SAW berada di atas landasan manhaj rabbani, iaitu tidak mengikut kemahuan orang yang mendustakan agama Allah serta menjelaskan kebatilan aqidah musyrik Mekah yang menyembah berhala. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua ilmuwan ini memberi perhatian yang lebih pada penerangan sirah Nabi SAW dan perbezaan antara kedua-duanya adalah pada persembahan penerangan sirah. Ḥabannakah menerangkan sirah pada pentafsiran dengan merujuk kepada riwayat hadith dan riwayat sirah, manakala al-Jābirī memfokuskan pada kerangka masa penurunan dan perkaitan sirah Nabi SAW serta berpada dengan riwayat sirah nukilan daripada kitab Ibn Ishāq.

Sebagai kesimpulan, Ḥabannakah dan al-Jābirī memberikan perhatian pada *asbāb al-Nuzūl*, *isrā'iliyyāt*, ilmu *qirāāt*, dan *sīrah al-Nabawiyyah* menerusi karya tafsir mereka. Namun demikian, terdapat perbezaan pada kedua-dua ilmuan tersebut, dalam memperincikan perbincangan tersebut. Manakala kerangka pemikiran tafsir al-Jābirī

²³⁷ 'Abd al-Rahmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:216.

²³⁸ Surah al-Qalam ayat ketujuh dan kelapan

إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٧﴾ فَلَا تُطِعِ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾

Terjemahan: Sesungguhnya Tuhanmu, Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat petunjuk. Oleh itu (berpegang teguhlah pada ajaran Islam yang sedang engkau amalkan, dan) janganlah Engkau menurut kemahuan orang-orang yang mendustakan (agama Allah).

menerusi kaedah kritik turath beliau seperti *al-Faṣl*, *al-Waṣl*, dan *aṣālah al-Nas*. Secara umumnya, karya tafsir Ḥabannakah dan al-Jābirī menggunakan pendekatan tafsir gabungan antara *al-Riwāyah* dan *al-Dirāyah*, namun pendekatan tafsir al-Jabiri lebih kepada *al-Dirāyah*, manakala Ḥabannakah lebih mengutamakan penelitian dalam hal berkaitan *al-Riwāyah*.

4.5. Perbandingan Metodologi Penyusunan Surah *Makkiyyah* dan *Madaniyyah*

Metodologi adalah merupakan satu sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan ia juga diertikan sebagai disiplin.²³⁹ Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan susunan surah antara kedua-dua karya tafsir *tartīb al-Nuzūl* dalam menyusun surah-surah *makkiyyah* dan *madaniyyah*. Hal demikian kerana mereka berpandukan pada riwayat yang berbeza dan ijitihad serta kayu ukur yang berbeza dan dalam masa yang sama, tidak ada riwayat yang sahih dan muktamad dalam susunan penurunan keseluruhan surah. Justeru, pengkaji akan menunjukkan perbezaan susunan surah dalam jadual berikut :

Jadual 4.2 Perbezaan Susunan Surah *Makkiyyah*

	<i>Ma'ārij al-Tafakkur</i>	<i>Fahm al-Qurān</i>
1.	Al-'Alaq 19	Al-'Alaq
2.	Al-Mudaththir 56	Al-Mudaththir
3.	Al-Muzammil 20	Al-Masad
4.	Al-Qalam 52	Al-Takwīr
5.	Al-Fātihah 7	Al-A'lā
6.	Al-Masad 5	Al-Layl
7.	Al-Takwīr 29	Al-Fajr
8.	Al-A'lā 19	Al-Dhuha
9.	Al-Layl 21	Al-Sharh
10.	Al-Fajr 30	Al-'Aṣr
11.	Al-Dhuhā 11	Al-'Adiyāt
12.	Al-Sharh 8	Al-Kawthar
13.	Al-'Aṣr 3	Al-Takāthur

²³⁹ Kamus Dewan Ke-4, 1030, entri "metodologi". Lihat laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka dicapai 25 Julai 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=metodologi>.

14.	Al-‘Adiyāt	Al-Ma’ūn
15.	Al-Kawthar	Al-Kāfirūn
16.	Al-Takathur	Al-Fil
17.	Al-Ma’ūn	Al-Falaq
18.	Al-Kāfirūn	Al-Nās
19.	Al-Fīl	Al-Ikhlās
20.	Al-Falaq	Al-Fātihah
21.	Al-Nās	Al-Raḥmān
22.	Al-Ikhlās	Al-Najm
23.	Al-Najm	‘Abasa
24.	‘Abasa	Al-Shams
25.	Al-Qadr	Al-Burūj
26.	Al-Shams	Al-Tīn
27.	Al-Burūj	Quraysh
28.	Al-Tīn	Al-Qāri’ah
29.	Quraysh	Al-Zalzalah
30.	Al-Qāri’ah	Al-Qiyāmah
31.	Al-Qiyāmah	Al-Humazah
32.	Al-Humazah	Al-Mursalāt
33.	Al-Mursalāt	Qāf
34.	Qāf	Al-Balad
35.	Al-Balad	Al-Qalam
36.	Al-Ṭāriq	Al-Ṭāriq
37.	Al-Qamar	Al-Qamar
38.	Ṣād	Ṣād
39.	Al-A’rāf	Al-A’rāf
40.	Al-Jin	Al-Jin
41.	Yāsīn	Yāsīn
42.	Al-Furqān	Al-Furqān
43.	Fāṭir	Fāṭir
44.	Maryam	Maryam
45.	Ṭāha	Ṭāha
46.	Al-Wāqi’ah	Al-Wāqi’ah
47.	Al-Shu’arā’	Al-Shu’arā’
48.	Al-Naml	Al-Naml
49.	Al-Qaṣaṣ	Al-Qaṣaṣ
50.	Al-Isra’	Yūnus
51.	Yūnus	Hūd
52.	Hūd	Yūsuf
53.	Yūsuf	Al-Hijr
54.	Al-Hijr	Al-An’ām
55.	Al-An’ām	Al-Sāffāt
56.	Al-Sāffāt	Luqmān
57.	Luqmān	Saba’
58.	Saba’	Al-Zumar
59.	Al-Zumar	Ghāfir
60.	Ghāfir	Fuṣṣilāt
61.	Fuṣṣilāt	Al-Shūrā
62.	Al-Shūrā	Al-Zukhruf
63.	Al-Zukhruf	Al-Dukhān

64.	Al-Dukhān	Al-Jāthiyah
65.	Al-Jāthiyah	Al-Ahqāf
66.	Al-Ahqāf	Nūh
67.	Al-Dhāriyāt	Al-Dhāriyāt
68.	Al-Ghashiyah	Al-Ghāshiyah
69.	Al-Kahf	Al-Insān
70.	Al-Nahl	Al-Kahf
71.	Nūh	Al-Nahl
72.	Ibrāhīm	Ibrāhīm
73.	Al-Anbiyā'	Al-Anbiyā'
74.	Al-Mu'minūn	Al-Mu'minūn
75.	Al-Sajadah	Al-Sajadah
76.	Al-Ṭūr	Al-Ṭūr
77.	Al-Mulk	Al-Mulk
78.	Al-Hāqqāh	Al-Hāqqāh
79.	Al-Ma'ārij	Al-Ma'ārij
80.	Al-Naba'	Al-Naba'
81.	Al-Nāzi'at	Al-Nāzi'at
82.	Al-Infīṭār	Al-Infīṭār
83.	Al-Inshiqāq	Al-Inshiqāq
84.	Al-Rūm	Al-Muzammil
85.	Al-'Ankabūt	Al-Ra'd
86.	Al-Muṭaffifīn	Al-Isrā'
87.	-	Al-Rūm
88.	-	Al-Ankabūt
89.	-	Al-Muṭaffifīn
90.	-	Al-Ḥajj

4.5.1.(a) Susunan Surah Makiyyah

Perbezaan susunan surah *makiyyah* kedua-dua kitab tafsir²⁴⁰ adalah berasaskan kepada pemilihan riwayat *tartīb al-Nuzūl* yang berbeza, dan berkemungkinan besar Ḥabannakah memilih riwayat daripada Ibn 'Abbās.²⁴¹ Berdasarkan jadual 4.2, kelihatan sangat jelas perbezaan dalam menentukan penurunan al-Quran, ini adalah kerana penentuan surah menurut Ḥabannakah²⁴² adalah berdasarkan pada sumber periwayatan, manakala al-Jābirī menetapkan susunan berdasarkan penelitian beliau terhadap riwayat dan garis ukur sesebuah surah. Hanya 30 surah sahaja sama susunan antara kedua

²⁴⁰ Persamaan surah *makiyyah* hanya 33 peratus sahaja daripada keseluruhan surah *makiyyah* (pengkaji gelapkan susunan surah yang sama).

²⁴¹ *Manhaj Ḥabannakah* 132, Ḥabannakah juga menyebutkan bahawa beliau berpegang kepada susunan yang ada pada mushaf Shaykh Ali Khalaf.

²⁴² Surah *makiyyah* (33 surah) yang mengandungi ayat *madaniyyah* ialah surah al-Qalam, al-Muzammil, al-Najm, al-Mursalāt, qaf, al-A'rāf, Yāsin, al-Furqān, maryam, ṭaha, al-Waqi'ah, al-Shu'arā', al-Qaṣaṣ, al-Isrā', yūnus, hūd, yūsuf, al-Ḥijr, al-An'ām, luqmān, saba', al-Zumar, ghāfir, al-Shūra, al-Zukhruf, al-Jāthiyah, al-Ahqāf, al-Kahf, al-Nahl, ibrahim, al-Sajadah, al-Rūm, dan al-Ankabūt.

mereka. Sebagai contoh perbezaan antara kedua-dua tafsir tersebut, al-Jābirī meletakkan surah al-Masād sebagai surah ketiga dan surah al-Takwīr sebagai surah keempat, manakala menurut Ḥabannakah surah yang ketiga merupakan surah al-Muzammil dan surah keempat ialah surah al-Qalam, dan surah al-Ḥajj menurut al-Jābirī merupakan surah *makkiyyah* terakhir. Namun demikian, menurut Ḥabannakah (ketika menjelaskan kajian penurunan surah al-Muzammil), setelah meneliti riwayat al-Bukhārī dan riwayat daripada Jābir perihal surah al-Mudaththir, dan juga permulaan surah al-Muzzammil, Ḥabannakah mentarjih surah al-Muzammil sebagai surah ketiga *makkiyyah* dan pendapat beliau selari dengan pendapat Muhammad Ali Khalaf²⁴³. Selain daripada itu juga, jumlah surah *makkiyyah* antara karya Ḥabannakah dan al-Jābirī juga berbeza kerana Ḥabannakah meletakkan surah *makkiyyah* sebanyak 86 surah yang berakhir dengan surah al-Muṭaffifīn, manakala jumlah surah *makkiyyah* dalam tafsir *Fahm al-Qurān* adalah sebanyak 91 surah. Perbezaan dalam menentukan surah yang ketara ini menunjukkan kaedah pentafsiran juga akan berbeza dari sudut pentafsiran al-Quran dengan *riwāyah* atau *dirāyah*.

Menurut al-Jābirī, garis penentuan susunan surah adalah dengan menghimpunkan kesemua maklumat *tartīb al-Nuzūl*, kemudiannya meneliti batasan pemisah antara surah *makkiyyah* dan *madaniyyah* dengan merujuk kepada pendapat yang *arjah* ataupun lebih kuat. Seterusnya, melihat pada gaya bahasa terkandung dalam surah dan isi kandungan surah kerana gaya bahasa dan kandungan surah antara surah *madaniyyah* dan *makkiyyah* adalah berbeza.

Selain itu juga, garis ukur penentuan susunan sesuatu surah juga disebutkan oleh al-Jābirī, bahawa beliau berpandukan pada garis ukur menentukan *al-Makkiy* dan *al-*

²⁴³ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1: 151.

Madaniy, dan seterusnya surah-surah al-Quran dan peristiwa sirah yang berlaku.²⁴⁴ Sebagai contoh, dalam memutuskan surah *makkiyyah* atau *madaniyyah* seperti surah al-Zalzalah merupakan (surah 93). Terdapat perbezaan pendapat antara Ibn Abbās, Ibn Mas'ūd, Mujāhid, Ḍaḥḥāk, 'Aṭo' mengatakan surah al-Zalzalah surah *makkiyyah*, manakala Qatādah dan Muqātil menegaskan bahawa ianya surah *madaniyyah*.

Menurut al-Jābirī dalam mukaddimah surah al-Naṣr, beliau menyebutkan bahawa sebahagian besar ilmuan tafsir berpendapat bahawa maksud perkataan *al-Naṣr* dan *al-Fatḥ* dalam firman Allah dalam ayat pertama surah al-Naṣr (إِذَا جَاء نَصْرُ اللَّهِ وَالْفَتْحِ) merujuk kepada peristiwa pembukaan Mekah (*fatḥ al-Makkah*) iaitu pada tahun ke-8 H, akan tetapi beliau mengatakan bahawa tidak sesuai dengan logik sejarah yang menunjukkan *fatḥ makkah* berlaku pada bulan Ramadhan tahun ke-8 H. Berdasarkan kenyataan al-Jābirī berikut, pengkaji mendapati bahawa al-Jābirī banyak mengemukakan logik dalam memahami al-Quran.

4.5.1. (b) Susunan Surah Madaniyyah²⁴⁵

Jadual 4.3 Susunan Surah *Madaniyyah*

Susunan Surah	Ḥabannakah	Al-Jābirī
1	Al-Baqarah	Al-Baqarah
2	Al-Anfāl	Al-Qadr
3	Āli Imrān	Al-Anfāl
4	Al-Aḥzāb	Āli Imrān
5	Al-Mumtaḥinah	Al-Aḥzāb
6	Al-Nisā'	Al-Mumtaḥinah
7	Al-Zalzalah	Al-Nisā'
8	Al-Hadid	Al-Ḥadīd
9	Muhammad	Muḥammad
10	Al-Ra'd	Al-Ṭalāq
11	Al-Rahmān	Al-Bayyinah

²⁴⁴ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Madkhal ilā al-Qurān fī al-Ta'rīf bi al-Qurān*, (Beirut, Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-'Arabiyyah, 2006), 245-247.

²⁴⁵ Ḥabannakah hanya sempat menulis tafsir sehingga akhir surah *makkiyyah* dan tidak sempat menyempurnakan surah *madaniyyah* kerana ketika dalam proses menyempurnakan tafsiran surah *makkiyyah* beliau telah sakit.

12	Al-Insān	Al-Ḥashr
13	Al-Talāq	Al-Nūr
14	Al-Bayyinah	Al-Munāfiqūn
15	Al-Ḥashr	Al-Mujādilah
16	Al-Nūr	Al-Ḥujurāt
17	Al-Ḥajj	Al-Tahrīm
18	Al-Munāfiqūn	Al-Taghābun
19	Al-Mujādilah	Al-Saf
20	Al-Ḥujurāt	Al-Jumu'ah
21	Al-Tahrīm	Al-Fath
22	Al-Taghābūn	Al-Mā'idah
23	Al-Saff	Al-Tawbah
24	Al-Jumu'ah	Al-Naşr
25	Al-Fath	-
26	Al-Mā'idah	-
27	Al-Tawbah	-
28	Al-Naşr	-

Melihat kepada susunan surah *madaniyyah* pada jadual 4.3, ternyata terdapat perbezaan pendapat antara Ḥabannakah dan al-Jābirī dalam meletakkan surah *madaniyyah*. Namun demikian, dalam penulisan tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur*, Ḥabannakah hanya sempat mentafsirkan surah al-Baqarah sahaja. Susunan surah *madaniyyah* menurut Ḥabannakah, pengkaji nukilkan daripada karya Ḥabannakah yang lain iaitu *Qawā'id al-Tadabbur al-Amthal*.²⁴⁶ Antara contoh perbezaan ialah seperti surah al-Raḥmān, al-Insān, dan al-Ra'd, di mana al-Jābirī menyatakan bahawa surah al-Raḥmān merupakan surah *makkiyyah* yang diturunkan pada peringkat pertama penurunan al-Quran²⁴⁷. Namun, Ḥabannakah mengatakan bahawa surah al-Raḥmān merupakan surah *madaniyyah* dan keseluruhannya adalah surah *madaniyyah*. Selanjutnya, menurut al-Jābirī surah al-Insān merupakan surah yang diperselisih oleh para ulama' *'ulūm al-Qurān* dalam menetapkan surah *makkiyyah* ataupun surah *madaniyyah*. Namun, al-Jābirī berpandangan bahawa surah al-Raḥmān adalah surah *makkiyyah* berdasarkan

²⁴⁶ Lihat 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id Tadabbur al-Amthal*, (Dimashq, Dar al-Qalam, 2009), 183-184.

²⁴⁷ Al-Jābirī menyatakan bahawa surah al-Raḥmān menurut kebanyakan ulama' ialah surah *madaniyyah*, namun beliau mendatangkan riwayat 'Urwah bin Zubayr yang menyebutkan bahawa orang yang pertama membaca al-Quran dengan lantang di Mekah ialah 'Abdullah bin Mas'ūd dan beliau membaca surah al-Raḥmān. Riwayat kisah ini disebutkan juga dalam kitab *al-Sīrah al-Nabawiyah* oleh Ibn Hishām. Lihat Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Hakīm*, 1:83

pendapat Ibn ‘Abbās, Ibn Abu Ṭalḥah, Qatādah, Muqātil dan Ibn Mas‘ūd.²⁴⁸ Begitu juga dengan surah al-Ra‘d, Ḥabannakah menyatakan bahawa surah al-Ra‘d adalah surah *madaniyyah*, manakala al-Jābirī sebaliknya menyatakan surah al-Ra‘d adalah surah *makkiyyah*. Namun secara keseluruhan, surah *makkiyyah* menurut Ḥabannakah ialah sebanyak 86 surah, dan 33 surah daripada 86 surah *makkiyyah* mengandungi ayat *madaniyyah*. Manakala surah *madaniyyah* menurut Ḥabannakah ialah sebanyak 28 surah, dan 5 daripada surah *madaniyyah* iaitu surah al-Anfāl, al-Ra‘d, Muḥammad, al-Ḥajj, dan al-Tawbah mengandungi ayat *makkiyyah*. Oleh yang demikian, jumlah ayat yang telah diturunkan sebelum peristiwa hijrah (*makkiyyah*) ialah sebanyak 4910 ayat, dan ayat yang telah diturunkan selepas peristiwa hijrah Nabi SAW ke bumi Madinah (*madaniyyah*) ialah sebanyak 1756 ayat.

Jadual 4.4 Tema Peringkat Penurunan Surah Al-Quran Al-Jābirī

Peringkat	Susunan surah
<p>Peringkat Pertama: <i>Nubuwwah, Rububiyah dan Uluhiyyah</i> Kenabian, Ketuhanan, dan Keesaan</p>	<p><i>Istihlāl</i>, Al-‘Alaq (1-5), al-Muddathir (1-10), al-Masad, al-Takwīr, Al-A‘lā, al-Layl, al-Fajr al-Ḍuhā, al-Sharh, al-‘Ādiyāt, al-Kawthar, al-Takathur, al-Ma‘ūn, al-Kafirūn, al-Fīl, al-Falaq, al-Nās, al-Ikhlās, al-Fātiḥah, al-Raḥmān, al-Najm, ‘Abasa, al-Shams, al-Burūj, al-Tīn, Quraysh, <i>Istitrād</i></p>

²⁴⁸ Al-Jābirī memilih pandangan mengatakan surah al-Insān ialah surah *makkiyyah* adalah berdasarkan uslub gaya bahasa surah itu yang menggambarkan bahawa ianya adalah surah *makkiyyah* serta kandungan surah al-Insan yang mempunyai persamaan dengan surah sebelumnya. Ibid : 2:197

<p>Peringkat Kedua :</p> <p>Hari Kebangkitan, Hari Pembalasan, dan Peristiwa Hari Kiamat</p>	<p><i>Istihlāl</i>, al-Qāri‘ah, al-Zalzalah, al-Qiyāmah, al-Humazah, al-Mursalāt, Qāf, al-Balad, al-‘Alaq, (6-19), al-Mudaththir (11-56), al-Qalam, al-Ṭāriq, al-Qamar, <i>Istiṭrād</i></p>
<p>Peringkat Ketiga :</p> <p>Larangan Syirik dan Menyembah Berhala Dianggap Bodoh</p>	<p><i>Istihlāl</i>, Ṣād, al-A‘rāf, al-Jin, yāsin, al-Furqān, fāṭir, maryam, ṭaha, al-Wāqi‘ah, al-Shu‘āra’, al-Naml, al-Qaṣaṣ, Yūnus, Hūd, Yūsuf</p>
<p>Peringkat Keempat :</p> <p>Dakwah Terang-terangan dan Interaksi dengan Kabilah Arab</p>	<p>Al-Ḥijr, al-An‘ām, al-Sāffāt, Luqmān, Saba’, <i>Istiṭrād</i></p>

<p>Peringkat Kelima :</p> <p>Peristiwa Boikot Ke Atas Keluarga Nabi, Hijrah Ke Habshah</p>	<p><i>Istihlāl</i>, al-Zumar, ghāfir, fuṣṣilat, al-Shūra, al-Zukhruf, al-Dukhān, al-Jāṭhiyah, al-Ahqāf, <i>Istitrad</i></p>
<p>Peringkat Keenam</p> <p>Persediaan Hijrah Ke Madinah</p>	<p><i>Istihlāl</i>, al-Zariyat, al-Ghāshiyah, al-Insān, al-Kahfi, al-Naḥl, ibrahīm, al-Anbiyā', al-Mukminūn, al-Sajadah, al-Ṭūr, al-Mulk, al-Hāqqah, al-Ma'ārij, al-Naba', al-Nāzi'at, al-Infīṭar, al-Inshiqāq, al-Muzammil, al-Ra'd, al-Isrā', al-Rūm, al-Ankabūt, al-Muṭaffifīn, al-Ḥajj, <i>Istitrad</i></p>
<p>Peringkat Terakhir</p> <p>Rasulullah di Madinah</p>	<p><i>Istihlāl</i>, al-Baqarah, al-Qadr, al-Anfāl, Āli Imrān, al-Aḥzāb, al-Mumtahanah, al-Nisā', al-Ḥadīd, Muhammad, al-Ṭalāq, al-Bayyinah, al-Ḥasyr, al-Nūr, al-Munāfiqūn, al-Mujādalah, al-Hujurāt, al-Tahrīm, al-Taghābun, al-Ṣāf, al-Jumu'ah, al-Faṭḥ, al-Mā'idah, al-Tawbah, al-</p>

Berdasarkan penelitian jadual 4.4, menunjukkan perbezaan antara Ḥabannakah dan al-Jābirī, di mana al-Jābirī dengan cukup jelas ingin menggambarkan keterkaitan antara penurunan al-Quran dan sirah serta pendokong dakwah Nabi SAW. Sedangkan Ḥabannakah tidak ada menjelaskan perkaitan penurunan al-Quran dengan garis masa sepanjang kehidupan Nabi SAW sebagai seorang Nabi dan juga Rasul. Namun begitu, Ḥabannakah tetap menerangkan kerangka masa dan sirah Nabi SAW secara terperinci dalam pentafsiran beliau. Tema penurunan al-Quran tersebut, al-Jābirī berusaha kaitkan dengan sirah dan perjalanan dakwah Nabi SAW,²⁴⁹ dan beliau cuba untuk jelaskan bahawa setiap fasa dakwah Rasulullah SAW dipisahkan dengan wahyu dan ini menunjukkan bahawa dakwah Rasulullah SAW dibimbing oleh Allah SWT.

4.6 Perbandingan Persembahan Karya

a) Tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur Wa Daqā'iq al-Tadabbur*

Perbandingan persembahan karya diteliti pada sistematika penulisan. Pengkaji mulakan dengan penelitian terhadap Ḥabannakah menerusi karya tafsir *Ma'ārij al-Tafakkur*, penulis mendapati bahawa :

1. Ḥabannakah memulakan dengan membahaskan nama bagi setiap surah (mengikut susunan *tartīb al-Nuzūl*), samada surah dibahaskan mempunyai satu nama atau beberapa nama. Selanjutnya, beliau mengupas susunan surah mengikut mushaf dan susunan mengikut waktu turun, membicarakan juga kedudukan surah samada *makkiyyah* ataupun *madaniyyah* dan juga sebab penamaan surah. Sebagai contoh, surah Qāf mengikut turutan mushaf ialah

²⁴⁹ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1: 15.

surah ke-50, turutan turun wahyu ialah surah ke-34, dan keseluruhan surah ialah *makkiyyah* kecuali ayat 38 sebahagiannya *madaniyyah*²⁵⁰

- سورة ق

٥٠ مصحف ٣٤ نزول

مكية كلها إلا الآية (٣٨) منها فمدنية

2. Memuatkan teks penuh bagi surah yang ditafsirkan dan meletakkan perbincangan bacaan *Qiraat* di bahagian bawah halaman ataupun di bahagian nota kaki. Misalnya, pada kalimah **مِنَّا** pada ayat ke-3 surah Qaf :

أءِذَا مِتْنَا وَكُنَّا تُرَابًا ذَلِكْ رَجْعٌ بَعِيدٌ ﴿٣﴾

qaf 50: 3

Terjemahan: "Adakah (kita akan kembali hidup) sesudah kita mati dan menjadi tanah? itu adalah cara kembali yang jauh (dari kemungkinan, kerana jasad yang telah hancur tidak dapat diketahui lagi)".

Ḥabannakah telah menjelaskan bahawa bacaan qiraat Nāfi', Hafṣ, Hamzah, al-Kisā'iy dan Khalaf membaca huruf mim (**مِنَّا**) dengan baris bawah, manakala qiraat yang berbaki membaca huruf mim dengan baris hadapan dengan **مِنَّا**²⁵¹

3. Menyebutkan riwayat yang terdapat pada sunnah Nabi SAW tentang surah yang ditafsirkan dengan menyebutkan : terkandung dalam sunnah tentang surah ini begini dan begini, ataupun diriwayatkan daripada Nabi SAW berkaitan perihal surah ini begini dan begini. Sebagai contoh pada surah qāf: "Rasulullah SAW memberikan perhatian yang khas terhadap surah qāf dan terdapat beberapa hadith yang menyebutkannya, antaranya hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Quṭbah bin Mālik bahawa :

²⁵⁰ Pengenalan surah Qāf. Lihat: 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 3:5.

²⁵¹ 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 3:7.

(كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقْرَأُ فِي الْفَجْرِ فِي الرُّكْعَةِ الْأُولَى ق - وَالْقُرْآنَ الْمَجِيدَ)

Terjemahan: Nabi SAW pernah membaca surah Qaf pada rakaat pertama solat subuh.²⁵²

4. Menyebutkan topik-topik ataupun tema-tema bagi setiap surah. Sebagai contoh : tema surah al-‘Alaq ialah tuntutan memperoleh ilmu, tema surah al-‘Aşr berkaitan nilai kepentingan masa dalam kehidupan dunia dan umur merupakan aset untuk kebahagiaan yang berpanjangan di akhirat kelak.²⁵³
5. Membahagikan setiap surah kepada beberapa pecahan pelajaran²⁵⁴ dan di sini terserlah kehebatan Ḥabannakah dalam menghuraikan tafsir *mawḍu’iy*, dan pelajaran yang dibahaskan bergantung kepada panjang dan pendek surah yang ditafsirkan(kadang-kadang surah pendek mengandungi banyak pelajaran). Sebagai contoh, Ḥabannakah menjelaskan bahawa pada surah al-Takwīr terkandung dua pelajaran iaitu pelajaran pertama mengandungi dua bahagian, di mana bahagian pertama merupakan perkara yang akan terjadi ketika berlakunya kiamat iaitu semua makhluk dimatikan. Manakala bahagian kedua merupakan peristiwa kebangkitan dan berlakunya pengadilan. Seterusnya pelajaran kedua merangkumi pengesahan kebenaran risalah yang disampaikan oleh Nabi dan penegasan bahawa al-Quran merupakan kitab yang diturunkan oleh Allah SWT.²⁵⁵
6. Memulakan tafsir *tahlīlīy* bagi setiap pelajaran surah, setiap pelajaran pada kebiasaanya mengandungi beberapa ayat maka Ḥabannakah menerangkan perincian tafsiran bagi ayat yang terkandung dalam setiap pelajaran surah. Selain itu, Ḥabannakah juga memberikan penjelasan bentuk qiraat jika terdapat

²⁵² Ibid, 3:10.

²⁵³ Ibid, 1: 606.

²⁵⁴ Sebagai contoh setiap lima ayat mengandungi satu pelajaran penting, maka Habannakah menfokuskan perbahasan bagi pelajaran bagi lima ayat tersebut.

²⁵⁵ ‘Abd al-Rahmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1:398.

perbahasan bacaan qiraat dan beliau turut memberikan penumpuan pada huraian makna perkataan lafaz al-Quran. Disamping itu juga, Ḥabannakah juga turut membahaskan pandangan-pandangan ulama' tafsir klasik dalam hal berkaitan perbahasan tafsir sebagai suatu bentuk perbahasan ilmiah.

7. Dalam hal berkaitan dengan rujukan huraian tafsir, Ḥabannakah menggunakan rujukan luar atau rujukan dalam. Rujukan dalam bermaksud bahawa Ḥabannakah dalam penerangannya, merujuk kepada huraiannya yang sebelum yang telah beliau huraikan. Manakala rujukan luar, merujuk kepada rujukan kepada karya beliau yang lain ataupun merujuk kepada karya tokoh ulama' yang lain.

b) Tafsir *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm*

Seterusnya, merujuk kepada metode al-Jābirī dalam menyusun penulisan tafsir. 'Ābid al-Jābirī menggunakan beberapa istilah yang baru dalam penulisan tafsir antaranya adalah seperti berikut:

- a. *istihlāl*
- b. *taqdīm*
- c. *naṣ al-Ayat*
- d. *ḥawāmish*
- e. *ta'liq*
- f. *istiṭrād*

Dalam penulisan tafsir *Fahm al-Qurān*, sistematika surah hasil ijtihad al-Jābirī adalah melihat kepada logik sejarah dan logik struktur teks. Antara lain, al-Jābirī menegaskan bahawa al-Quran mempunyai keterkaitan dengan fasa *sīrah* Nabi SAW serta dakwah Nabi SAW.

Pertama, beliau memberi pengantar atau beliau sebutkan sebagai *istihlāl*, bagi setiap peringkat atau tahapan yang mengandungi sejumlah bilangan surah al-Quran. Dalam *istihlāl*, al-Jābirī menerangkan keterkaitan atau *munāṣabah* secara umum antara

surah bagi setiap *marhalah*, selain itu al-Jābirī turut menjelaskan kepada siapa surah-surah ditujukan (*mukhatab*). Pada pandangan al-Jābirī, surah-surah tersebut memiliki kesatuan tema dalam peringkat turun al-Quran dan kaitan dengan dakwah Nabi SAW. Sebagai contoh *istihlāl* pertama, al-Jābirī mulakan sebelum memasuki tafsiran surah al-‘Alaq, namun di permulaan surah al-Mudathhir tidak ada lagi *istihlāl*²⁵⁶. Oleh kerana itu, al-Jābirī menerusi *istihlal* yang pertama menyebutkan bahawa surah-surah yang awal diturunkan dapat dibezakan pada pendek ayat dan gaya bahasa yang khusus²⁵⁷. Selain itu juga, al-Jābirī menyatakan bahawa penurunan awal

Kedua, al-Jābirī menulis pendahuluan (*taqdīm*) yang secara umumnya beliau huraikan berkenaan beberapa riwayat atau pandangan ulama’ terdahulu mengenai surah yang akan ditafsirkan dan merangkumi riwayat *sabab al-Nuzūl*, penetapan surah *makkiy* atau *madaniy*, susunan surah mengikut turutan turun dan *munāsabah* antara surah sebelum dan surah selepasnya. Misalnya, pada *taqdīm* surah al-Muddaththir, al-Jabiri menjelaskan bahawa surah al-Muddaththir telah dinyatakan sebagai surah yang keempat diturunkan, meskipun begitu, majoriti mufassir menyatakan surah al-Muddaththir merupakan surah yang kedua. Justeru, al-Jābirī menetapkan bahawa surah al-Muddaththir sebagai surah yang kedua diturunkan.²⁵⁸ Seringkali juga dapat diperhatikan al-Jābirī memberi pandangan dalam hal berkaitan sirah dakwah dan aspek literal al-Quran pada ruangan *taqdīm*.

Selanjutnya, penulisan teks al-Quran ataupun *naṣ al-Ayat*, pada bahagian ini al-Jābirī bertujuan mempermudah pembaca karyanya untuk mendapat gambaran pokok pelajaran yang dijelaskan dalam ayat serta menghubungkan dengan sejarah dakwah. Selain itu, penulisan ayat al-Quran disertai nombor ayat seperti dalam *muḥaf* dan juga

²⁵⁶ Tidak semua surah mempunyai *istihlāl* ataupun pengantar.

²⁵⁷ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1:19.

²⁵⁸ Ibid 24

disertai penjelasan makna kata dari segi bahasa atau kesatuan pemahaman *siyāq al-Ayat*.

Contoh tulisan *naṣ al-Ayat* surah al-Muddaththir :

قُمْ فَأَنْذِرْ (بلغ ما يوحي إليك)

Terjemahan: Bangunlah serta berilah peringatan (sampaikanlah wahai Muhammad SAW apa yang telah diwahyukan kepadamu).

Pada ayat kedua surah al-Muddaththir, al-Jābirī telah menambah huraian ringkas dan diletakkan dalam kurungan sebagai penjelasan makna.

Keempat, *ta'liq* merupakan bahagian ulasan atau tafsiran kepada surah yang ingin ditafsirkan. Selain itu juga, bahagian *ta'liq* turut dimuatkan huraian tafsir dari mufassir lain dan diikuti ulasan lanjut oleh al-Jābirī. Pada masa yang sama al-Jābirī berusaha merungkaikan persoalan-persoalan berkaitan kandungan surah

Kelima, nota kaki (*al-hawāmish*) merujuk kepada beberapa rujukan kitab-kitab tafsir utama seperti tafsir al-Rāzī, tafsir *al-Kashshāf*, tafsir al-Qurṭubiy dan lain-lain. Selain itu juga, al-Jābirī memuatkan ulasan dan syarahan ringkas dan padat terhadap ayat ataupun kumpulan ayat, serta pandangan khusus ulama' tafsir berkaitan ayat yang ditafsirkan.

Keenam, *istiṭrād*²⁵⁹ mengandungi penjelasan tema secara kelompok bagi surah-surah yang ditafsirkan. Sebagai contoh, al-Jābirī memulakan tafsir beliau dengan surah al-‘Alaq, tafsiran ini sesuai dengan manhaj *tartīb al-Nuzūl* dalam memahami al-Quran:

أَقْرَأَ بِأَسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② أَقْرَأَ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ③
الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَم ⑤

al-‘Alaq 96: 1-5

²⁵⁹ *Istiṭrād* mengandungi perbincangan tentang 1-tuhan, Allah, al-Raḥmān, 2- kebangkitan, 3- tauhid, berhala, gambar, 4- dakwah di pasar dan musim haji, 5- hidayah dan kesesatan, 6-hijrah ke Madinah.

Terjemahan: Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu Yang menciptakan (sekalian makhluk), Dia menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.

Sebelum memulakan tafsiran, al-Jābirī menerangkan kenapa surah yang pertama ini dimulakan dengan perintah menyebut nama tuhan. Selain itu, al-Jābirī berusaha mengaitkan sejarah untuk menjawab persoalan dan menerapkan konteks budaya dan tradisi masyarakat Arab ketika itu yang membiasakan menyebut salah satu nama tuhan mereka ketika mereka hendak melakukan sesuatu, seperti menyebut nama al-Lāta, al-Uzzā dan sebagainya. Maka dengan itu, al-Jābirī mengaplikasikan teori beliau *ja'lu al-Qurān mu'āsiran lahu*.²⁶⁰

Selain itu, sebagai contoh, pentafsiran surah al-Duhā, al-Jābirī mendatangkan kesemua riwayat berkaitan sirah disebalik surah. Hal yang demikian, supaya dapat menelusuri hubungan antara wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT dan situasi keadaan Nabi Muhammad SAW serta realiti semasa masyarakat Arab pada ketika itu. Dalam penelitian al-Jābirī, beliau mendapati bahawa meskipun riwayat yang menunjukkan kesedihan baginda Nabi SAW disebabkan oleh *al-Fatrah*²⁶¹, yang dianggap oleh majoriti ahli tafsir sebagai konteks penurunan (*sabab al-Nuzūl*) ayat. Namun demikian, al-Jābirī menolak riwayat tersebut kerana menganggap tidak selari dengan struktur, konteks dan logik ayat terutamanya pada ayat ke-4 surah al al-Dhuhā :

وَلَلْآخِرَةُ خَيْرٌ لَّكَ مِنَ الْأُولَىٰ ﴿٤﴾

²⁶⁰ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Hakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1: 21.

²⁶¹ Peristiwa terputusnya wahyu.

Terjemahan : dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya.

Selanjutnya, pendekatan al-Jābirī dalam mentafsirkan al-Quran yang berbeza iaitu prinsip *al-Faṣl*²⁶² ataupun *faṣl al-Maqrū' 'an al-Qārī'*. Ianya merujuk kepada konsep menjaga objektif teks, serta menjaga kemurnian kandungan teks wahyu daripada analisis dan kefahaman ahli tafsir. Pembaca al-Quran harus meletakkan jarak antara dirinya dengan al-Quran. Tahap ini merupakan langkah menuju objektif iaitu membebaskan diri dari kefahaman yang sedia ada. Pembaca al-Quran harus merenung bagaimana al-Quran berbicara menerusi teks al-Quran dengan dimensi ruang dan waktu al-Quran turun. Manakala, *al-Waṣl*²⁶³ ataupun *waṣl al-Qārī bi al-Maqrū'* merupakan lanjutan dari konsep pembacaan teks yang dikemukakan oleh al-Jābirī iaitu *al-Faṣl*. Menurut al-Jābirī, ianya merupakan pendekatan sejarah dan usaha mencapai rasional, membumikan al-Quran sesuai dengan konteks zaman, sosiologi zaman ataupun memahami unsur yang terkandung dalam teks. Pendekatan ini bertujuan untuk menghubungkan antara pemikiran teks dengan konteks sejarah, budaya, ideologi politik, dan ruang sosial yang menaungi teks.²⁶⁴

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kedua-dua tokoh mempunyai gaya tersendiri dalam mempersembahkan karya mereka dan kedua-duanya sarat dengan ilmu yang bermanfaat. Terdapat beberapa perbezaan antara Ḥabannakah dan al-Jābirī, antaranya adalah:

²⁶² Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Nahnu Wa Al-Turāth Qirāat Mu'āṣarah Fi Turāthina al-Falsafī*, Cet.6 (Beirut, al-Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiyy, 1993), 21.

²⁶³ Muhammad 'Ābid al-Jābirī, *Nahnu Wa Al-Turāth Qirāat Mu'āṣarah Fi Turāthina al-Falsafī*, Cet.6 (Beirut, al-Markaz al-Thaqāfiy al-'Arabiyy, 1993), 25.

²⁶⁴ Fahmi Khumaini, *Pemikiran Pendidikan Muhammad 'Ābid al-Jābirī (Studi Tafsir Surah Luqmān Ayat 12-19 dalam Kitabnya Fahm al-Qurān al-Ḥakīm al-Tafsīr al-Wadīh Hasb al-Tartīb an-Nuzūl)*, tesis Sarjana, (Yogyakarta, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga, Fakulti Ilmu Tarbiyah dan Keguruan, 2017), 30-31.

1. Ḥabannakah mengelaskan perbahasan setiap surah kepada beberapa pelajaran surah sesuai dengan topik surah, manakala al-Jābirī menumpukan perbahasan pada bahagian *ta'liq* dengan menghuraikan pembahagian tema yang telah digariskan berdasarkan peringkat-peringkat penurunan. Hal ini sedikit berbeza dengan Ḥabannakah yang tidak meletakkan peringkat-peringkat penurunan atau garis masa penurunan al-Quran serta surah-surah yang terangkum dalam garis masa tersebut.
2. Ḥabannakah membahaskan perbezaan bacaan *qirāāt* yang terkandung dalam ayat yang ditafsirkan dan beliau menyusun perbahasan dengan cukup baik dan teratur dalam ruangan khas berkaitan *qirāāt*. Dalam hal ini, Ḥabannakah kelihatan lebih terkehadapan dalam membahaskan ilmu *qirāāt* al-Quran berbanding al-Jābirī dan Ḥabannakah berpegang kepada *al-Qirāat al-Ashar* iaitu *qirāāt* sepuluh²⁶⁵. Manakala al-Jābirī tidak menumpukan pada perbahasan bacaan *qirāāt*.
3. Metode mentafsirkan al-Quran yang digunapakai Ḥabannakah dalam penulisan tafsirnya adalah metode *taḥlīlī*, hal ini kerana beliau berupaya menjelaskan pelbagai aspek yang terkandung dalam al-Quran merangkumi perincian bahasa Arab, balaghah dan sebagainya. Manakala al-Jābirī mentafsirkan al-Quran secara *ijmālī*. Justeru, metode ini merupakan perbezaan ketara antara al-Jābirī dan Ḥabannakah.
4. Dalam hal berkaitan pembahagian kepada tema-tema tertentu, al-Jābirī membahagikan kepada peringkat, dan kisah juga mempunyai peringkat. Hal ini membuktikan usaha al-Jābirī memahami al-Quran dengan konteks sirah dan dakwah Nabi SAW.

²⁶⁵ Kaedah ke-40, 'Abd al-Rahman Habannakah, *Qawā'id Tadabbur al-Amthal*, (Dimashq, Dar al-Qalam, 2009), 710.

5. Pendekatan tafsir al-Ma'thūr ataupun al-Riwāyah²⁶⁶, kedua-dua tokoh mengemukakan pentafsiran al-Quran dengan merujuk kepada huraian daripada al-Quran, *al-Sunnah al-Nabawiyah*, huraian sahabat dan tābi'in. Dalam mentafsirkan al-Quran kedua-dua tokoh mengutamakan tafsiran berdasarkan riwayat dahulu sebelum menambah atau beralih kepada tafsiran *al-Ra'y*. Metode pentafsiran al-Quran dengan al-Quran ataupun dikenali dengan pentafsiran *bi al-Ma'thūr* ialah kaedah terbaik dalam mentafsirkan al-Quran berdasarkan pandangan jumur ulama'. Usul pentafsiran ini digunakan dalam mentafsirkan makna lafaz dan ayat al-Quran. Di mana, kedua tokoh ini menerangkan makna ayat al-Quran dengan ayat al-Quran yang lain. Kedua, Ḥabannakah menggunakan tafsir *al-Riwāyah* dalam menjelaskan kesatuan antara nas-nas al-Quran.²⁶⁷ Pengkaji mendapati Ḥabannakah menggunakan metode ini dalam menjelaskan kepentingan *tartīb al-Nuzūl*. Sebagai contoh, ketika beliau mentafsirkan nikmat yang disebutkan dalam surah al-Duḥā, Ḥabannakah menjelaskan bahawa nikmat yang dimaksudkan dalam ayat ialah nikmat diberikan petunjuk Islam, nikmat diturunkan ayat al-Quran yang mengandungi risalah wahyu daripada Allah SWT.²⁶⁸
6. Perbandingan dalam berinteraksi dengan riwayat hadith dan *isrā'iliyyāt*, Ḥabannakah dengan jelasnya menyebutkan bahawa beliau hanya menerima riwayat yang sahih sahaja dan beliau sangat berhati-hati dalam mengemukakan riwayat *isrā'iliyyāt*.
7. Berdasarkan analisis terhadap penekanan dua tokoh terhadap aspek linguistik al-Quran, penulis mendapati Ḥabannakah konsisten terhadap

²⁶⁶ Menafsirkan al-Quran dengan al-Quran, al-Quran dengan al-Sunnah, al-Quran dengan perkataan sahabat dan tabi'in.

²⁶⁷ Manhaj Ḥabannakah UJ 103

²⁶⁸ Hal ini menurut Ḥabannakah, disebutkan oleh Allah SWT secara jelas menerusi surah al-Qalam, surah al-Ṭūr, al-Ankabūt, al-Faḥ, dan al-Mā'idah.

penekanan aspek linguisitik al-Quran. Hal ini sekaligus menyerlahkan kredibiliti Ḥabannakah dalam aspek ulasan bahasa dari sudut makna, nahu, sorof dan balaghah. Pengkaji mendapati bahawa Ḥabannakah mempunyai kelebihan menggunakan bahasa dan penjelasan makna ayat lebih teliti dan halus. Sesuai dengan kepakaran yang dimiliki Ḥabannakah dan pengarapan hasil karya beliau yang lain dalam bidang bahasa Arab seperti *al-Balāghah al-‘Arabiyyah Asāsuha wa Ulūmuha*, *Qawā‘id al-Tadabbur al-Amthal* yang juga mengandungi perbincangan dari sudut bahasa dan lain-lain. Ḥabannakah kelihatan berupaya menyusun ayat yang panjang dan tidak membosankan.

8. Gaya bahasa kedua-dua karya tafsir, pengkaji mendapati bahawa Ḥabannakah mempunyai kelebihan menggunakan bahasa dan penjelasan makna ayat lebih teliti dan halus. Sesuai dengan kepakaran yang dimiliki Ḥabannakah dan pengarapan hasil karya beliau yang lain dalam bidang bahasa Arab seperti yang telah disebutkan. Ḥabannakah kelihatan berupaya menyusun ayat yang panjang dan tidak membosankan seperti Namun demikian, al-Jābirī juga turut mengulas berkaitan aspek bahasa ketika mentafsirkan surah al-Jin, beliau menerangkan jin, iblis dan syaitan dari sudut bahasa dan perbincangannya.
9. Pendekatan tafsir al-Jābirī ialah kepada rekonstruksi²⁶⁹ dalam memahami al-Quran. Menurut al-Jābirī, dalam mentafsirkan al-Quran seorang pentafsir mestilah meneliti tiga perkara utama, iaitu apa yang difikirkan, apa yang tidak dapat difikirkan dan apa yang terbuka untuk difikirkan. Sebagai contoh pentafsiran al-Jābirī, dalam mentafsirkan surah al-Ḍuḥā, di awal pentafsiran al-Jābirī menghimpunkan riwayat-riwayat berkaitan sejarah

²⁶⁹ Rekonstruksi merujuk kepada perbuatan membentuk gambaran, tentang sesuatu peristiwa lalu dgn mengumpulkan dan menjalinkan maklumat yang (dapat) diperoleh. Lihat laman sesawang Dewan Bahasa dan Pustaka dicapai 9 November 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rekonstruksi>.

ayat. Hal ini dilakukan agar dapat menelusuri hubungan antara teks wahyu dan keadaan Nabi SAW dan realiti masyarakat Arab. Dalam masa yang sama, meskipun riwayat yang menunjukkan kesedihan Nabi Muhammad SAW disebabkan *al-Fatrah*, al-Jābirī menilai bahawa riwayat tidak sesuai dengan struktur, konteks dan logik ayat, khususnya hubungan ayat ke-4 (لَيْ خَيْرٌ لَّكَ مِنْ أُطَىٰ) (dan sesungguhnya kesudahan keadaanmu adalah lebih baik bagimu daripada permulaannya)²⁷⁰ dengan ayat sebelumnya. Di sini, al-Jābirī menegaskan bahawa penting untuk memahami al-Quran selari dengan konteks Nabi Muhammad SAW dan juga masyarakat Arab pada ketika itu.

4.7 Kesan *Tartīb Al-Nuzūl* Terhadap Pentafsiran Al-Quran

4.7.1 (a) *Ma‘ārij al-Tafakkur Wa Daqā’iq al-Tadabbur*

Pertama: Memahami Susunan Pembentukan Pengetahuan Yang Bersepadu Terhadap Urusan Agama Dan Permasalahannya

Pemerhatian mendalam terhadap susunan penurunan al-Quran membantu dalam memahami pembentukan pengetahuan dalam perkara agama seperti perkara *uṣūl* dan *furū’* dalam agama Islam. Menurut Ḥabannakah, sebagai seorang pendakwah, memahami uslub dan pendekatan al-Quran terutamanya uslub *al-Makkiy* dan uslub *al-Madaniy*, membantu dalam merangka manhaj dakwah serta uslub dakwah sesuai dengan gaya al-Quran dan seterusnya pembaca al-Quran yang lain juga dapat memanfaatkan. Hal ini dilihat bahawa tafsir *tartīb al-Nuzūl* memberi kesan pada pemahaman terutamanya pada ayat mengandungi perintah syara’dan sifat pensyariat syariat Islam yang berperingkat-peringkat. Sebagai contoh, hadith diriwayatkan oleh al-Bukhārī,

²⁷⁰ Al-Jābirī menyatakan bahawa *al-Ākhirah* merujuk kepada zaman kenabian dan *al-Ūlā* merujuk kepada keadaan Nabi sebelum dibangkitkan.

لَمَّا نَزَّلَ أَوَّلَ مَا نَزَّلَ فِي سُورَةِ مِنَ الْقَمَرِ فِيهَا نَكْرُ لِحَجَّةٍ وَالنَّارَ، صَحِي إِنْ تَابَ لِلنَّاسِ إِلَى
 اسَّ مِنْ نَزَّلَ لِحَ لُ وَلَا حَرَامٌ، طُونَ زَلَّ أُولَشِيءَ : نَشُّوْا لِحَ مَرَّ لِقَالُوا : نَدَّغَ لِحَ مَرَّ
 بَلَدًا، وَلُونَ زَلَّ : تَزُنُّوا، لِقَالُوا : نَدَّغَ لِحَ بَلَدًا

Terjemahan: Sesungguhnya yang pertama turunnya daripada al-Quran adalah surah *al-Mufaṣṣal*, yang di dalamnya disebutkan tentang syurga dan neraka. Seinggalah manusia telah memeluk Islam, maka turunlah ayat-ayat tentang halal dan haram. Seandainya ayat pertama diturunkan adalah ayat: Janganlah kalian minum arak, nescaya mereka akan mengatakan: kami tidak akan meninggalkan arak selama-lamanya. Dan seandainya juga ayat pertama turun ayat: Janganlah kalian berzina, nescaya mereka akan mengatakan: selama-lamanya kami tidak akan meninggalkan zina.²⁷¹

Menerusi hadith ini, dapat difahami bahawa Allah SWT mendidik umat Islam mengenal tuhan dan memahami erti sebenar mentaati Allah SWT sebelum diturunkan hukum-hukum syara' yang besar. Justeru, pendekatan inilah yang ingin diangkat oleh Ḥabannakah menerusi penulisan tafsirnya.

Manakala, hal-hal berkaitan aqidah dan *usūl al-Dīn* pula, tidak disyaratkan mengikut tertib penurunan, kerana ianya difahami secara menyeluruh. Ḥabannakah menyatakan bahawa *naṣ al-Khabariyyah* yang dibina di atas aqidah, asas agama yang besar difahami saling melengkapi seolah-olah kesemuanya diturunkan pada waktu yang sama kerana kandungan aqidah merupakan suatu kebenaran yang tidak mempunyai taklif, tidak mempunyai peringkat pendidikan. Peringkat penurunan ayat aqidah merupakan peringkat penjelasan. Ia turut mengandungi kehalusan bahasa yang terselah dari sudut balaghah dan dalil yang menunjukkan kepada petunjuk *i'jāz* yang memerlukan kepada penelitian secara mendalam.²⁷² Menerusi tafsiran *tartīb al-Nuzūl*, seseorang itu mampu untuk memahami susunan pembentukan pengetahuan bersepadu

²⁷¹ Hadith yang diriwayatkan oleh al-Bukhari, Kitāb Faḍā'il al-Qurān, Bāb Ta'līf al-Qurān, Hadith 4609. Lihat Abū Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, kitab keutamaan al-Quran, bab pembukuan al-Quran, hadith no. 4609.

²⁷² 'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allāh*, (Dimāshq, Dār al-Qalam, 2009), 151-152

berkenaan permasalahan agama seperti pengharaman arak, pensyariatan jihad, dan memahami hikmah ayat *madaniyyah* terkandung dalam surah *makkiyyah*.²⁷³

Kedua: Memahami Intergrasi Pendidikan Al-Quran

Kefahaman terhadap kandungan al-Quran mesti didahului dengan keyakinan bahawa al-Quran mampu memberikan penyelesaian yang terbaik dalam segala masalah. Pendidikan al-Quran yang merangkumi pendidikan aqidah, sirah, peringkat penurunan al-Quran, kisah-kisah al-Quran dan sebagainya. Didikan al-Quran menerusi surah *al-Makkiyyah* banyak menumpukan pada pengukuhan aqidah dan penolakan terhadap perkara-perkara yang mensyirikkan Allah SWT.

Seterusnya, sebagai contoh pendidikan rabbani menerusi tafsir *tartīb al-Nuzūl*, Ḥabannakah menyebutkan bahawa dalam turutan penurunan al-Quran, Allah SWT mendidik manusia konsep zikir kepada Allah SWT²⁷⁴, di mana menurut sisi pandang Ḥabannakah, Allah SWT menurunkan surah al-‘Alaq dengan memerintahkan agar manusia membaca dengan menyebutkan nama Allah SWT. Justeru, dengan membaca manusia akan mengenal Allah SWT dan kebesarannya. Kemudian surah al-Muddaththir, Allah SWT memerintahkan untuk membesarkan Allah SWT, kerana setelah manusia mempunyai ilmu tentang Allah SWT, ilmu itu akan membimbing manusia kepada membesarkan Allah SWT. Selanjutnya pada surah al-Muzammil, Allah SWT memerintahkan manusia agar menyebutkan nama Allah terus menerus dan ikhlaskan ibadat hanya kepada Allah SWT. Seterusnya, apabila kebesaran Allah SWT telah meresap ke dalam jiwa manusia maka lidah yang bertasbih memuji Allah akan memberi kesan mendalam kepada manusia dalam kehidupan dunia dan akhiratnya.

²⁷³ Rujuk bab ketiga kajian ini.

²⁷⁴ Didikan dan petunjuk rabbani dalam hal berkaitan pengukuhan aqidah bermula dari surah al-‘Alaq, hingga ke surah al-‘A‘lā, dan semuanya lima tahapan. Rujuk ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur Wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000), 1: 437.

Selain itu juga, perbahasan tafsir yang ingin ditonjolkan oleh Ḥabannakah menerusi manhaj *tartīb al-Nuzūl* ialah perbahasan tafsir seperti *al-Tasbīḥ* dalam al-Quran, pendirian musuh memerangi Nabi dan dakwah Nabi SAW, *al-Isti'azah* menurut al-Quran dan al-Hadith, sihir, peranan al-Quran dan Nabi SAW sebagai penyampai dan pemberi peringatan, siang dan malam dalam al-Quran dan sebagainya.

Ketiga : Memahami Terapi Rabbani bagi Peristiwa Perjalanan Dakwah Rasulullah

Menurut Ibn Kathīr dalam *al-Nihāyah fī Gharīb al-Hadīth*, perkataan *al-Rabbānī* berasal dari kata *rab*, dengan tambahan huruf *alif* dan *nūn* di belakang sebagai bentuk *mubālaghah* (berlebihan), manakala al-Rāghib al-Asfahani²⁷⁵ pula menyebutkan bahawa *al-Rab* secara bahasa adalah *al-Tarbiyyah* (pendidikan) dalam bahasa Arab *rabbāhu*, *rabbahu*. Perkataan *al-Rab* merupakan masdar yang diambil menunjukkan pelaku. Sedangkan *al-Rabbani* dihubungkan dengan *al-Rab* iaitu Allah SWT yang merupakan sumber dan Dialah yang memberikan ilmu. Manakala peristiwa sirah dan perjalanan dakwah Nabi SAW banyak disebutkan dalam al-Quran, dan setiap kisah yang dibentangkan dalam al-Quran mengandungi sejumlah pengajaran yang besar dan hebat.

Menerusi turutan surah al-Duḥā dan surah al-Sharh, Ḥabannakah menerangkan bagaimana Allah SWT memelihara dan mempersiapkan baginda Nabi SAW untuk membawa tugas sebagai seorang pendakwah. Ḥabannakah turut menjelaskan bahawa sebagai seorang pendakwah perlu ada persediaan secukupnya untuk membawa dakwah agama yang penuh cabaran dan musuh. Persediaan pada dua perkara asas iaitu pertama ialah berkaitan dengan penjagaan pada tiga perkara iaitu perkembangan ketika zaman kanak-kanak, pendidikan intelektual, dan sara hidup. Semuanya disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Duḥā tentang bagaimana Allah SWT memelihara baginda SAW

²⁷⁵ Al-Rāghib al-Asfahani, *Mu'jam Mufradāt Alfāz al-Qurān*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2009), Cet. 4, 336.

dengan tiga perkara tersebut.²⁷⁶ Kedua, hal berkaitan dengan persiapan diri merangkumi jiwa yang besar dan lapang serta terbuka dalam menghadapi sebarang kesusahan,

Selain itu juga, konsep beransur-ansur dalam memberi pengajaran. Mengajar perkara yang lebih penting ke atas perkara penting dan mengajar satu persatu dan secara beransur-ansur. Pengkaji mendapati Ḥabannakah memfokuskan pelajaran pada surah-surah awal yang diturunkan pada menerangkan terapi rabbani bagi mendidik Nabi SAW berdakwah kepada musyrik Mekah dengan akhlak mulia baginda tanpa menggadaikan prinsip agama. Hal ini disebutkan sendiri oleh Ḥabannakah dalam tafsiran surah al-Qalam ayat kelapan :

فَلَا تُطِعِ الْمُكَذِّبِينَ ﴿٨﴾ وَدُّوْا لَوْ تَدَّهِنُ فَيَدَّهِنُونَ ﴿٩﴾

al-Qalam 68: 8-9

Terjemahan: oleh itu (berpegang teguhlah pada ajaran Islam yang sedang engkau amalkan, dan) janganlah engkau menurut kemahuan orang-orang yang mendustakan (agama Allah). Mereka suka kalaulah engkau bertolak ansur (menurut kemahuan mereka), supaya mereka juga bertolak ansur berlemah-lembut (pada zahirnya terhadapmu).

Ḥabannakah turut menyebutkan bahawa dalam berdakwah manusia ke jalan Allah SWT, mestilah dengan menerangkan kerosakan aqidah golongan kafir dan musyrik, serta menjelaskan kerosakan amalan mereka yang menyembah berhala dan seseorang pendakwah tidak boleh bertolak ansur dalam hal berkaitan dengan aqidah dan prinsip agama. Dengan menghayati sirah Nabi SAW disebalik penurunan ayat ini, pembaca al-Quran dapat memahami bagaimana didikan rabbani dalam dakwah Nabi SAW, di mana

²⁷⁶ Rujuk surah al-Duḥā 93: 6-8:

أَلَمْ يَجِدْكَ يَتِيمًا فَآوَى ﴿٦﴾ وَوَجَدَكَ ضَالًّا فَهَدَى ﴿٧﴾ وَوَجَدَكَ عَائِلًا فَأَغْنَى ﴿٨﴾

Terjemahan: Bukankah Dia mendapati engkau yatim piatu, lalu Ia memberikan perlindungan? Dan didapatinya engkau mencari-cari (jalan yang benar), lalu Ia memberikan hidayah petunjuk (dengan wahyu-al-Quran)? dan didapatinya engkau miskin, lalu Ia memberikan kekayaan?

Nabi SAW berpegang teguh pada *al-Manhaj al-Rabbānī* yang diperintahkan oleh Allah SWT agar Nabi SAW tidak menurut kemahuan orang yang mendustakan agama Allah SWT walaupun atas alasan bertoleransi.²⁷⁷

Seterusnya menerusi dua turutan surah, iaitu surah al-Duḥā dan surah al-Sharh, Ḥabannakah menjelaskan bahawa sebagai seorang pendakwah perlu ada persediaan secukupnya untuk membawa dakwah agama yang penuh cabaran dan musuh. Persediaan pada dua perkara asas iaitu pertama ialah berkaitan dengan penjagaan pada tiga perkara iaitu perkembangan ketika zaman kanak-kanak, pendidikan intelektual, jaminan kos sara hidup. Selain daripada itu juga, Ḥabannakah menjelaskan bahawa perintah dan nasihat berkaitan akhlak ditujukan kepada Nabi SAW dan orang mukmin diiringi dengan satu janji tuhan, manakala mendepani (ayat ditujukan) kepada orang kafir dengan janji-janji membuktikan bahawa risalah agama Islam merupakan agama peringatan bukan risalah paksaan.

4.7.1 (b) Fahm al-Qurān al-Ḥakīm

Pertama: Mendapat Kefahaman Yang Objektif

Dalam menyingkapi teks al-Quran dengan lebih mendalam, al-Jābirī berpendapat bahawa pendekatan *al-Faṣl* dan *al-Waṣl* yang baik dalam memahami al-Quran dengan kefahaman yang objektif. Pendekatan ini sangat berkait rapat dalam manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Ini adalah kerana menurut al-Jābirī, al-Quran difahami secara menyeluruh dan kita perlu mempertimbangkan hubungan antara ayat sebagaimana ayat al-Quran difahami dengan *siyāq al-Ayat* atau munasabah dengan ayat yang lain. Seterusnya, analisis sejarah penurunan merangkumi *asbab al-Nuzūl* dilihat secara mikro dan makro.

²⁷⁷ ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah, *Ma‘ārij al-Tafakkur Wa Daqā’iq al-Tadabbur*, (Dimashq, Dār al-Qalam, 2000),1:217-218.

Menurut al-Jābirī, pada lima ayat pertama surah al-‘Alaq yang diturunkan, mengandungi bicara tentang aqidah Islam (*al-Aqīdah al-Islāmiyyah*), dan membicarakan tentang dua prinsip utama, iaitu tentang perkataan *khalaqa* (menciptakan) dan *‘allama* (mengajarkan). Malah, kedua-dua prinsip ini mengandungi kaitan antara satu sama lain, iaitu yang pertama membincangkan tokoh iaitu Nabi Muhammad SAW, dan kedua mengaitkan pada pengalaman seharian baginda Nabi SAW. Dalam menafsirkan ayat tersebut, al-Jābirī menyebutkan seolah-olah Allah SWT berfirman: wahai Muhammad, pohonlah keberkatan dengan nama tuhanmu, dan ketahuilah tuhan yang menurunkan wahyu kepada mu ialah tuhan yang sama menciptakanmu dari segumpal darah.²⁷⁸ Selain itu, al-Jābirī menambah bahawa persoalan tentang perkaitan ataupun munasabah di antara ayat “manusia diciptakan dengan segumpal darah” dan ayat “mengajar manusia dengan pena”, terungku dengan memahami bahawa sesungguhnya sepertimana Allah SWT menciptakan manusia daripada segumpal darah, Allah SWT juga menjadikan penulisan dan pembacaan sebagai satu wasilah untuk mengajar manusia.²⁷⁹

Kesan daripada penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl*, pembaca tafsir akan mendapat kefahaman yang jelas dalam memahami perbezaan antara konteks ayat *al-Makkiy* dan ayat *al-Madaniy* kerana setiap ayat al-Quran mempunyai latar belakang tersendiri, dan ianya berbeza mengikut faktor seperti sebab turun, individu terlibat, tempat dan kronologi masa. Selain itu juga, menjiwai seni dakwah *qurāniy* hasil tadabbur al-Quran.

Kedua: Memahami Al-Quran Dengan Sirah

Jika diteliti kandungan al-Quran menerusi manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*, pengkaji mendapati bahawa pembaca al-Quran dapat menghayati hampir sebahagian besar daripada sirah dan dakwah Nabi SAW, dan pada masa yang sama dapat menghayati

²⁷⁸ Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Ḥakīm* (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1:22.

²⁷⁹ Ibid 1: 23

hikmah diturunkan al-Quran berperingkat-peringkat. Sebagai contoh surah yūsuf satu-satunya yang diturunkan berbentuk kisah dari mula hingga akhir. Surah ini diturunkan ketika mana Nabi SAW sedang berdukacita kerana kehilangan dua orang yang dikasihi baginda SAW. Namun yang demikian, surah yūsuf diturunkan dengan membawa kisah penderitaan Nabi Yusuf AS diuji oleh saudara-saudaranya, dan fitnah menyimpannya. Akhirnya, dengan pertolongan Allah SWT, Nabi Yusuf AS diberi kejayaan memegang pembendaharaan negara Mesir. Pentafsiran *tartīb al-Nuzūl* ditafsirkan berdasarkan peringkat-peringkat sirah dan dakwah Nabi SAW sepanjang Nabi SAW diangkat menjadi Nabi. Malah, menurut al-Jābirī kisah-kisah al-Quran mempunyai perkaitan dan kesan dalam menghayati sirah perjalanan dakwah baginda Nabi SAW. kisah-kisah al-Quran merupakan jendela yang terbuka lebar yang penting bagi kita untuk mengetahui perjuangan dakwah Nabi Muhammad SAW²⁸⁰. Seterusnya, al-Jābirī membahagikan surah-surah al-Quran kepada tujuh kategori dan peringkat penurunan, iaitu peringkat pertama bertemakan kenabian dan ketuhanan.²⁸¹ Manakala peringkat kedua membicarakan tema kebangkitan dan penyaksian hari akhirat. Selanjutnya peringkat ketiga adalah bertemakan penghapusan syirik dan penyembahan berhala dan ketiga peringkat tersebut dimuatkan dalam jilid pertama tafsir *Fahm al-Qurān*. Manakala peringkat seterusnya, ialah dakwah secara terang-terangan dan Perhubungan dengan Kabilah Arab, peringkat kelima ialah pengepungan ke atas Nabi SAW dan keluarga dan hijrah ke Habsyah, peringkat keenam ialah menyambung perhubungan dengan kabilah

²⁸⁰ Menurut al-Jābirī, setelah diteliti secara mendalam setiap peringkat penurunan al-Quran, terdapat tema khusus dalam kerangka wahyu mendokong perjalanan dakwah Nabi SAW. Hal tersebut dibenarkan dengan firman Allah dalam surah al-Furqān ayat 32-33, di mana Allah SWT menyatakan bahawa hikmah diturunkan al-Quran secara berperingkat adalah sebagai peneguh hati Nabi SAW iaitu (menurut al-Jābirī) sebagai jawapan terhadap penghinaan, tentangan Quraisy serta penghujahan terhadap hujjah-hujjah kaum Quraish dan al-Quran memberikan penjelasan yang jelas serta tepat pada waktunya. Lihat Muhammad ‘Ābid al-Jābirī, *Fahm al-Qurān al-Hakīm; Tafsīr al-Waḍīh Hasb al-Tartīb al-Nuzūl*, (Beirut, Markaz al-Dirāsāh al-Wiḥdah al-Arabiyyah, 2008), 1:14.

²⁸¹ Peringkat Pertama “Kenabian dan Ketuhanan”, tema pertama dibincangkan dalam surah-surah peringkat pertama penurunan merupakan surah-surah peringkat awal wahyu kenabian. Jumlah keseluruhan ialah sebanyak 26 surah al-Quran, dan merupakan surah yang mengetengahkan konsep ketuhanan dan kenabian serta menolak tentangan dari kaum musyrik Mekah yang ingkar dan mendustakan Nabi SAW.

dan persiapan berhijrah ke Madinah. Peringkat terakhir merupakan tema Rasulullah SAW di Madinah dan merangkumi tafsiran surah *madaniyyah*. Tambahan daripada itu, al-Jābirī turut membicarakan tema-tema dakwah Nabi mengikut penurunan wahyu menerusi perbahasan *istiṭrād*.

4.8 Kesimpulan

Berdasarkan analisis, dalam menghuraikan ayat al-Quran, kedua pengarang menjadikan ayat al-Quran dan hadith sebagai asas dalam pentafsiran. Namun yang demikian, pentafsiran al-Quran secara rasional dan sudut pandangan sendiri (*al-Tafsīr bi al-Ra'y*) lebih dominan berbanding dengan pentafsiran al-Quran dan hadith. Seterusnya, kebanyakan ayat atau hadith yang dibawakan dijadikan sebagai dalil bagi kenyataan dan tafsiran bukannya mentafsirkan secara langsung.

Berdasarkan kajian di atas, dapat disimpulkan bahawa Ḥabannakah dan al-Jābirī mempunyai persamaan dan perbezaan dalam menggunakan metode *tartīb al-Nuzūl* dalam penulisan karya tafsir masing-masing. Antara perbezaan antara kedua mereka ialah pemilihan surah *makkiyyah* dan surah *madaniyyah*, pembahagian peringkat penurunan al-Quran dan pendekatan huraian tafsir yang jelas berbeza.

Sebagai kesimpulan, dapat difahami bahawa idea ataupun konsep *tartīb al-Nuzūl* yang terdapat di dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran seperti yang dikemukakan oleh Ḥabannakah dan al-Jābirī membuktikan kredibiliti kedua-dua tokoh dalam menampilkan idea baru dalam dunia pentafsiran al-Quran. Dalam hal ini, pengkaji menyakini bahawa semakin berkembang penulisan tafsir al-Quran maka ianya merupakan suatu perkembangan positif sekaligus memudahkan umat Islam mengambil manfaat daripada petunjuk al-Quran.

BAB LIMA: RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bab kelima merupakan bab yang terakhir di dalam kajian penulis. Di dalam bab ini penulis akan membuat kesimpulan terhadap keseluruhan kajian yang telah penulis lakukan khususnya dalam mengungkapkan keindahan tafsiran surah al-Quran beserta ayat-ayatnya dari aspek tafsir *tartīb al-Nuzūl*. Selain itu, penulis juga melontarkan beberapa cadangan kepada pihak tertentu hasil kajian penulis dan saranan untuk kajian akan datang.

5.2 Rumusan

Merujuk kepada kajian yang telah dijalankan, pengkaji telah menjawab objektif kajian yang pertama pada penulisan bab pertama. Seterusnya, objektif yang kedua adalah seperti dapatan kajian pada bab dua, dan diikuti dengan bab tiga dan keempat ialah bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga dan yang keempat. Selanjutnya, bab empat merupakan analisis perbandingan faktor pendorong penghasilan karya tafsir, perbandingan isi kandungan, perbandingan metodologi penyusunan surah, riwayat *tartīb al-Nuzūl*, aplikasi metode *asbāb al-Nuzūl* dan *sīrah al-Nabawiyah*, serta tafsiran kedua-dua tokoh. Justeru, secara keseluruhan bab ini akan mengenal pasti metode *tartīb al-Nuzūl* yang digunakan oleh kedua-dua tokoh dalam tafsir masing-masing sekaligus menjawab persoalan dan objektif keempat.

Secara keseluruhannya, kajian ini membincangkan mengenai manhaj *tartīb al-Nuzūl* dari sudut perkembangan sejarah dan juga menurut perspektif dua ilmuan *tartīb al-Nuzūl* iaitu ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah dan Muhammad ‘Ābid al-Jābirī. Dari data yang diperolehi, kajian ini merumuskan kenyataan seperti berikut:

- a. Penulisan karya tafsir *tartīb al-Nuzūl* bermula dengan penulisan tafsir yang telah dihasilkan oleh Muhammad ‘Izzat Darwazah menerusi karya *al-Tafsīr al-Hadīth*. Teras kepada pengistilahan *tartīb al-Nuzūl* adalah merujuk kepada fokus utamanya iaitu mentafsirkan al-Quran berdasarkan penurunan al-Quran, ianya kerana terdapat beberapa sudut pentafsiran yang tidak dapat tidak, perlu dilihat menerusi *tartīb al-Nuzūl*. Selain itu, terdapat sebilangan pengkaji orientalis seperti Ignaz Goldziher, Regis Blachere, Theodore Noldeke dan sebagainya mengkaji penurunan surah al-Quran. Namun, yang membezakan penulisan antara ilmuan Islam dan orientalis ialah pada matlamat penulisan dan ketepatan ilmu.
- b. Penulisan tafsir *tartīb al-Nuzūl* walaupun dibantah oleh sebahagian ilmuan al-Quran, tetap disokong oleh Shaykh ‘Abd al-Fattāh Abu Ghuddah, kerana menurut beliau, tidak ada sebarang halangan untuk menulis tafsir dengan susunan *tartīb al-Nuzūl*.
- c. Hasil penelitian menunjukkan bahawa tafsir *tartīb al-Nuzūl* memainkan peranan yang penting dalam memahami dan menghargai suasana penurunan nas dari sudut keadaan individu dan masyarakat. Hal ini kerana pemahaman *sīrah al-Nabawiyah* mestilah dirujuk secara langsung kepada ayat-ayat al-Quran.
- d. Manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan sebuah langkah dalam memahami al-Quran dengan melihat kepada susunan penurunan al-Quran. Dengan itu, ianya membantu umat Islam mentadabbur al-Quran dengan lebih mendalam sekaligus membantu meningkatkan keimanan. Idea menulis sebuah kitab tafsir yang disusun mengikut susunan penurunan al-Quran adalah merupakan langkah untuk mendekatkan masyarakat kepada al-Quran dan membantu masyarakat Islam memahami al-Quran dengan lebih baik serta dapat menghayati sirah Nabi SAW.

- e. Manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* penting untuk diaplikasikan memandangkan ianya membantu dalam mengkaji ilmu nuzul ayat al-Quran, dan konteks individu, masa dan lingkungan persekitaran semasa turun wahyu. Hal yang demikian adalah bagi menelusuri hikmah penurunan ayat-ayat dan surah-surah al-Quran secara beransur, maka seharusnya bagi mereka yang mentadabbur al-Quran, memberikan perhatian lebih kepada perkara-perkara seperti gambaran zaman awal Islam dan keadaan yang berlaku sepanjang penurunan wahyu al-Quran, dalam mengajar, memberi hala tuju, mendidik, serta kondisi umum dan kefahaman masyarakat ketika itu. Meneliti tahap-tahap penurunan al-Quran (*marāḥil al-Tanzīl*) merupakan aspek penting dalam memahami asas *tadarruj al-Tashri'*, agar tidak tersilap dalam memahami makna ayat al-Quran dengan baik dalam aspek pendidikan, asas agama dan pegangan akidah, konsep islah, seni dakwah dan bentuk jihad dalam Islam.
- f. Ḥabannakah membincangkan dengan baik pandangan ulama' merangkumi ulama' dalam bidang tafsir, nahu, balaghah, ilmu al-Ma'ānī dan seterusnya. Sungguhpun Ḥabannakah memilih manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*, Ḥabannakah tetap membincangkan dengan teliti pandangan mufassir dan beliau hanya menyanggahi pandangan mereka dengan mengungkapkan bahawa pandangan mereka salah ataupun tidak mempunyai sandaran. Namun begitu, Ḥabannakah menolak pandangan mufassir hanya secara umum tanpa menyatakan nama ahli tafsir dan karya tafsir tersebut.
- g. Menurut al-Jābirī, kisah al-Quran mengandungi realiti pengajaran dakwah Nabi-Nabi terdahulu dan motivasi sebagai penguat hati baginda Nabi SAW dalam meneruskan dakwah manusia kepada al-Quran dan al-Hadith. Mengkaji kisah al-Quran dapat menyingkap proses penurunan al-Quran dan hubungannya dengan perjalanan dakwah Nabi Muhammad SAW. Menerusi kajian kisah ini, al-Jābirī

merumuskan bahawa kisah al-Quran diturunkan sebagai penguat semangat baginda Nabi SAW dengan contoh-contoh rintangan para Nabi terdahulu, menjawab pelbagai pertanyaan kaumnya.

- h. Al-Jābirī menekankan kepentingan konsep *tartīb al-Nuzūl* dalam usaha memahami al-Quran kerana menurut beliau bahagian sejarah penurunan wahyu dan sirah Nabi ada bahagian penting untuk memahami al-Quran dengan lebih objektif. Selanjutnya, untuk melihat perkaitan antara *al-Sīrah al-Nabawīyah* dan sejarah penurunan perlulah menerusi manhaj *tartīb al-Nuzūl* dan bagi mendalami proses pembentukan teks al-Quran. Oleh hal yang demikian beliau menjadikan ijtihad dalam menyesuaikan
- i. Susunan surah *tartīb al-Nuzūl* menurut perspektif al-Jābirī adalah melihat kepada pandangan ulama' yang kuat, jika tidak dapat diputuskan, beliau akan melihat kepada gaya bahasa dan isi kandungan surah serta menyandarkan kepada pendapat ulama yang kuat pada pandangannya.

5.3 Kekuatan Manhaj Tafsir *Tartīb Al-Nuzūl* dalam Tafsir *Ma'ārij Al-Tafakkur Wa Daqāiq Al-Tadabbur Dan Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm; Al-Tafsīr Waḍīḥ Ḥasb tartīb al-Nuzūl*

Dua karya istimewa ini mengandungi limpahan mutiara ilmu al-Quran dan bermanfaat khususnya untuk umat Islam. Sungguhpun begitu, setiap karya manusia tidak akan terlepas dari kelebihan dan kekurangan. Antara kelebihan yang pengkaji dapati pada tafsir Ḥabannakah dan al-Jābirī yang boleh disebutkan ialah manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl* merupakan model pentafsiran yang baru²⁸² dalam penulisan karya tafsir dan penulis manhaj ini berusaha mengangkat sirah penurunan al-Quran, menghargai suasana penurunan al-Quran dan menghargai kandungan al-Quran agar dapat dimanfaatkan

²⁸² Hakikatnya, penulisan tentang sirah dan susunan penurunan wahyu al-Quran telah dibahaskan oleh ulama' terdahulu, namun tidak dihasilkan karya tafsir mengikut susunan *al-Tartīb al-Nuzūl*.

sebaik mungkin. Hal ini selari dengan tujuan utama al-Quran diturunkan, iaitu sebagai petunjuk dan rahmat kepada keseluruhan manusia.

Selain itu, antara kelebihan tafsir *tartīb al-Nuzūl* ialah ianya mengemukakan metode tafsir tematik secara *taḥlīlī* dalam menghuraikan perkara penting dan mengaitkannya dengan kesatuan al-Quran. Hal ini merupakan sisi penting dalam menerangkan kelebihan *tartīb al-Nuzūl* dan ianya merupakan sisi kekuatan tafsir *tartīb al-Nuzūl*.

Manakala pada penulisan tafsir al-Jābirī pula, memfokuskan tentang perjalanan sirah Nabi SAW dalam al-Quran, malah tema sirah al-Quran diangkat sebagai penyelesaian masalah bagi kehidupan manusia secara umum. Hal ini bagi menegaskan prinsip beliau bahawa al-Quran perlu difahami dengan *al-Sīrah al-Nabawiyah*.

Selain daripada itu juga, tafsir al-Jābirī menonjolkan korelasi sejajar antara *asbāb al-Nuzūl*, kisah al-Quran dan perjalanan dakwah Nabi Muhammad SAW, di mana proses turunnya al-Quran sesuai dengan masalah yang dihadapi baginda Nabi SAW dan ianya merupakan jawapan ilahi yang menuntun Nabi SAW dalam melakukan gerak kerja dakwah membawa manusia kepada Islam. Hal ini dikuatkan dengan peringkat-peringkat penurunan al-Quran digariskan oleh ‘Ābid al-Jābirī.

Selanjutnya, metode tafsir *tartīb al-Nuzūl* juga turut menumpukan perbincangan pada perbezaan pemilihan surah samada surah *makkiyyah* ataupun *madaniyyah*, dan ianya dilihat pada kandungan surah dan riwayat-riwayat penurunan surah al-Quran.

5.4 Kelemahan Tafsir *Ma‘ārij Al-Tafakkur Wa Daqāiq Al-Tadabbur Dan Fahm Al-Qurān Al-Ḥakīm*

Secara umumnya, setiap metodologi mempunyai kekuatan dan kelemahan dalam membahaskan ilmu, antara kelemahan tafsir *tartīb al-Nuzūl* yang dihasilkan oleh Ḥabannakah dan al-Jābirī adalah seperti kelemahan dalam ilmu periwayatan kerana dalam membentangkan riwayat susunan surah al-Quran, al-Jābirī dan Ḥabannakah tidak

melakukan kritik hadith terhadap riwayat yang dibentangkan. Hal ini adalah kerana Ḥabannakah hanya berpada pada riwayat yang telah disebutkan oleh pakar ilmu al-Quran. Manakala al-Jābirī pula memilih penyusunan surah al-Quran adalah berdasarkan pemilihan ataupun tarjih beliau sendiri. Selain itu juga, penekanan tafsir *tartīb al-Nuzūl* lebih banyak kepada surah *al-Makkiyyah*, manakala surah *al-Madaniyyah* tidak diberikan huraian lebih terperinci serta pembahagian peringkat penurunan tidak dipecahkan dengan lebih banyak.

Selain itu juga, antara kelemahannya ialah tidak dapat disatukan susunan yang paling tepat dan masih terdapat beberapa perbezaan dan pencanggahan pendapat dalam menentukan susunan surah *tartīb al-Nuzūl*. Dalam masa yang sama juga, terdapat surah *makkiyyah* yang turut mengandungi ayat *madaniyyah*, akan tetapi tafsiran surah dilakukan secara menyeluruh. Seterusnya, penulis tafsir hanya boleh mengaitkan sirah penurunan hanya dengan sebahagian ayat sahaja, kerana tidak semua ayat al-Quran yang diturunkan mengandungi sebab penurunan dan sirah penurunan. Oleh hal yang demikian, huraian sirah yang dilakukan dalam tafsir adalah tidak menyeluruh

5.5 Saranan

Hasil pelaksanaan kajian ini, walaupun penuh dengan kekurangan, terdapat beberapa perkara yang dapat disarankan untuk perhatian lebih lanjut kepada pihak-pihak tertentu.

Antara saranan tersebut adalah seperti berikut:

- a. Saranan kepada para sarjana agar sentiasa memperkembangkan wacana perbahasan khazanah tafsir al-Quran dengan lebih menyeluruh dan sepadu terutamanya dalam perkara-perkara baru dalam bidang pengkajian tafsir al-Quran.
- b. Dalam meneliti penerapan manhaj tafsir *tartīb al-Nuzūl*, pengkaji mendapati amat baik untuk dikaji lanjut berkaitan tafsiran surah *makkiyyah* tafsir *tartīb al-*

Nuzūl serta memfokuskan pada kajian psikologi masyarakat di Mekkah dalam menerima wahyu dan buat kajian lapangan yang berkaitan isu kemasyarakatan sekarang.

- c. Saranan kepada para pendidik memperkenalkan sirah dan latar sejarah penurunan al-Quran kepada masyarakat serta membincangkan perkembangan dakwah Nabi SAW dengan mentadabbur kisah-kisah dalam al-Quran. Hal yang demikian, masyarakat dapat menghayati lebih mendalam berkaitan isi kandungan surah al-Quran.
- d. Saranan kepada para penterjemah agar karya *Madkhal ilā al-Qurān* dan *Qawā'id al-Tadabbur* dapat dialih bahasa ke dalam bahasa Melayu supaya cakupan pembacannya lebih meluas.

5.6 Kesimpulan Kajian

Daripada pengkajian ini dapatlah dirumuskan kepada beberapa kesimpulan iaitu, penekanan terhadap perbincangan *nuzūl* al-Quran sangat signifikan dalam memahami sejarah penurunan al-Quran, konteks surah, memahami ayat hukum, ilmu *asbāb al-Nuzūl* dan sebagainya. Sebahagian besar ayat al-Quran diturunkan dengan mengandungi sebab penurunan dan menjelaskan sesuatu maksud disebalik ayat. Menerusi tafsir *tartīb al-Nuzūl*, Ḥabannakah dan al-Jābirī telah menghimpunkan ilmu seperti ilmu *tartīb al-Nuzūl*, wahyu awal dan wahyu akhir diturunkan, ilmu *al-Makkiy* dan *al-Madaniy*, ilmu *asbab al-Nuzul*, perkembangan hukum syara', dan ilmu munasabah al-Quran. Justeru, metode tafsir *tartīb al-Nuzūl* mempunyai kesan terhadap pentafsiran al-Quran, antaranya ialah memberi kefahaman objektif dalam memahami al-Quran

Pada hemat pengkaji, usaha mengaplikasikan kaedah *tartīb al-Nuzūl* menjadi suatu nilai tambah bagi umat Islam dalam mengukuhkan kefahaman terhadap al-Quran sebagai sebuah kitab wahyu. Pembaharuan bentuk pentafsiran al-Quran merupakan

suatu bentuk tawaran semula kepada generasi hari ini dengan tahap yang boleh dicapai dan sesuai dengan kemampuan umat Islam pada masa kini.

Universiti Malaya

Rujukan

Al-Quran

Kamus/Mu'jam

Al-Marbawi. *Kamus Idris al-Marbawi*. Kuala Lumpur, Darul Fikr, 1990

Al-Fayruz Abadi. *Al-Qāmūs al-Muḥīṭ*. Beirut: Dār al-Fikr, 1995

Ibn Faris, Abu Husayn Ahmad. *Mu'jam Maqāyis al-Lughah*. Beirut: Dār al-Jil, 1999

Ibn Manzur. *Lisān al-'Arab*. Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 1955

Kamus Dewan Bahasa, ed. Ke-4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007

Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi, *Mu'jam al-Mufahraz li al-Alfaz al-Qurān al-Karīm*

Hadith

Abu Dawud, Sulaiman bin al-Ash'ath al-Sijistani. Sunan Abu Daud, ed. Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albāni. Riyadh, Maktabah al-Ma'ārif, 2001.

Ahmad bin Muhammad bin Ḥanbal. Musnad al-Imam Ahmad. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-Arabiyy, 1993.

Al-Bayhaqi, Ahmad bin Husayn bin 'Ali. Sunan al-Bayhaqi al-Kubra. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003.

Al-Bukhārī, Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ismail. Saḥīḥ al-Bukhārī. Beirut: Dar Ibn Kathir, 2002.

Al-Tirmidhī, Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Sawrah. Jāmi' al-Tirmidhī, ed. Muhammad Nāsir al-Dīn al-Albāni. Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzi', 1995.

Ibn Ḥibbān, Muhammad bin Ḥibbān bin Ahmad. *al-Majrūḥīn Min al-Muhaddithīn*.
Riyadh: Dar al-Sami'i, 2000.

Muslim bin al-Ḥajjāj al-Naysaburi. Sahih Muslim, ed. Muhammad Fuad 'Abd al-Baqi.
Beirut: Dār Kutub al-'Ilmiyyah, 1991.

Buku

'Abd Allah Ibrāhim al-Mughlaj. *Tadabbur al-Qurān al-Karīm Wasāiluh wa Mawāni'uh*. Doha Qatar, 2013.

'Abd al-Majid 'Abd al-Salam al-Muhtasib. *Ittijāhāt al-Tafsīr fī 'Asr al-Rāhin*,
Manshūrāt Maktabah al-Nahḍah al-Islāmiyyah, Amman: Jordan, 1982.

'Abd al-Raḥmān Ḥabannakah. *'Aqīdah Islāmiyah wa Ususuhā*. Cet.2. Dimashq: Dar al-
Beirut, 1996.

_____. *Ma'ārij al-Tafakkur wa Daqā'iq al-Tadabbur*. Dimashq:
Dār al-Qalam, 2000.

_____. *Tadabbur Surah al-Furqān fī Wiḥdah al-Mawdū'*, Cet.1,
Dimashq, Dar al-Qalam, 1991.

_____. *Qawā'id al-Tadabbur li Kitāb Allāh*, Dimashq: Dar al-
Qalam, 2009.

'Ali 'Adlāwī. *Athar Tartīb Nuzūl al-Qurān al-Karīm fī Binā' al-Aqadiy wa al-Suluk al-Haḍariy li al-Ummah al-Islāmiyyah*. Tesis kedoktoran Universiti Abu Bakr Belkeid Telmesan Algeria.

Al-Sa'dī, 'Abd al-Raḥmān bīn Nāṣir bin 'Abd Allāh. *Tāyṣīr āl-Karīm āl-Rāḥmān fī Tāfṣīr Kālām āl-Mānnān*, ed. 'Abd āl-Rāḥmān bin Mu'allā āl-Lūwāyḥāq. ṭ.ṭp.:
Mū'āṣṣāṣāh āl-Riṣālāh, 2000.

- Abdul Rahman ‘Abīd Husain. *Al-Suwar Al-Qurāniyyah bayna Tartīb al-Tawfīqiy wa Tartīb Al-Nuzūliy wa Athar zālika fi Al-Wihdah Al-Mauḍū’iyyah wa Al-Munāsabah Al-Qurāniyyah*. Tesis kedoktoran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 2005.
- Abu Abdullah Muhammad al-Andalusi al-Qurtubi. *al-Jāmi’ li Ahkām al-Qurān*. Kaherah: Dar al-Hadith, 1996
- Abū Fidā, Imād al-Dīn Ismail bin Umar bin Kathīr. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Beirut: Dar al-Ma’rifah, 2000.
- Abū Ḥāyyān, Mūḥammād Ibn Yūṣūf āl-Āndālūṣī. *āl-Bāḥr āl-Mūḥīt*, ed. Ṣīdqi Mūḥammād Jāmīl. Beirūt: Dār āl-Fīkr, 1999
- Ahmadi Fathurrohman Dardiri. *Pemikiran Tafsir Muhammad ‘Abid Al-Jabiriy Dalam Fahm al-Quran al-Hakim: al-Tafsir al-Wadih Hasb Tartib al-Nuzul*, Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Al-Asfahani, Abu al-Qasim al-Husayn bin Muhammad al-Raghib al-Asfahani. *Mu’jam Mufradāt al-Alfāz al-Qurān*. Beirut: Dar al-Fikr, 2009
- Al-Zarqānī. *Manāhil Al-Irfān fi ‘Ulūm Al-Quran*. al-Qahirah: ‘Isa al-Bab al-Halabi, 1988.
- Badr al-Dīn Muhammad bin ‘Abdullah al-Zarkashiy. *Al-Burhān fi ‘Ulūm al-Qurān*. Cet.1, Kaherah: Dār al-Hadīth, 2006.
- Badr al-Dīn Muhammad bin Abdullah al-Zarkashiy. *Al-Burhān fi ‘Ulūm al-Qurān*. Cet.1, (Kaherah: Dar al-Hadith, 2006.
- Dalāl bint Kuwairan bin Huwaymil. *al-Tajdīd fi Tafsīr fi al-‘Asr al-Hadīth Mafhūmuh wa Dawābiṭuh wa Ittijāhātuh*. Tesis kedoktoran Universiti Umm al-Qura Makkah Saudi, 2014.

Faḍl Ḥasan ‘Abbās. *al-Taḥfīr Asāsīyyāṭuh wa Ittijāhātuh*, Amman: Maktabah Dandīs, 2005.

_____. *I’jāz al-Qurān al-Karīm*. Amman: Dar al-Nafais, 2015.

Fazlida binti Mustafa. Metodologi Penulisan Ilmu Mustalah al-Hadith: Kajian Perbandingan Antara Kitab Muhadith Al-Fasil Dengan Al-Kifayah. Disertasi sarjana, Jabatan al-Quran al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011.

Ibn Hishām. *al-Sīrah al-Nabawīyyah*, ed Mustafa al-Saqa. Kaherah: Muṣṭafa al-Bāb, 1955.

Ibn Qutaybah, Abū Mūḥammad ‘Abd Allāh bin Mūslīm āl-Dīnāwārī. *Ta’wīl Mūṣḥkil āl-Qur’ān*, ed. Ībrāhīm Ṣhāms āl-Dīn. Beirūt: Dār āl-Kūṭūb āl-‘Ilmiyyāh, t.t.

Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī. *al-Itqān Fi ‘Ulūm al-Qurān*. Riyadh: Wizārah al-Shu’ūn al-Islāmiyyah wa Al-Awqāf fi Da’wah wa Al-Irshād, 1993.

M.Quraish Shihab. Wawasan Al-Quran Tafsir Maudhu’i atas Pelbagai Persoalan Umat. Penerbit Mizan Bandung Indonesia, 1996.

Majd al-Makkiy. *al-Ta’rīf bi Kitāb Ma‘ārij al-Tafakkur wa Daqā’iq al-Tadabbur li al-‘Allāmah ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Midāniy*. Dimashq: Dār al-Qalam, 2006.

Mannā’ al-Qaṭṭān. Mabāhith Fi ‘Ulūm al-Qurān. Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1996.

Muhammad ‘Ābid al-Jābirī. *Fahm al-Qurān al-Taḥfīr al-Wāḍiḥ ḥasb Tartīb al-Nuzūl*. Markaz Dirāsāt al-Wihdah al-‘Arabiyyah Beirut, 2006.

. *Madkhal ilā al-Qurān al-Karīm*. Markaz Dirāsāt al-Wiḥdah al-‘Arabiyyah Beirut, 2006.

Muhammad ‘Izzat Darwazah. *al-Tafsīr al-Ḥadīth Tartīb al-Suwar Ḥasb al-Nuzūl*. Beirut, Lubnan, Dār al-Gharb al-Islāmiy, 2000.

Muhammad Ghiyath al-Din Hafiz. *Manhaj al-Ustāz al-Maudūdiy fi Tafsīrihi ‘Tafhīm al-Qurān*. 2006.

Muhammad Ibrāhim Sharīf. *Ittijāhāt al-Tajdīd fi al-Qur’ān al-Karīm*. Kāherah: Dār al-Salām, 2008.

Muhammad Majliy Ahmad Rababi’ah. *Tafsīr Al-Qurān ‘ala Tartīb al-Nuzūl*. Jurnal Ulūm al-Sharī’ah wa al-Qānun, No1, Jordan: Universiti Jordan, 2010.

Muhammad Ra’fat Fauzi. *Tārīkh Nuzūl al-Qurān al-Karīm*, 2001.

Muhammad Sha’bāniy. *al-Burhān fi Tartīb Suwar al-Qurān li Abi Ja’afar Ahmad bin Ibrahim bin Zubair al-Gharnāṭiy*. Moroko: al-Mamlakah al-Maghribiyyah Wizārah al-Awqāf wa Shu’ūn al-Islāmiyyah, (tahqiq 1990).

Mustafa Muslim. *Al-Tafsīr Ḥasb Tartīb al-Nuzūl fi al-Mizān*. Saudi: Riyadh, 2011. artikel.

Mustaffa Abdullah, *Khazanah Tafsir di Nusantara*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2011.

Nādiy Hasan Ali. *Manhaj ‘Abd al-Raḥmān Ḥabannakah al-Miydaniy fi al-Tafsīr*. Amman: Universiti Jordan, 2006.

Norazamudin Umar. “Sa’id Hawwa (1935-1989): Pemikiran Dakwah dan Kedudukannya dalam Gerakan Al-Ikhwan Al-Muslimun di Syria”. Disertasi

sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2004.

Selamat bin Amir. Elemen Saintifik Dalam Al-Quran: Analisis Terhadap Tafsir Al-Sha'rawi Karangan Muhammad Mutawalli Al-Sha'rawi. Tesis Kedoktoran, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2016.

Solāh 'Abd al-Fattāh al-Khālidiy, *Ta'rif al-Dārisin bi Manāhij al-Dārisin*, Dār al-Qalam Dimashq, 2008.

Ṭāha 'Abid Ṭāha. *Tartīb Suwar al-Qurān al-Karīm*. Majallah al-Buhuth wa al-Dirasat al-Qurāniyyah, artikel.

Ṭāha Muhammad Fāris. *Tafāsir al-Qurān al-Karīm Hasba Tartīb al-Nuzūl (Dirāsah wa Taqwīm)*. Jordan, Dār al-Fath li al-Dirāsat wa al-Nashr, 2011.

Taufik Adnan Amal. Rekonstruksi Sejarah Al-Quran. Divisi Muslim Demokratis Yayasan Abad Demokrasi, Jakarta, 2011.

'Umar Sulaymān 'Abd Allāh āl-Āṣḥqār. *Nāḥw Ṭḥāqāfāḥ Īṣlāmīyyāḥ Āṣīlāḥ*, cet. ke-13. Jordān: Dār āl-Nāfā'is, 2011.

Yūsuf al-Qaradawī. al-Madkhal li Dirāsat al-Sunnah al-Nabawiyyah. Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001.

Laman Sesawang

Laman sesawang Persuratan Melayu Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia Malaysia, dicapai pada 5 ogos 2018, <http://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=kepentingan>.

Laman sesawang Wikipedia, dicapai pada 5 ogos 2018, https://en.wikipedia.org/wiki/Mohammed_Abed_al-Jabri.

Laman sesawang Wikipedia, dicapai pada 5 Ogos 2018,
https://en.wikipedia.org/wiki/Ibn_Rushd_Prize_for_Freedom_of_Thought.

Laman sesawang Wikipedia, dicapai pada 20 Julai 2017,
https://en.wikipedia.org/wiki/Theodor_N%C3%B6ldeke.

Laman sesawang Wikipedia, dicapai pada 6 Julai 2017,
https://en.wikipedia.org/wiki/Jacques_Berque.

Laman sesawang dicapai pada 5 September 2016

<http://digilib.uin-suka.ac.id/795/>

Universiti Malaya